

RM 10.00

POLITIK  
**MAHATHIR**  
langkah & perhitungan

# POLITIK **MAHATHIR** langkah & perhitungan

RAHMAN SHAARI



**'D' ENTERPRISE**

(Wholly Owned and Managed by MAHIR HOLDINGS SDN.BHD.)

Terbitan:  
**'D' ENTERPRISE**  
(Wholly Owned and  
Managed by  
**MAHIR HOLDINGS**  
**SDN.BHD.**)  
13A-1, Bangunan Sri Pantai  
Jalan Pantai Baru  
59200 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-7561800, 7561936  
7576548. Fax: 03-7575286

m

320.9595  
RAH

© Rahman Shaari 1989

ISBN 983-852-060-8

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari 'D' ENTERPRISE.

Dicetak di Malaysia      625935  
Oleh  
**Kong Lee Printers,**  
**34, Jalan Merlimau,**  
**Off Jalan Kenanga, Kuala Lumpur.**

17 MAY 1993  
Perpustakaan Negara

## **PENGHARGAAN**

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada 'D' ENTERPRISE kerana sudi menerbitkan buku ini dalam waktu yang begitu singkat. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd. kerana mengizinkan saya menggunakan sebahagian koleksi gambar mereka.

## **PENGANTAR**

**S**AYA tidak berhasrat untuk menulis *Pengantar* yang panjang. Memadailah saya katakan bahawa buku ini ditulis untuk menggambarkan pergolakan politik dalam dekad 80-an, dalam era pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad. Buku ini ditujukan kepada pembaca-pembaca yang bosan dengan kata-kata keras terhadap Dr. Mahathir Mohamad dan yang bosan dengan puji-pujian yang melampau terhadap Tengku Razaleigh Hamzah. Bukan sedikit buku-buku yang memuatkan emosi semata-mata untuk menjatuhkan air muka pemimpin yang bernama Mahathir itu. Itu adalah hak para penulis dan saya memilih untuk mendapat hak saya.

Pandangan saya terhadap Dr. Mahathir Mohamad sama sahaja sejak dahulu. Beliau tidak menyenangi dan tidak disenangi oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1969. Pada tahun 1989 pun begitu juga. Ertinya 20 tahun pertentangan beliau dengan Tunku tidak berubah-ubah.

Pada masa lalu, Tunku menyingkirkan Dr. Mahathir Mohamad dari UMNO. Sekarang Tunku pula tersingkir dengan sendirinya dari UMNO, berserta dengan Tengku Razaleigh Hamzah. Itu adalah putaran sejarah yang mudah difahami.

Yang lebih menarik hati, dahulu Dr. Mahathir Mohamad menulis surat mengecam Tunku Abdul Rahman. Sekarang takdir telah menggerakkan Tunku Abdul Rahman menulis surat mengecam Dr. Mahathir Mohamad. Surat Tunku disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 9 hb. Februari 1989. *Utusan Malaysia* sebelum itu dikatakan tidak melayan Semangat 46.

Selain memaparkan idea tentang pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad, saya kemukakan juga idea saya tentang pemimpin Melayu masa depan. Saya fikir saya tidak sendirian menganggap Saudara Anwar Ibrahim adalah tokoh yang tepat untuk menerajui pemerintahan negara dalam tahun 1990-an, atau sekurang-kurangnya menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ini bukanlah ramalan seorang nujum, tetapi perkiraan hasil pemerhatian yang mengambil masa bertahun-tahun.

**RAHMAN SHAARI  
UNIVERSITI MALAYA**

# KANDUNGAN

PENGHARGAAN	v
PENGANTAR	vi
PENDAHULUAN	1
POLITIK MAHATHIR-LANGKAH DAN PERHITUNGAN	5
TOKOH POLITIK, PENGULAS POLITIK DAN HAKIKAT POLITIK	13
NASIONALISME MALAYSIA: DIBENTUK ATAU DITOLAK	19-
BERJAYA TUMBANG KERANA ANGKUH	24
MAHATHIR DAN HARRIS SALLEH	27
NEO-KOLONIALISME: APAKAH MAKSUD UCAPAN DR. MAHATHIR?	29
PROFESOR SYED HUSSEIN AL-ATTAS MENYERTAI UMNO	32
PERTEMUAN DI SRI PERDANA	36
PERTEMUAN 10 MATA: SATU ANALISA LANJUTAN	39
KE ARAH PERDAMAIAN POLITIK MELAYU	42
BENARKAH PAS MENOLAK NASIONALISME?	49
HAPUSKAN HAK MELAYU: TRAGEDI TAHUN 1985	53
ORANG MELAYU DAN HAK ISTIMEWA	56
PERTEMUAN DENGAN USTAZ ABDUL HADI AWANG	59
TRAGEDI MEMALI: POLITIK ADALAH POLITIK	64
PENGARUH IBRAHIM LIBYA	66

PERLETAKAN JAWATAN DATUK MUSA HITAM	71
IMPIAN POLITIK, TINDAKAN POLITIK DAN PENCAPAIAN POLITIK PILIHANRAYA 1986	75
PERISTIWA-PERISTIWA PENANGKAPAN DAN KESANNYA	78
TANPA PERPECAHAN, TAK HIDUPLAH TOKOH POLITIK	81
DATUK MUSA HITAM AKHIR 1988 DAN AWAL 1989	85
PILIHANRAYA PARIT RAJA: PERTENTANGAN NON-ANTAGONIS	90
PILIHANRAYA PARIT RAJA: MANIFESTASI PERTENTANGAN YANG LEBIH BESAR	93
PINTU UMNO TERBUKA, SATU SANDIWARA?	97
PEMIKIRAN DARI PERSIDANGAN AGUNG UMNO 1988	101
CANTUMAN SEMANGAT 46 DAN PAS: HALANGAN SEJARAH DAN PERWATAKAN	106
DATUK HARUN IDRIS DI AMPANG JAYA	110
KEKALAHAN DATUK HARUN IDRIS DI AMPANG JAYA: ALASAN DAN IMPLIKASI	114
DATUK RADZI SHEIKH AHMAD	117
DATUK ASRI MENYERTAI UMNO	120
POLITIK DATUK MUSA HITAM	123
DATUK MUSA HITAM MENYERTAI UMNO: ALASAN DAN KOMENTAR	125
PEMIMPIN MELAYU MASA DEPAN	129
<i>BIBLIOGRAFI</i>	132

## PENDAHULUAN

**D**EKAD 80-an adalah zaman Mahathir. Oleh sebab buku ini terbit pada tahun 1989, saya hanya dapat menyuarakan harapan saya tentang masa depan politik tanahair khususnya dalam dekad 90-an. Saya tidak gemar membuat ramalan. Pada awal dan pertengahan dekad 80-an, penulis yang sering membuat ramalan ialah S.H. Al-Attas. Pada tahun 1983, sebelum tarikh pertandingan kali ke-2 di antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Datuk Musa Hitam berlangsung, S.H. Al-Attas meramalkan begini:-

"Tahun 1984 nanti Mahathir kekal jadi Perdana Menteri dan presiden UMNO. Musa jadi Timbalan Perdana Menteri dan Ku Li jadi timbalan presiden UMNO".  
(Dipetik daripada buku *Tuah Nasib Pemimpin Malaysia*).

Ternyata ramalan tersebut tidak menepati realiti. Ramalan-ramalan yang silap menyebabkan S.H. Al-Attas mengakui bahawa dia telah berhenti membuat ramalan politik.

Selain tidak mengemukakan ramalan tentang politik dekad 90-an, saya juga tidak mengemukakan sikap menentang perkembangan politik UMNO. Berkali-kali saya telah menyatakan bahawa perkembangan dalam tahun-tahun 80-an ini adalah wajar. Dr. Mahathir Mohamad telah memaparkan keupayaan kepimpinannya. Tindakan-tindakannya telah ditentang oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam kerana impian mereka ialah untuk segera menggantikan Dr. Mahathir Mohamad.

Apabila kita membuka mata melihat peristiwa penentangan tersebut secara objektif, maka kita mendapati serangkaian alasan yang munasabah. Ada tiga alasan besar yang menyebabkan Tengku Razaleigh Hamzah sampai hati menentang Dr. Mahathir Mohamad. Alasan pertama, beliau telah biasa mendapat jumlah undi yang besar sebagai naib presiden UMNO. Alasan kedua, beliau pernah diramalkan oleh majalah luar negeri akan menjadi Perdana Menteri Malaysia. Alasan ketiga, beliau tidak senang hati kerana Dr. Mahathir Mohamad menyelbelahi Datuk Musa Hitam dalam *epic battle* mereka.

Datuk Musa Hitam juga mempunyai alasan tertentu untuk memusuhi Dr. Mahathir Mohamad. Alasan yang jelas ialah beliau tidak menyenangi sikap Dr. Mahathir Mohamad yang masih mengekalkan Tengku Razaleigh Hamzah di dalam kabinet, walaupun Tengku Razaleigh Hamzah tidak mempunyai jawatan penting yang dipertandingkan dalam UMNO. Tengku Razaleigh Hamzah hanya memegang jawatan Bendahari UMNO, iaitu jawatan yang diberikan oleh pucuk pimpinan.

Saya melihat seluruh pergolakan UMNO dalam tahun 80-an dan kemudian menjadi pergolakan negara, adalah berpunca daripada perkembangan di atas. Jika kita hendak menekankan kesilapan Dr. Mahathir Mohamad, maka sikapnya menyebelahi Datuk Musa Hitam dan tindakannya mengekalkan Tengku Razaleigh Hamzah di dalam kabinet adalah kesilapan yang agak besar. Itu adalah manifestasi stail kepimpinannya yang mengingini keseimbangan. Tentu beliau tidak pernah terfikir bahawa Datuk Musa Hitam sanggup meletakkan jawatan kerana soal demikian. Rakyat umum juga tertanya-tanya mengapakah Datuk Musa Hitam melakukan tindakan begitu. Sejumlah rakyat merestui tindakan beberapa orang pemimpin berusaha memujuk Datuk Musa Hitam kembali ke dalam kerajaan dan juga ke dalam UMNO. Beliau akhirnya memilih untuk memegang jawatan Timbalan Presiden UMNO, tetapi tidak menerima jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Percantuman tenaganya dengan tenaga Tengku Razaleigh Hamzah untuk mendapatkan kedudukan dalam UMNO pada bulan April 1987 menunjukkan bahawa Datuk Musa Hitam tidak pernah bosan dengan politik. Beliau sanggup bersatu tenaga dengan Tengku Razaleigh Hamzah kerana beliau tahu bahawa penyatuan itu dapat mengerhanakan politik Tengku Razaleigh Hamzah sendiri. Beliau tahu, jika Tengku Razaleigh Hamzah menentang Dr. Mahathir Mohamad, maka Dr. Mahathir Mohamad akan bertindak menyingkirkan Tengku Razaleigh Hamzah. Itu sahaja caranya beliau dapat meletakkan Tengku Razaleigh Hamzah dalam kedudukan di pinggiran.

Tidaklah pernah teramat olehnya UMNO akan diharamkan. Namun, walau apa pun yang terjadi, Tengku Razaleigh Hamzah telah merasai dirinya di pinggiran sehingga terpaksa meminta kerjasama PAS dan DAP. Pada masa yang sama Datuk Musa Hitam menyertai Kongres Melayu yang memberi jalan kepadanya untuk kembali menyertai UMNO.

Datuk Musa Hitam tidak pernah menjadi pemimpin penting Semangat 46. Tampaknya beliau tidak cenderung untuk menduduki barisan kepimpinan kumpulan itu. Beliau hanya menunjukkan sokongan dalam keadaan-kedaaan tertentu sahaja. Dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya, beliau

tidak menyokong Datuk Harun Idris, walaupun beliau muncul di dewan pada hari penamaan calon.

Tengku Razaleigh Hamzah yang telah dikaitkan dengan PAS dan DAP kelihatan sudah terlanjur. Impian Datuk Musa Hitam hendak meminggirkan Tengku Razaleigh Hamzah kelihatan kian mendekati kejayaan yang memuaskan. Malangnya, Datuk Rais Yatim dan Datuk Radzi Sheikh Ahmad turut terlibat dalam perhitungan tanpa perincian oleh Tengku Razaleigh Hamzah itu. Perlu disebutkan bahawa Tengku Razaleigh Hamzah menganggap pilihanraya kecil adalah tribunal rakyat. Ternyata tribunal itu menyebelahi Dr. Mahathir Mohamad.

Demikianlah antara gambaran dan sikap yang mencirikan buku ini. Saya mengharapkan terhasilnya objektiviti dalam membuat penilaian terhadap tokoh dan peristiwa. Sikap sengaja menyebelahi sesuatu pihak cuba saya elakkan. Mungkin saya dianggap gagal berbuat demikian kerana saya menyenangi zaman Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mahathir Mohamad adalah manusia teoritis dan praktis. Beliau pernah menulis buku *Menghadapi Cabaran* dan di dalam hidup beliau sanggup menghadapi cabaran. Saya kira, perwatakan Dr. Mahathir Mohamad patut menjadi contoh untuk sesiapa yang ingin maju. Ini tidak pula bermakna saya mengecam musuh-musuh politiknya secara habis-habsian. Tengku Razaleigh Hamzah juga tabah, cuma sesekali beliau kehilangan pertimbangan kerana tersepit di tengah-tengah keadaan yang menyulitkan. Ketabahan dan ketegasannya juga boleh dijadikan contoh, tetapi impiannya hendak mendapatkan jawatan presiden pada waktu yang belum wajar adalah impian yang berlebih-lebihan. Datuk Musa Hitam pula amat menarik dilihat daripada segi kelincihannya berpolitik. Tetapi, seperti Tengku Razaleigh Hamzah, beliau juga tersilap langkah dalam beberapa keadaan. Semua ini ada dinyatakan dalam bab-bab tertentu di dalam buku ini.

Siapa pun pemimpin kita dalam dekad 90-an, kita terima, asalkan pemimpin itu melanjutkan ketuanan kita dan dapat memajukan rakyat negara. Walaupun kita melihat adanya kelemahan-kelemahan tertentu bagi setiap pemimpin, eloklah kita perhatikan juga kelebihan mereka, misalnya kita lupakan gelaran diktator untuk Dr. Mahathir Mohamad, kerana yang penting beliau adalah pendorong kemajuan dan pembina maruah bangsa. Kita lupakan juga ejekan "lompat si katak lompat" yang ditujukan kepada Datuk Musa Hitam kerana yang penting beliau adalah tokoh yang mempercayai demokrasi.

Seterusnya kita tinjau pencapaian Saudara Anwar Ibrahim dalam melaksanakan tugas-tugas yang dibebankan kepadanya. Kelemahan pasti ada pada setiap manusia, tetapi jika pada tinjauan kita Saudara Anwar

Ibrahim berpotensi dan konsisten mempertahankan prinsip serta pendiriannya, maka wajarlah dia diterima baik sebagai pemimpin kita dalam dekad 90-an.

# POLITIK MAHATHIR: LANGKAH DAN PERHITUNGAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD dilantik menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981. Oleh kerana beliau terus menjadi Perdana Menteri pada tahun 1989, maka bererti keseluruhan dekad 80-an adalah dekad Mahathir. Rakyat Malaysia berpeluang memerhatikan dan menanggapi langkah dan perhitungan Perdana Menteri yang aktif dan progresif ini dalam jangka masa yang agak panjang. Para penulis politik telah menghasilkan sejumlah buku mengkritik beliau daripada berbagai-sudut. Di antara buku-buku yang dihasilkan itu, ada yang cukup keras, ditulis oleh penulis yang berada di pihak lawan, iaitu pihak yang tidak menyenanginya.)

Langkah dan perhitungan Dr. Mahathir Mohamad, selama beliau mentadbir negara ini, adalah langkah dan perhitungan yang diyakininya. Oleh itu, beliau tidak begitu menghiraukan para pengkritiknya. Pada tahun 1981 dan tahun-tahun kemudiannya, beliau memilih tokoh-tokoh yang dianggap berwibawa menjadi menteri dalam kabinetnya. Di antara mereka, yang penting ialah Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Radzi Sheikh Ahmad sebagai timbalan menteri dan agak terlanjur melantik Datuk Shahrir Samad sebagai menteri penuh. Mengapakah anggota kabinetnya sedemikian rupa?

Dr. Mahathir Mohamad bercita-cita besar untuk memajukan negara ini dan meninggikan maruah dan martabat bangsa. Tokoh-tokoh seperti Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Rais Yatim dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi adalah tokoh-tokoh yang dapat bekerja dengan baik kerana mereka berkeupayaan. Manakala Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan Datuk Kadir Sheikh Fadzil adalah bakat-bakat besar yang perlu diberi pengalaman untuk dipertingkatkan.

Dalam membuat pilihan seperti di atas, Encik Ghafar Baba tidak terpilih. Pada masa itu Dr. Mahathir Mohamad meletakkan Encik Ghafar Baba di tempat penasihat dan Encik Ghafar Baba pula merupakan ahli UMNO yang amat setia kepada parti dan pemimpin parti. Tidak ada masalah yang ditimbulkan oleh Encik Ghafar Baba walaupun beliau tidak terpilih.

Kesilapan Dr. Mahathir Mohamad dalam membuat perhitungan ini ialah beliau tidak terfikir bahawa ada manusia yang ingin segera berada di puncak pemerintahan. Beliau hanya berfikir untuk memperkuatkan parti dan kerajaan, padahal parti dan kerajaan yang kuat menyebabkan orang lain ingin menjadi ketua. Dr. Mahathir Mohamad yakin bahawa dengan meletakkan Datuk Musa Hitam di tempat timbalannya dan Tengku Razaleigh Hamzah di Kementerian Kewangan, masalah tidak timbul. Tetapi kedua-dua tokoh itu mempunyai cita-cita besar yang ingin dicapai segera.

Tengku Razaleigh Hamzah mengingini tempat timbalan dengan segera. Dr. Mahathir Mohamad menghalang hasrat Tengku Razaleigh Hamzah dengan cara menyokong Datuk Musa Hitam dalam pemilihan tahun 1981. Datuk Musa Hitam menang. Pada tahun 1984, Tengku Razaleigh Hamzah mencabar Datuk Musa Hitam sekali lagi. Dr. Mahathir Mohamad tetap di sebelah Datuk Musa Hitam. Datuk Musa Hitam menang lagi.

Sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengharapkan persetujuan Dr. Mahathir Mohamad dalam satu hal penting. Beliau mahukan Tengku Razaleigh Hamzah diketepikan dari kabinet. Dr. Mahathir Mohamad tetap dengan langkah dan perhitungannya. Tengku Razaleigh Hamzah dikekalkan sebagai Menteri Kewangan, kemudian ditukar ke Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Ini dianggap oleh Datuk Musa Hitam sebagai dasar pecah dan perintah.

Hasrat Datuk Musa Hitam hendak melihat Tengku Razaleigh Hamzah diketepikan ternyata gagal. Pada masa yang sama, Saudara Anwar Ibrahim yang mempertajamkan ABIM itu mencapai tingkat demi tingkat dalam kerajaan. Ini benar-benar tidak menyenangkan Datuk Musa Hitam. Datuk Rais Yatim pun pernah mengemukakan komentar mengatakan Dr. Mahathir Mohamad terlalu mementingkan Saudara Anwar Ibrahim dalam banyak hal.

Daripada segi politik nasional, hasrat Dr. Mahathir Mohamad mempertingkatkan kedudukan Saudara Anwar Ibrahim dalam kerajaan amatlah munasabah. Akan tetapi daripada sudut politik kelompok tokoh-tokoh UMNO, langkah dan perhitungan Dr. Mahathir Mohamad menimbulkan konflik. Datuk Musa Hitam melihat ke kanan ada Tengku Razaleigh Hamzah dan melihat ke kiri ada Saudara Anwar Ibrahim. Tengku Razaleigh Hamzah telah memperlihatkan keupayaan menentang, walaupun kalah tetapi jumlah undinya besar. Saudara Anwar Ibrahim pula sedang membangun dengan cepat. Jika Dr. Mahathir Mohamad berhenti menyokongnya dalam pemilihan seterusnya dan penentangnya ialah Saudara Anwar Ibrahim, maka beliau mungkin kalah. Pada masa yang betul, Dr. Mahathir Mohamad mungkin akan menyebelahi Saudara Anwar Ibrahim

jika berlaku pertandingan sama ada pertandingan dua penjuru ataupun tiga penjuru.

Demikianlah antara lain kesan langkah dan perhitungan Dr. Mahathir Mohamad daripada segi memilih anggota kabinet dan menentukan kedudukan seseorang tokoh dalam barisan kepimpinan UMNO. Kemuncak kepada segala kesan ialah perlantakan jawatan Datuk Musa Hitam pada 16hb. Mac 1986.

Apakah langkah dan perhitungan Dr. Mahathir Mohamad daripada segi ideologi? (Isu perlembagaan yang hangat pada tahun 1983 adalah manifestasi ideologi Dr. Mahathir Mohamad. Beliau tidak menghendaki kuasa monarki dan feudal. Beliau amat tidak menyetujui campurtangan istana serta pentadbiran dan pemerintahan. Rakyat diajak memikirkan hal ini secara bersungguh-sungguh)

(Walau bagaimanapun, cita-cita beliau tidak tercapai sepenuhnya). Parti pembangkang dan juga sebahagian daripada tokoh-tokoh dan bekas-bekas tokoh UMNO menganggap Dr. Mahathir Mohamad hendak menjadi diktator. Dr. Mahathir Mohamad dikatakan hendak berkuasa penuh dan mengetepikan demokrasi.

Bagi Dr. Mahathir Mohamad, kuasa Perdana Menteri adalah kuasa rakyat. Perdana Menteri hendaklah berbuat sebaik-baiknya untuk faedah rakyat. Perdana Menteri tidak perlu berunding terlalu banyak dengan menteri-menteri lain dan dengan ahli Majlis Tertinggi UMNO, untuk memutuskan dan melaksanakan sesuatu keputusan. Perundingan yang bertele-tele menyebabkan perjalanan kerajaan lambat dan lembab. Inilah falsafah Dr. Mahathir Mohamad. Falsafah inilah yang menyebabkan beliau dituduh sebagai diktator, suatu gelaran yang tidak didefinisikan.

Istilah diktator untuk Dr. Mahathir Mohamad digunakan oleh pemimpin-pemimpin dan bekas-bekas pemimpin yang ingin mengambil tempat Dr. Mahathir Mohamad. Mereka ialah Datuk Harun Idris, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Hasrat Datuk Harun Idris tidaklah jelas pada awal pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Hasratnya kelihatan samar-samar ketika beliau memasuki pertandingan tiga penjuru, iaitu menentang Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 1984. Beliau mendapat 34 undi sahaja, jumlah yang amat kecil, padahal beliau menjangka beliau akan menang. Jika beliau menang, beliau akan bergerak ke tempat tertinggi.

Hasrat Datuk Harun Idris tidak kunjung padam. Pada tahun 1988, ketika beliau berusia 64 tahun, beliau menentang Ong Tee Kiat dari Barisan Nasional untuk masuk ke parliment menggugat Dr. Mahathir Mohamad. Tetapi orang Melayu Ampang Jaya yang dianggap sudah bulat



*Dr. Mahathir Mohamad, perhitungannya menimbulkan aneka tafsiran*

menyokongnya sanggup menyebelahi calon MCA untuk memudahkan perjalanan pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad.

Pada tahun 1983, Datuk Harun Idris adalah salah seorang wakil UMNO dalam perundingan dengan raja-raja untuk menyelesaikan masalah isu perlombagaan. Ertinya, beliau masih dapat menerima jalan yang diterokai oleh Dr. Mahathir Mohamad pada masa itu, walaupun kita tidak dapat membaca fikirannya. Tokoh-tokoh UMNO lain yang turut menyertai perundingan itu ialah Encik Ghafar Baba (ketua), Tengku Ahmad Rithaudden, Puan Marina Yusuff, Datuk Mustaffa Jabar dan Tan Seri Kamaruddin Mat Isa.

Datuk Harun Idris menerima jalan yang diterokai oleh Dr. Mahathir Mohamad secara teragak-agak. Beberapa bulan selepas perundingan itu, kita menemui pandangan-pandangan dari zaman lampau yang dikemukakannya, sama seperti suara Datuk Senu Abdul Rahman tentang soal raja-raja dalam perlombagaan. Telah diketahui umum bahawa Datuk Senu telah menyebarkan surat menentang Dr. Mahathir Mohamad yang menimbulkan isu pindaan perlombagaan itu.

Ketika itu sudah jelas perbezaan ideologi dalam UMNO, sungguhpun ideologi itu tidak dinamakan Datuk Harun, Datuk Senu dan sejumlah tokoh lama dalam UMNO adalah ideologi suara lama yang ingin menyambung cara dan gaya Tunku Abdul Rahman. Dr. Mahathir Mohamad disokong secara bersungguh-sunguh oleh Saudara Anwar Ibrahim dan Encik Ghafar Baba. Orang harapan Dr. Mahathir Mohamad, iaitu Datuk Musa Hitam tidak memperlihatkan sikap yang jelas. Beliau menimbulkan masalah lain, iaitu masa PAS hendak menjadikan Malaysia ini republik Islam. Dengan membawa isu ini, Datuk Musa Hitam memperlihatkan sikapnya menyokong sistem monarki dan menentang PAS yang kononnya hendak menghapuskan sistem tersebut.

Secara ringkas, demikianlah gambaran ideologi dalam zaman pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Saudara Kamaruzzaman Yacob, seorang pemuda sosialis, pada masa itu memuji Dr. Mahathir Mohamad yang dianggapnya membuka jalan baru ke arah kegemilangan Malaysia. Saudara Kassim Ahmad ketua Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) memaparkan sokongan yang nyata terhadap Dr. Mahathir Mohamad. Kemudian, Saudara Kassim Ahmad menyertai UMNO, diikuti oleh Kamaruzzaman Yacob.

Saya menyebutkan nama Kamaruzzaman Yacob kerana setelah UMNO berpecah (menjadi team A dan team B), dan kemudian diharamkan dan muncul pula UMNO yang ditubuhkan oleh Dr. Mahathir Mohamad dan kumpulan Semangat 46, Kamaruzzaman menjelaskan dirinya di pihak

Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau menulis buku-buku yang luar biasa kerasnya, menyebutkan bahawa Dr. Mahathir Mohamad amat kental mempertahankan yang mungkar (Kamaruzzaman Yacob, *Politik Malaysia: Rumusan*, 1989, hlm. 16). Tidaklah perlu diambil kira sangat soal sikap seseorang penulis buku, tetapi yang nyata dalam zaman Dr. Mahathir Mohamad ini ada orang sosialis yang bertukar menjadi peribadi-peribadi yang sanggup merafsak sembah.

Terlepas daripada aspek menyerang Dr. Mahathir Mohamad secara habis-habisan, buku Saudara Kamaruzzaman Yacob saya ambil kira kerana beliau membuat rumusan. Rumusan Saudara Kamaruzzaman barangkali rumusan yang disetujui oleh Semangat 46. Pada halaman 51 buku itu, Saudara Kamaruzzaman menyatakan bahawa DAP telah berjuang menentang kemungkaran politik. Istilah 'kemungkaran politik' adalah istilah yang sering disebut oleh Tengku Razaleigh Hamzah dalam ucapan-ucapannya untuk menentang Dr. Mahathir Mohamad.

Munculnya buku-buku Kamaruzzaman Yacob, Yahaya Ismail, Ainool Jamaal dan beberapa orang penulis lagi, yang terang-terang menentang Dr. Mahathir Mohamad, jelas menggambarkan sikap demokratik kerajaan Dr. Mahathir Mohamad. Ketika Datuk Musa Hitam menjadi Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Perdana Menteri, muncul buku-buku karya S.H. Al-Attas yang terang-terang menentang Datuk Musa Hitam. Ternyata Datuk Musa Hitam juga sedemokratik Dr. Mahathir Mohamad. Oleh itu, mereka kira-kira sama dalam hal ideologi, cuma Datuk Musa Hitam terlalu berhasrat untuk mencapai cita-citanya maka beliau menentang Dr. Mahathir Mohamad. Ketika Datuk Musa Hitam merujuk semula ke dalam UMNO, beliau menyebutkan bahawa Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah menjadi diktator, cuma beliau bimbang kalau-kalau Dr. Mahathir Mohamad akan menjadi diktator kalau tidak disebat.

Yang melanjutkan pandangan bahawa Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang diktator ialah Tunku Abdul Rahman. Dalam suratnya yang tersiar dalam *Utusan Malaysia*, 9 hb. Februari 1989, Tunku Abdul Rahman mengatakan: "Lepas UMNO *registered* dan digantikan dengan UMNO baru, bermaknalah Dr. Mahathir Mohamad telah melantik dirinya sebagai diktator kerana UMNO baru telah beri kuasa ia memerintah dengan segala kebebasan dan semua ahli dalam UMNO baru itu jadi pengikut-pengikutnya".

Oleh sebab pandangan Tunku Abdul Rahman berasaskan pertangannya dengan Dr. Mahathir Mohamad pada awal tahun 70-an dulu, maka sukarlah diambil kira. Tunku Abdul Rahman menyebutkan bahawa kekalahan Datuk Harun Idris di Ampang Jaya disebabkan oleh peranan media massa. Tunku Abdul Rahman tidak melihat betapa akhbar

*Watan* dan akhbar baru *Mingguan Politik* amat jelas menyokong Datuk Harun Idris. "Kenikmatan" menyokong pembangkang sedemikian rupa tidak dapat dirasai dalam zaman Tunku Abdul Rahman. Walau bagaimanapun, pandangan Tunku Abdul Rahman bahawa kekalahan Semangat 46 menyebabkan mereka "mampuah" bolehlah diterima sekadarnya. Kita dapat, Datuk Musa Hitam mengelak diri daripada turut "mampuah" dengan cara kembali ke UMNO.

Dr. Mahathir Mohamad berjaya membalikkan Datuk Musa Hitam ke UMNO, walaupun perubahan sikapnya dikritik oleh beberapa pihak. Beliau dalam keadaan uzur dan berada di hospital pada ketika itu. Beliau tidak akan berusaha untuk membalikkan Datuk Shahrir Samad ke UMNO, tetapi menurut Datuk Musa Hitam ada kemungkinan Datuk Shahrir Samad akan menurut jejaknya. Jika itu berlaku, Tengku Razaleigh Hamzah terpaksa berfikir ligat sama ada akan terus bersatu dengan DAP dan PAS dan Musa Hitam juga. Walaupun menurut rumusan Saudara Kamaruzzaman Yacob, Angkatan Baru yang terdiri daripada Semangat 46, PAS, DAP dan mungkin Berjasa, HAMIM serta GERAKAN negara, tetapi Tengku Razaleigh Hamzah terpaksa merenung jauh. PAS dan DAP akan terus hidup walaupun tidak gemilang, melalui cara itu. Tetapi, Semangat 46 mungkin *mampuah*. (Istilah *mampuah* yang dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman saya gunakan dengan kedua-dua makna, iaitu makna biasa dan makna khusus oleh Tunku Abdul Rahman sendiri.)

Jika Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Shahrir Samad, Datuk Rais Yatim, Puan Marina Yusuff dan lain-lain menyertai UMNO, mereka terlewat berbanding dengan Datuk Musa Hitam. Datuk Musa Hitam mendahului mereka itu dan dengan itu beliau lebih *senior* dalam UMNO yang wujud sekarang. Namun, beliau tidak mungkin berada di tempat yang terlalu penting, kerana selama UMNO wujud semula Saudara Anwar Ibrahim telah memperlihatkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi. Keadaan ini akan meletakkan Saudara Anwar Ibrahim yang muda itu lebih *senior* daripada yang lain-lain. Saudara Anwar Ibrahim lebih penting daripada Datuk Abdullah Ahmad Badawi, kerana Datuk Abdullah Ahmad Badawi lambat diterima dengan kepuuhan kerana penglibatannya bersama-sama Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 1987 dulu.

Langkah Dr. Mahathir Mohamad yang paling tepat tetapi amat mencabar dalam dekad 80-an ialah memberi tempat yang penting kepada Saudara Anwar Ibrahim. Tindakan itu tepat daripada sudut keperluan negara, walaupun amat mencabar daripada sudut kepimpinan beliau.

Daripada sudut kehendak dan keperluan negara, Saudara Anwar Ibrahim penting kerana ketokohnya dikenali sejak di universiti dan kemudian di

dalam pertubuhan belia, terutama di dalam ABIM. Pemikiran kritisnya dihormati di dalam dan di luar negeri sejak awal tahun 70-an, ketika beliau terlalu muda. Beliau adalah tokoh yang dianggap ideal, yang bersungguh-sungguh menentang penyelewengan dan memikirkan jalan keadilan dan kemakmuran. Beliau menjadi presiden ABIM tanpa berpakaian seperti kebanyakan ahli ABIM, membuktikan bahawa pemikiran dan sikapnya yang diterima oleh ahli-ahli pertubuhan belia Islam itu, bukan pakaian. Dr. Mahathir Mohamad dapat menjangka kesederhanaan Saudara Anwar Ibrahim jika berada di dalam kerajaan. Tetapi, apabila Saudara Anwar Ibrahim benar-benar berada di dalam kerajaan, timbulah masalah kerana tokoh-tokoh yang sudah lama berada di dalam UMNO tidak menyenangi kemunculan tokoh yang asalnya pengkritik kerajaan. Saudara Anwar Ibrahim menjadi menteri ketika Tan Sri Ghazali Shafie yang menahannya dalam tahanan I.S.A masih menjadi menteri. Saudara Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pelajaran (kini Pendidikan) selepas beberapa tahun mengkritik perlaksanaan KBSR yang dipelopori oleh Datuk Musa Hitam (semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan).

Biar apa pun pandangan penentang-penentangnya, Saudara Anwar Ibrahim masih dapat dianggap bakal pemimpin Melayu dan Malaysia masa depan yang akan melangsungkan dan mempertingkatkan pencapaian yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir Mohamad. Inilah yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Malaysia yang berfikiran tenang, biarpun mungkin agak lambat tibanya masa yang ditunggu-tunggu itu. Bagi pihak yang dilambung oleh aneka emosi yang dimainkan oleh para penentang Dr. Mahathir Mohamad, peningkatan Saudara Anwar Ibrahim tidak dikehendaki. Ini adalah masalah dalam politik Malaysia dekad ini. Kedudukan kewangan Saudara Anwar Ibrahim tidak sekuat kedudukan kewangan penentang-penentangnya, padahal sejak awal tahun 80-an telah diakui umum bahawa politik sekarang adalah politik wang. Datuk Musa Hitam pun ada menyebutkan bahawa salah satu sebab beliau meletakkan jawatan pada tahun 1986 adalah kerana bosan dengan politik wang. Bagaimanakah caranya Saudara Anwar Ibrahim akan menghadapi gejala politik wang di sekelilingnya? Itulah cabaran utama wira masa depan. Beliau perlu bersikap positif, meninjau langkah dan perhitungan Dr. Mahathir Mohamad pada masa lalu, untuk menyambung pencapaian politik dan pemerintahan negara.

# TOKOH POLITIK, PENGULAS POLITIK DAN HAKIKAT POLITIK

**K**ETIKA Datuk Musa Hitam ditentang habis-habisan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, pengulas-pengulas politik menganggap per-tentangan itu akan berkekalan. Dengan itu, pengulas-pengulas yang memihak kepada Datuk Musa Hitam bersungguh-sungguh menunjukkan aneka kelebihan Datuk Musa Hitam, manakala yang memihak kepada Tengku Razaleigh Hamzah berusaha membuktikan bahawa Tengku Razaleigh Hamzah adalah tokoh politik yang tidak ada tolok bandingnya. Pihak yang menyokong Datuk Musa Hitam amat menyukai Dr. Mahathir Mohamad, kerana Dr. Mahathir Mohamad menyebelahi Datuk Musa Hitam.

Apabila Datuk Musa Hitam menang (dua kali berturut-turut), pengulas-pengulas politik menyangka bahawa Tengku Razaleigh Hamzah akan hilang jawatan kabinet. Datuk Musa Hitam sebagai ahli politik tentulah mengharapkan perkara itu berlaku, kerana dia tidak gemar ditentang terus menerus. Aka tetapi, Dr. Mahathir Mohamad sebagai tokoh politik yang mempunyai pandangan yang tersendiri tidak pula mengeluarkan Tengku Razaleigh Hamzah dari kabinet.

Pada tahap ini timbul analisis daripada penulis politik tertentu. Mereka menjangka bahawa Dr. Mahathir Mohamad menyimpan Tengku Razaleigh Hamzah dalam kabinet supaya Tengku Razaleigh Hamzah mengimbangi Datuk Musa Hitam daripada segi pengaruh. Entinya, Dr. Mahathir Mohamad mahu supaya Datuk Musa Hitam sentiasa takut kepada Tengku Razaleigh Hamzah yang mempunyai pengikut dan mempunyai jawatan kabinet. Kaedah dan pemikiran Dr. Mahathir Mohamad secara ini dianggap oleh pengulas politik tertentu sebagai kaedah pecah dan perintah. Datuk Musa Hitam sendiri akhirnya turut mengatakan bahawa Dr. Mahathir Mohamad mengamalkan kaedah pecah dan perintah. Ini diucapkannya dalam kempen pertama di Dewan Besar Parit Raja untuk pilihanraya kecil Parit Raja.

Adakah benar Dr. Mahathir Mohamad mengamalkan kaedah pecah dan perintah? Datuk Musa Hitam melanjutkan pandangan penganalisis politik bahawa Dr. Mahathir Mohamad mewujudkan keadaan pertentangan itu di mana-mana. Di Pulau Pinang ada Datuk Abdullah Ahmad Badawi

dan Saudara Anwar Ibrahim, di Negeri Sembilan ada Datuk Mohd. Isa Samad dan Datuk Rais Yatim, dan dinyatakan keadaan di beberapa tempat lain. Soalan kita: Benarkah keadaan itu diwujudkan oleh Dr. Mahathir Mohamad? Benarkah Dr. Mahathir Mohamad hendak melangsungkan pemerintahannya dengan kaedah pecah dan perintah itu?

Sebagai pengulas politik, seseorang akan mengikuti aliran pemikirannya sendiri. Dia mungkin menerima pandangan demikian, tetapi pandangannya belum tentu benar. Orang akan menerima pandangan kita jika kita dapat berhujah dengan baik. Pandangan lain tentang hal yang sama ialah bahawa Dr. Mahathir Mohamad mengekalkan Tengku Razaleigh Hamzah dalam kabinet bukan kerana beliau hendak memerintah secara pecah dan perintah, tetapi kerana beliau hendak mengimbangi kekuasaan UMNO. Tengku Razaleigh Hamzah mempunyai pengaruh yang kuat di Kelantan, oleh itu Dr. Mahathir Mohamad mesti mengambil kira pengaruh Tengku Razaleigh Hamzah itu. Walaupun Tengku Razaleigh Hamzah tidak mengikut nasihat Dr. Mahathir Mohamad supaya jangan menentang Datuk Musa Hitam, namun Dr. Mahathir Mohamad tidak mengambil hati. Beliau mementingkan keseimbangan pengaruh UMNO. Dengan itu tidak timbul soalan kaedah pecah dan perintah.

Bagaimana pula tentang kemunculan dua orang tokoh pada sesuatu tempat? Adakah kemunculan Saudara Anwar Ibrahim ditempa untuk mengimbangi pengaruh Datuk Abdullah Ahmad Badawi? Adakah kemunculan Datuk Mohd. Isa Samad dimaksudkan untuk mengimbangi pengaruh Datuk Rais Yatim? Para penganalisis boleh mengemukakan hujah untuk membuktikan hal itu. Akan tetapi pihak yang tidak menyentuiinya akan mengemukakan pandangan bahawa kemunculan tokoh bukan boleh dipermudahkan begitu. Saudara Anwar Ibrahim adalah tokoh sejak sebelum menyertai UMNO. Beliau merapati UMNO melalui Tengku Razaleigh Hamzah, walaupun beliau telah rapat dengan Dr. Mahathir Mohamad sejak akhir tahun 60-an lagi. Beliau disambut baik oleh Dr. Mahathir Mohamad kerana Dr. Mahathir Mohamad ingin melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan. Kehadiran tokoh ABIM dalam kerajaan tentulah sesuai dengan hasrat penerapan nilai-nilai Islam.

Datuk Abdullah Ahmad Badawi mempunyai gayanya yang tersendiri sejak awal. Pemikirannya bagus dan terancang, oleh itu dia diberikan tugas-tugas penting sejak awal pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Ketika itu Dr. Mahathir Mohamad dapat dikatakan mempunyai barisan menteri kabinet yang amat kuat.

Datuk Mohd. Isa Samad pun tidak dapat dikatakan dicipta untuk mengimbangi pengaruh Datuk Rais Yatim. Ini kerana Datuk Mohd. Isa

diketengahkan oleh Datuk Rais Yatim sendiri. Pertentangan yang berlaku kemudian adalah peristiwa biasa dalam politik, bahkan dalam kehidupan manusia biasa. Dalam kehidupan biasa, kedapatan bekas guru yang tidak disetujui oleh muridnya. Dalam politik, kita dapatti Dr. Mahathir Mohamad tidak menyetujui gaya Datuk Harun Idris, walaupun Datuk Harun telah berusaha membawanya balik setelah disingkirkan oleh Tunku Abdul Rahman. Kita juga mendapati bahawa Datuk Musa Hitam menentang Dr. Mahathir Mohamad walaupun Dr. Mahathir Mohamad menyokongnya secara terbuka semasa beliau dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Peristiwa-peristiwa begini amat biasa dan berleluasa. Perlu disebutkan bahawa Dr. Mahathir Mohamad juga berbakti kepada Datuk Harun dalam hal pengampunannya.

Saya kemukakan persoalan perbezaan pandangan di antara pengulas politik dengan pandangan ahli politik untuk mengurangkan sedikit prasangka yang mewujudkan krisis dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu seakan-akan pecah betul, padahal ahli-ahli politik sebenarnya melaksanakan strategi mereka. Pengulas-pengulas politik pun ada yang terperangkap dalam jerat strategi ahli-ahli politik itu. Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam telah menerima strategi 'bersatu tenaga', walaupun mereka adalah bermusuhan secara tradisi sejak awal tahun 80-an. Bermusuhan dalam politik tidak sama dengan bermusuhan secara biasa. Mereka boleh bergelak ketawa dan berunding. Perhatikan bentuk perhubungan yang amat mesra di antara Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan Datuk Musa Hitam pada akhir tahun 1988 dan awal tahun 1989. Mereka melaksanakan kegiatan bersandarkan pegangan politik dan strategi pergerakan masing-masing. Mereka tidak bermusuhan secara peribadi.

Dr. Mahathir Mohamad telah dikecam secara habis-habisan pada akhir tahun 1988. Kisah kecaman Datuk Musa Hitam terhadap Tengku Razaleigh Hamzah baru beberapa tahun berlalu, tiba-tiba timbul kecaman Datuk Musa terhadap Dr. Mahathir Mohamad. Bukankah ini merupakan deretan fikiran dan hujah politik? Perhatikan bahawa Datuk Musa Hitam menolak pelawaan menjadi menteri dengan cepat. Tengku Razaleigh Hamzah pula menangguhkannya. Ini sahaja boleh menimbulkan tafsiran. Ada yang mengatakan bahawa memang ada pakatan di antara Datuk Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh Hamzah, iaitu Datuk Musa Hitam menolaknya dengan cepat dan Tengku Razaleigh Hamzah menangguhkan jawapan supaya timbul saspens. Apakah tujuan unsur saspens dalam politik? Memang ada tujuannya. Semasa Tengku Razaleigh Hamzah hendak menentang Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1987 pun, kita dapatti dia menangguhkan keputusan itu. Saudara Anwar Ibrahim juga menangguhkan

keputusannya hendak menentang Haji Suhaimi Kamaruddin hingga sebulan (dalam bulan puasa). Teknik saspens memang mempunyai peranan dalam perhitungan politik.

Ahli-ahli politik selalu bergerak dalam plot. Mereka selalu mengambil kira soal strategi dalam melaksanakan sebarang usaha yang bersifat politik. Pengulas politik adalah pengkaji plot itu. Ada yang membicarakan perkara yang telah berlaku, misalnya membicarakan tujuan Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan. Ada yang mencuba membicarakan perkara yang diagak mereka akan berlaku. S.H. Al-Attas yang kerap mengecam Datuk Musa Hitam itu dulunya selalu meramalkan perkara yang akan berlaku. Akan tetapi, dalam kemelut politik akhir tahun 1988, dia tidak berani meramal lagi.

Pihak yang membicarakan perkara yang telah berlaku pun tidak semestinya sama dan sekata. Hujah-hujah adalah penting. Katakanlah Datuk Musa Hitam menjadi objek pembicaraan orang. Orang yang mengatakan bahawa Datuk Musa Hitam tidak mementingkan kuasa dan pangkat akan mengemukakan hujah-hujahnya. Orang yang Datuk Musa Hitam hendak memperkuatkan kedudukannya akan memberi hujah yang berbeza. Sebagai contoh, saya turunkan hujah-hujah kedua-dua belah pihak:

#### **PIHAK A: DATUK MUSA HITAM TIDAK MEMENTINGKAN KUASA DAN PANGKAT**

1. Datuk Musa Hitam meninggalkan jawatan yang sangat tinggi. Ini menunjukkan beliau sanggup berbuat apa saja kerana prinsip.
2. Selepas meletak jawatan beliau membuat umrah. Ini menunjukkan bahawa beliau beriman.
3. Selepas membuat umrah beliau ke London bersembunyi. Ini menunjukkan beliau tidak memikirkan untuk mengambil balik jawatannya.

#### **PIHAK B: DATUK MUSA HITAM HENDAK MEMPERKUATKAN KEDUDUKANNYA**

1. Dalam surat Datuk Musa Hitam, beliau merestui Dr. Mahathir Mohamad memilih sesiapa saja sebagai pengantinya. Tetapi kemudian beliau menentang pilihan Dr. Mahathir Mohamad (iaitu Encik Ghafar Baba).
2. Datuk Musa Hitam balik bersatu dengan Tengku Razaleigh Hamzah

untuk menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad. Jika Dr. Mahathir Mohamad jatuh, beliau berasa tidak begitu sukar hendak menjatuhkan Tengku Razaleigh Hamzah. Jika Tengku Razaleigh Hamzah kalah dan beliau menang melawan Encik Ghafar Baba, maka Dr. Mahathir Mohamad akan mengetepikan Tengku Razaleigh Hamzah. Ini pun menguntungkannya juga.

3. Datuk Musa Hitam terus berusaha mengekalkan pengaruhnya dengan tindakan-tindakan yang berterusan, termasuk penggunaan teknik saspens apabila hendak mengumumkan sesuatu keputusan.

Demikian isi daripada kedua-dua pihak. Jika kita hendak menunjukkan bahawa Datuk Musa Hitam tidak mementingkan pangkat, maka kita perkembangkanlah fakta-fakta pihak A dan tambahkan fakta-fakta lain untuk menyokongnya. Jika kita hendak mengatakan bahawa Datuk Musa Hitam hendak menguatkan kedudukannya, maka fakta-fakta pihak B pula kita perkembangkan dan kita tambah. Akhirnya, kita mungkin dapat membuktikan bahawa Datuk Musa hendak menjadi Perdana Menteri dalam masa yang singkat.

Perlu disebutkan bahawa dalam arena ulasan politik kita terdapat ulasan politik yang *religious*. Pihak yang bersimpati dengan PAS mengatakan Allah menghendaki Datuk Musa Hitam hilang jawatan setelah peristiwa Memali. Allah juga menghendaki UMNO yang asal itu hapus akibat peristiwa tersebut. Dalam memorandum PAS kepada Dr. Mahathir Mohamad, pada nombor 18.2 PAS meminta begini:

"18.2: Datuk Musa Hitam yang bertanggungjawab hingga tercetusnya peristiwa berdarah di Memali itu meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri".

Dengan itu, pengulas yang memilih pendekatan *religious* dalam menghuraikan peristiwa perletakan jawatan Datuk Musa Hitam pasti akan berusaha membuktikan bahawa tindakan Datuk Musa Hitam adalah kehendak Tuhan, bukan kehendak Datuk Musa Hitam sendiri. Menurut mereka perletakan jawatan itu nampak sahaja seperti kehendak dan keputusan Datuk Musa Hitam, tetapi yang sebenarnya adalah kehendak Tuhan.

Oleh kerana sesuatu peristiwa politik mempunyai berbagai-bagai tafsiran, maka pembaca dan rakyat biasa harus belajar memikirkan setiap perkara secara kritis dan analitis. Jangan terperangkap dengan keadaan-keadaan politik yang sementara sifatnya. Perpecahan dalam masyarakat adalah akibat daripada tindakan politik yang berasaskan plot politik tokoh-

tokoh yang terlibat. Para pengikut selalunya menjadi emosional, sanggup berkelahi kerana plot tokoh politik. Kita tidak boleh menghapuskan emosi semulajadi manusia, tetapi memadailah jika kita berusaha mengurangkannya.

Tokoh politik dengan plotnya, pengulas politik dengan tafsirannya, manakala hakikat politik adalah segala-segala yang terhasil daripada aksi dan reaksi manusia politik, pengulas politik dan rakyat umum.

## NASIONALISME MALAYSIA: DIBENTUK ATAU DITOLAK?

**P**ERBINCANGAN tentang nasionalisme Malaysia pada tahun 1985 tidak mengarah kepada satu kesimpulan. Hal ini terjadi kerana terdapat pandangan-pandangan yang berbeza tentang nasionalisme itu sendiri. Di kalangan ahli-ahli UMNO, nasionalisme bermakna semangat Melayu. Menurut mereka, semangat Melayu mesti dikekalkan, kerana semangat demikian antara lain telah menyebabkan bangsa Melayu bangun menentang gagasan Malayan Union.

Semangat Melayu ini juga penting untuk melangsungkan anggapan bahawa negara ini pada dasarnya adalah negara Melayu. Negara Singapura misalnya, sudah tidak boleh dibanggakan lagi, kerana sungguhpun menurut sejarah negara itu milik Melayu, kini semangat Melayu tidak boleh ditüp secara terbuka. UMNO sentiasa bimbang kalau-kalau peristiwa yang berlaku di Singapura itu berlaku pula di Semenanjung. Lagipun, peristiwa-peristiwa itu seakan-akan berlaku di Pulau Pinang, sehingga masalah Melayu Pulau Pinang sering dibicarakan berasingan daripada Melayu di tempat lain di Semenanjung.

Adakah nasionalisme Melayu ini yang dimaksudkan dengan nasionalisme Malaysia? Mustahil. Malaysia adalah negara banyak kaum dan mustahil kaum Cina boleh diajak berkongsi semangat Melayu.

Apabila PAS menentang semangat nasionalisme, yang ditentang itu sebenarnya semangat Melayu. PAS era baru tidak bersemangat Melayu, sungguhpun PAS era lama tebal dengan semangat nasionalisme Melayu. Menurut Subky Latif, Datuk Asri membawa PAS dari satu parti yang dulunya mempunyai pandangan nasionalisme yang terbatas kepada satu pejuang nasionalisme dan Islam yang agak luas. Menurut Subky lagi, apabila PAS menyertai Barisan Nasional, maka bermulalah langkah parti itu bekerjasama dengan orang bukan Melayu. Subky masih menyebut Melayu apabila berbicara tentang PAS pada 1977. (*Subky Latif, Siapa Ganti Asri*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena, 1977). Menurut PAS era baru, yang penting ialah Islam. Semangat Melayu tidak boleh mengatasi semangat keislaman.

Abdul Hadi Awang sendiri mengakui bahawa seseorang tentu mencintai

keluarganya. Kemudian mencintai bangsanya, tetapi Islam tidak membenarkan cinta ini membawa kepada pembelaan terhadap puak sendiri, jika puak sendiri melakukan kesalahan.

Pandangan Haji Hadi itu sepantas lalu seakan-akan dia menerima hakikat bahawa nasionalisme itu fitrah manusia, iaitu manusia secara fitri mencintai bangsanya. Akan tetapi huraianya kemudian memaparkan ideanya, yang juga idea PAS, bahawa nasionalisme adalah cabang assabiyah, iaitu semangat yang ditolak oleh Rasullullah. Dengan itu apabila berbicara tentang nasionalisme dengan jurubicara PAS, maka kita sebenarnya diajak berbicara tentang assabiyah.

Bolehlah dianggap tahun 1985 merupakan tahun yang amat polemikal. Pada akhir tahun 1984, rakyat tertunggu-tunggu perdebatan hebat di antara UMNO dan PAS di kaca televisyen dalam hal kafir mengkafir. Tampaknya PAS tidak gentar dengan perdebatan itu, tapi entah bagaimana perdebatan itu terbalik. Tuduhan kafir mengkafir barangkali berterusan, cuma perkataan "kafir" itu sudah tawar sehingga orang tidak lagi menganggapnya penting untuk diperbahaskan. Gantinya ialah nasionalisme.

Perkataan 'kafir' pada suatu peringkat amat sensitif, sehingga merupakan taboo untuk diperguraukan. Dahulu, jika ada orang bergurau menuduh temannya kafir, maka gurauan itu dianggap akibat daripada tipisnya ajaran agama. Akan tetapi, pada tahun 1985 tuduhan bahawa seseorang itu kafir mungkin saja terakibat daripada kebiasaan orang politik, bukan lagi kerana ketipisan ajaran agama.

PAS menyenaraikan kesemua konsep yang dibawa dari Barat sebagai konsep-konsep yang bercanggah dengan Islam. Oleh itu, konsep nasionalisme diletakkan sebaris dengan sosialisme, komunisme, individualisme dan eksistensialisme. Sebenarnya hujah ini telah lama dikemukakan oleh ulama-ulama tertentu. Akan tetapi, ada pandangan yang bertentangan dengan itu. Ulama-ulama yang berfikiran terbuka mengemukakan pandangan bahawa idea-idea Barat boleh diterima, sej敦tima kita menerima teknologi Barat. Penapisan dilakukan terhadap nilai-nilai yang dibawa. Antara lain, pendapat begini dikemukakan oleh Prof. Syed Hussein Al-Attas.

Pandangan PAS sekarang tidak syak lagi adalah pandangan anti-modernisme dan anti-modeniti. Haji Nakhaie Ahmad pernah menyebutkan bahawa universiti yang baik tidak ditentukan oleh bangunan-bangunan yang indah. Beliau juga mengatakan PAS tidak menggalakkan pelancongan, kerana pelancongan menambahkan maksiat. Haji Nakhaie mengatakan demikian dalam hubungan dengan persoalan kuota kemasukan pelajar ke universiti. Oleh kerana dia menolak nasionalisme dan menolak pemberian

hak istimewa untuk orang Melayu, maka dia menolak sistem kuota dalam pemilihan pelajar untuk ke universiti. Orang yang layak belajar ke universiti hendaklah diberi peluang walau apa pun bangsanya.

Ternyata segala-galanya terjadi dalam daerah pemaknaan bahawa nasionalisme itu tidak lain daripada nasionalisme Melayu. Sistem kuota boleh saja dilihat daripada sudut keadilan antara kaum, kerana Dasar Ekonomi Baru bertujuan meningkatkan ekonomi orang Melayu. Dengan adanya sistem itu, lebih besarlah jumlah anak Melayu ke universiti dan hasil yang diharapkan ialah mereka akan mendapat peluang meningkatkan taraf hidup mereka sendiri, keluarga mereka dan orang Melayu secara keseluruhannya. PAS melihat ini sebagai bercanggah dengan Islam, bahkan Haji Hadi Awang menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru itu sendiri bercanggah dengan akidah.

Apakah bentuk nasionalisme yang wajar diperjuangkan di Malaysia? Ini persoalan orang yang masih percaya kepada nasionalisme. Bagi PAS, pilihannya ialah menolak nasionalisme dan mendaulatkan Islam secara mutlak. PAS merapati orang bukan Islam dan menyatakan kepada mereka bahawa pemerintahan Islam akan memberi faedah keadilan kepada semua pihak. Dengan kata lain, orang-orang bukan Islam itu sendiri tidak memerlukan semangat nasionalisme dalam pemerintahan PAS walau apa sekalipun makna nasionalisme itu.

Kerajaan pula sedang berusaha mempertingkatkan semangat nasionalisme. Oleh kerana nasionalisme Melayu adalah mustahil untuk dianggap nasionalisme Malaysia, maka mereka memikirkan nasionalisme yang tepat untuk rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Sejauh ini, para pejuang bahasa memperjuangkan nasionalisme bahasa. Suhaiimi Said ada mengatakan, "Kecuali di tempat-tempat yang langsung tidak dapat dielakkan, tuntutan supaya Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi tidaklah wajar ditangguh-tangguh lagi. Sebarang penangguhan bolehlah dianggap sebagai sikap permusuhan nyata terhadap Bahasa Melayu". (Suhaimi Said, *Orang Melayu di Sisi Perlembagaan*, Temerloh: Penerbitan Ujud, 1984, hlm. 90).

Suhaimi Said adalah salah seorang tokoh PAS era baru. Beliau pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), iaitu pengalaman yang sama dengan Saudara Anwar Ibrahim dan Kassim Ahmad. Haji Abdul Hadi dan Nakhaie Ahmad tidak mencintai Bahasa Melayu seperti Suhaimi Said mencintainya. Menurut tokoh-tokoh PAS itu, kesemua bahasa boleh digunakan secara bebas dalam pemerintahan PAS. Bahasa Melayu tidak akan didaulatkan oleh PAS sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi jika parti itu memerintah.

Suhaimi Said pada tahun 1984 mempunyai semangat nasionalisme

lingistik. Barangkali pada tahun 1985 dia berubah mengikut arus perkembangan idea-idea pemimpin atasan PAS. Yang dimaksudkan pemimpin-pemimpin atasan PAS dalam pembicaraan ini bukanlah Haji Yusof Rawa, tetapi Abdul Hadi Awang, Nakhaie Ahmad dan Fadhil Noor.

Secara umum, memang dipercayai bahawa boleh menyatupadukan bangsa. Bangsa Malaysia mestilah mempunyai satu bahasa, iaitu Bahasa Malaysia. Ini telah dilaksanakan di Indonesia. Sejarah dan sifat polarisasi kaum di Indonesia berbeza daripada sejarah dan sifat polarisasi kaum di Malaysia. Oleh itu kejayaan bangsa Indonesia memantapkan bahasa Kebangsaan mereka tidak dapat dicapai segera oleh bangsa Malaysia. Bahasa Malaysia tidak dituturkan dengan jujur oleh sejumlah besar orang bukan Melayu. Malah sejumlah orang Melayu yang berpendidikan Inggeris lebih gemar berbahasa Inggeris. Dengan itu, nasionalisme bahasa di Malaysia belum mencapai puncaknya.

Aspek kedua yang difikirkan oleh pemikir nasionalisme Malaysia ialah nasionalisme tempat. Kita berada di bumi Malaysia, oleh itu kita mesti bersemangat Malaysia. Menurut pandangan kaum bukan Melayu, nasionalisme tempat ini boleh dirasai oleh mereka jika mereka diberi hak yang sama dengan hak yang diberikan kepada orang Melayu. Di sini timbul soal hak istimewa orang Melayu.

Secara psikologi, jika PAS dapat meyakinkan orang bukan Melayu bahawa mereka benar-benar akan menyamaratakan hak, mereka pasti akan mendapat sokongan orang bukan Melayu. PAS telah mendahului DAP dan MCA dalam hal mengikis hak istimewa orang Melayu, walaupun sebenarnya PAS bermaksud lebih jauh daripada itu.

Di Malaysia, sering disebut bahawa Melayu itu Islam. PAS mengemukakan dasar bahawa orang bukan Melayu boleh menjadi ketua negara ini. Syaratnya orang itu Islam. Tentulah syarat-syarat lain banyak lagi. Syarat utama untuk menjadi pemimpin ialah orang itu ada pengaruh. Apa pun syarat lain, seseorang itu tidak dapat menjadi pemimpin di negara demokrasi jika dia tiada pengaruh.

Untuk mendapat pengaruh dalam negara Islam, kekuatan keislaman seseorang tentu diambil kira. Jadi, yang dimaksudkan oleh Haji Hadi Awang bahawa orang bukan Melayu boleh menjadi pemimpin tertinggi di negara ini ialah orang bukan Melayu yang beragama Islam. Dan Islamnya pula adalah Islam yang tebal dengan keimanan, bukan Islam sekadar rasmi-rasmian di mata umum sahaja.

Dengan mengatakan demikian, jelaslah PAS menolak nasionalisme Melayu. Adakah PAS menolak nasionalisme tempat? Secara konsepnya tidak mungkin. PAS hanya dapat memerintah Malaysia saja, iaitu suatu

batasan tempat. PAS tidak dapat melampaui nasionalisme tempat, sungguhpun mereka boleh menolak nasionalisme kaum dan nasionalisme bahasa.

Manakala di pihak UMNO, suatu corak pemikiran baru perlu diberi untuk menghadapi keadaan ini. Datuk Abdullah Ahmad Badawi (Menteri Pendidikan ketika itu) berhati-hati sekali membuat rumusan tentang corak pendidikan dan persekolahan agar boleh diterima oleh keseluruhan rakyat Malaysia. Sesuai dengan sejarah dan perkembangan masa kini, beliau menekankan nasionalisme tempat dan nasionalisme bahasa sekaligus. Nasionalisme kaum mungkin akan merosot dengan sendirinya akibat persefahaman yang kian jelas. Erti di sini, kemerosotan nasionalisme kaum akan memperkuatkan nasionalisme tempat. Datuk Sanusi Junid dan Saudara Anwar Ibrahim terus berjuang membantu golongan miskin meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Nasionalisme adalah suatu istilah yang boleh ditafsirkan secara positif dan secara negatif. Nasionalisme bersifat neutral, tidak seperti assabiyah yang tebal dengan unsur negatif. Sebagai alat yang neutral, kita boleh mempergunakannya untuk tujuan-tujuan yang kita tentukan. Pisau itu neutral, oleh itu boleh digunakan untuk tujuan baik, misalnya untuk memotong buah-buahan dan sayur-sayuran dan pernah juga terjadi, pisau melukakan jari!

## BERJAYA TUMBANG KERANA ANGKUH

**S**ERING disebut, terutama oleh para pemimpin Berjaya, bahawa orang-orang Kuala Lumpur tidak memahami politik Sabah. Kenyataan di atas diulang-ulang sehingga menjadi sesuatu klise yang aneh. Wartawan dan penulis-penulis dari Kuala Lumpur yang tidak menyenangi stail pemimpin Berjaya pada tahun 1985 dikatakan sengaja mengkritik kerajaan Berjaya kerana benci kepada Ketua Menteri.

Selepas memenangi pilihanraya 1981 dahulu, Datuk Harris Salleh mengemukakan idea bahawa dia dan Berjaya tidak perlu berterima kasih kepada rakyat, sebaliknya rakyatlah patut berterima kasih kepada Berjaya. Keanehan daripada idea tersebut amat menjengkelkan. Dari idea itu saja sudah dapat kita bayangkan bahawa Berjaya tidak mungkin dapat bertahan.

Ini kerana idea tersebut seakan-akan tidak mengakui bahawa kerajaan yang dibentuk di Sabah adalah kerajaan rakyat. Pemilihan yang dibuat oleh rakyat seakan-akan suatu kewajipan tanpa pilihan. Sedangkan, kerajaan patut sentiasa sedar bahawa rakyatlah yang berkuasa dalam sesebuah kerajaan yang mengamalkan dasar demokrasi.

Peristiwa pilihanraya kecil Tambunan (1984) adalah kemuncak kesilapan Berjaya yang berasaskan sikap yang menjengkelkan itu. Apabila Datuk Pairin Kitingan menang dengan majoriti yang besar, Datuk Harris Salleh memperlihatkan reaksi yang betul-betul tidak *sporting* hingga membawa kepada hukuman ke atas rakyat Tambunan. Dia membantalkan taraf daerah Tambunan.

Penulis-penulis yang membela Datuk Harris Salleh pernah memberi pendapat bahawa rakyat Tambunan rata-ratanya Kristian, dan Datuk Pairin tokoh Kadazan, itulah sebabnya Roger Ongkili kalah. Pendapat demikian, iaitu yang memainkan sentimen agama dan kaum, adalah bertujuan menyembunyikan fakta-fakta lain yang memalukan.

Pertentangan Datuk Joseph Pairin Kitingan dengan Roger Ongkili tidak bersangkut paut dengan soal Islam dan tidak Islam. Ini adalah persoalan pemilihan untuk menghukum sebuah parti yang tidak mahu menghargai dan menghormati rakyat. Oleh itu (pada masa itu) Datuk Harris

Salleh dan Berjaya patut berterima kasih kepada rakyat Tambunan kerana rakyat kawasan itu sudi "menegur" Ketua Menteri dan parti pemerintah. Akan tetapi Datuk Harris Salleh tidak mahu menerima hakikat demikian.

Oleh kerana Datuk Harris Salleh tidak mahu menerima kenyataan, maka nama Datuk Joseph Pairin Kitingan kian meningkat. Datuk Joseph Pairin Kitingan memilih jalan menubuhkan parti baru, Parti Bersatu Sabah (PBS). Kebimbangan Datuk Harris Salleh terhadap kebangkitan Datuk Joseph Pairin Kitingan dan PBS ini menyebabkan pilihanraya Sabah dipercepatkan.

Kemunculan Datuk Joseph Pairin Kitingan tidak dapat ditahan-tahan lagi. Masa yang singkat tidak menjadi halangan untuk beliau berkembang. Datuk Joseph Pairin Kitingan muncul kerana tekanan seperti juga sejumlah tokoh di Semenanjung yang naik kerana tekanan. Kesilapan Dr. Mahathir Mohamad ialah beliau melupai teori tekanan yang pernah membantu memunculkan dirinya sendiri.

Jika Dr. Mahathir Mohamad mengingati tekanan ke atas dirinya dalam zaman Tunku Abdul Rahman, maka beliau pasti bersikap 'ayah' dalam pilihanraya Sabah. Dr. Mahathir Mohamad harus melihat saja perhitungan anak-anak di Sabah. Datuk Joseph Pairin Kitingan telah mencapai tingkat legenda akibat tekanan, seperti mana yang dicapai oleh Dr. Mahathir Mohamad pada awal tahun 70-an dahulu. Oleh itu kemunculannya tidak boleh ditahan-tahan lagi, tidak dapat ditekan-tekan lagi. Jika ditekan Datuk Joseph Pairin Kitingan kian melambung, seperti mana Dr. Mahathir Mohamad yang ditekan dulu, kemudian muncul sebagai Perdana Menteri.

Suara pemimpin Kuala Lumpur tidak begitu penting dalam menentukan pembentukan kerajaan Sabah. Sungguhpun Berjaya sendiri ditubuhkan atas restu Kuala Lumpur, tetapi kemunculan parti tersebut adalah secara kebetulan, sesuai dengan kehendak rakyat Sabah yang mahu menghukum USNO ketika itu (1979). Apabila mereka mahu menghukum (1985), pemimpin-pemimpin dari Kuala Lumpur dan Sarawak tidak dapat menghalang hasrat mereka.

Sebenarnya sikap Saudara Anwar Ibrahim ketika Tambunan dimenangi oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan sudah pun betul. Saudara Anwar Ibrahim mempunyai pandangan bahawa keputusan rakyat mesti dihormati. Beberapa orang tokoh Berjaya sendiri pernah menyarankan pendapat yang seperti itu, termasuk Roger Ongkili yang kalah itu. James Ongkili (abang Roger Ongkili) pun tidak bersuara keras. Seterusnya Dr. Mahathir Mohamad sendiri bersuara bahawa pembangunan Malaysia mesti meliputi kawasan pembangkang. Suara Dr. Mahathir Mohamad ketika itu ditafsirkan oleh pemerhati-pemerhati politik sebagai pukulan hebat kepada Datuk Harris

Salleh.

Akan tetapi keadaan berubah apabila pilihanraya Sabah disegerakan. Sesetengah berpendapat bahawa Dr. Mahathir Mohamad terpaksa membantu komponen Barisan Nasional walau seburuk mana pun imej parti komponen itu. Sikap demikian jika benar-benar ada pada Dr. Mahathir Mohamad tentulah berlawanan dengan slogan-slogan yang dicipta dalam cranya, terutama slogan-slogan "Bersih Cekap Amanah" dan "Kepimpinan Melalui Teladan".

Banyak perkara yang boleh dipelajari daripada peristiwa pilihanraya negeri Sabah. Rakyat Malaysia seluruhnya dapat mempelajari erti demokrasi, iaitu rakyat betapa pun miskin dan daif, adalah penentu sesebuah kerajaan demokrasi. Seterusnya, keputusan untuk memilih seseorang calon, atau memilih parti, tidak seharusnya bergantung kepada pemimpin-pemimpin besar yang datang berkempen. Pengajaran seterusnya ialah: kerajaan pilihan rakyat tidak boleh angkuh!

# MAHATHIR DAN HARRIS SALLEH

**P**ILIHANRAYA Sabah 20 dan 21 April 1985, merupakan peristiwa yang amat menarik. Sebelum itu, iaitu pada tahun 1979 rakyat Malaysia pernah ternanti-nanti keputusan Berjaya menentang USNO. Pada tahun 1981 pula kita ternanti-nanti keputusan USNO menentang Berjaya. Keputusan pada tahun 1976 amat berkesan kerana sebuah kerajaan negeri, iaitu kerajaan USNO, tumbang dan diganti dengan kerajaan Berjaya. Keputusan tahun 1981 mengesahkan bahawa rakyat Sabah benar-benar memilih Berjaya.

Akan tetapi, rakyat tidak semestinya terus memilih Berjaya jika Berjaya tidak menuaikan janji-janji yang pernah dibuat. Rakyat hanya akan terus memilih Berjaya jika Berjaya menyempurnakan janji untuk menegakkan keadilan dan memusatkan pembangunan di Sabah.

Pada 20 dan 21 April 1985, rakyat Sabah telah mengadili dan menghukum Berjaya, seperti mana mereka pernah mengadili dan menghukum USNO pada tahun 1976. Hukuman ke atas Berjaya pada tahun 1985 tampaknya lebih berat daripada hukuman ke atas USNO tahun 1976.

Masih ada perkara lain yang perlu diperlihatkan apabila kita membuat tinjauan tentang pilihanraya 1985. Kalau dahulu, rakyat menghukum USNO dengan bantuan beberapa orang tokoh dari kerajaan pusat, kini hal yang demikian tidak berlaku. Mereka menghukum Berjaya tanpa bantuan tokoh-tokoh pusat. Bahkan tokoh-tokoh Barisan Nasional Pusat, terutama dari UMNO, menentang hasrat rakyat Sabah menghukum Berjaya. Dr. Mahathir Mohamad berbuat demikian hanya kerana beliau mengetahui Barisan Nasional, bukan kerana beliau menyenangi tindak-tanduk Berjaya masa itu. Tetapi, ada pula yang berpendapat bahawa Dr. Mahathir Mohamad menyenangi Datuk Harris Salleh kerana Ketua Menteri itu 'faham benar' tentang konsep penswastaan.

Oleh kerana Dr. Mahathir Mohamad dan beberapa orang tokoh lain muncul membantu Berjaya, maka hasrat tokoh-tokoh politik pembangkang di Sabah hendak melihat pemimpin dari Kuala Lumpur bersikap sebagai ayah berkecaci. Bersepada, USNO, PBS dan parti-parti lain terpaksa

menentang pemimpin-pemimpin dari Kuala Lumpur kerana mereka itu berkempen mewakili Berjaya.

Datuk Harris Salleh bergembira seolah-olah beliau memperolehi keuntungan yang besar dalam keadaan ini. Namun, kata tokoh-tokoh pembangkang di Sabah, yang akan mengundi bukannya orang-orang Kuala Lumpur. Para pengundi adalah rakyat Sabah yang tahu benar tentang keadaan di sekeliling mereka. Rakyat Sabah pasti menolak Berjaya walau apa pun yang dilakukan oleh Dr. Mahathir Mohamad.

Dengan itu, kempen besar-besaran dari tokoh-tokoh penting Barisan Nasional amat kecil pengaruhnya. Para pembangkang yakin benar bahawa kedudukan Berjaya tidak bermaya. Yang tegap ketika itu ialah PBS.

Mengapa PBS tegap?

Pilihanraya kecil Tambunan hujung tahun 1984 telah memunculkan Datuk Joseph Pairin Kitingan dengan PBSnya. Kemenangan besar Datuk Joseph Pairin Kitingan adalah satu hal, dan tindakan kerajaan Berjaya terhadap rakyat Tambunan adalah hal yang lebih penting memunculkan beliau. Kerajaan Berjaya bertindak kasar ke atas rakyat Tambunan yang menyokong Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Dengan itu dapat dikatakan bahawa Datuk Joseph Pairin Kitingan muncul hasil daripada tekanan. Kemudian PBS menjadi sedemikian popular kerana Datuk Joseph Pairin Kitingan mengetuainya. Akan tetapi oleh kerana Datuk Joseph Pairin Kitingan bukan Islam, maka rakyat Sabah yang beragama Islam terus berada di dalam keadaan tidak gembira. Datuk Joseph Pairin Kitingan tampaknya berusaha meningkatkan kemajuan Kristian di Sabah.

Setelah menjadi Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan sering dikaitkan dengan peningkatan Kristian secara keseluruhannya. Terdapat suara yang mengatakan bahawa beliau menumpukan perhatian kepada bukan bumiputera saja. Inilah realiti yang dirasakan amat pahit oleh orang Islam dan bumiputera di Sabah.

Dalam hal kekalahan Berjaya di tangan PBS, Dr. Mahathir Mohamad tidak boleh dipersalahkan. Beliau telah berbuat sebaik-baiknya untuk memastikan Berjaya menang. Beliau hinggakan terlepas cakap mengatakan kesanggupannya timbul dan tenggelam bersama Berjaya.

Kekalahan dan kejatuhan Berjaya adalah akibat tindak tanduk dan stail kepimpinan Datuk Harris Salleh sendiri. Seperti yang disebutkan oleh seorang tokoh PAS, Datuk Harris Salleh memerintah Sabah seolah-olah Sabah adalah 'estet'nya. Kata-kata pemimpin PAS itu memang membayangkan stail Datuk Harris Salleh, bukan stail Dr. Mahathir Mohamad.

## **NEO-KOLONIALISME: APAKAH MAKSUD UCAPAN DR. MAHATHIR?**

**K**ETIKA berucap menyambut Hari Kebangsaan tahun 1985, Perdana Menteri menyarankan kebimbangannya kalau-kalau Malaysia terperangkap dalam jerat neo-kolonialisme. Rakyat kebanyakan ingin tahu apakah maksud sebenar istilah neo-kolonialisme itu. Manakala sejumlah orang yang telah terbiasa dengan istilah tersebut, iaitu yang pernah mengikuti perbahasan-perbahasan progresif, terutama dari aliran sosialisme Marxis, atau yang pernah mendengar ucapan Sukarno, merasakan Dr. Mahathir Mohamad ingin meringankan konsep neo-kolonialisme, bukan memberatkannya, atau meletakkannya pada pertimbangan yang betul mengikut maksud asalnya.

Neo-kolonialisme bagi Dr. Mahathir Mohamad ialah sesuatu yang ringan, kerana baginya unsur itu hanya mulai kelihatan kini. Masalahnya tentu lebih ringan daripada masalah dadah dan jenayah, atau masalah gangguan komunis, kerana pembicaraan Dr. Mahathir Mohamad hanya timbul pada 31hb. Ogos 1985. Menurut para pembicara Marxis, neo-kolonialisme wujud sejak tarikh kemerdekaan, iaitu tahun 1957. Mereka berujah, kemerdekaan Malaya tidak lebih daripada pertukaran daripada penjajahan langsung kepada neo-kolonialisme.

Inilah perbezaan besar di antara konsep neo-kolonialisme Dr. Mahathir Mohamad dengan neo-kolonialisme Sukarno dan Kwame Nkrumah. Dengan menyedari perbezaan-perbezaan itu, kita bicarakan kedua-duanya.

Pertama, kita bincangkan neo-kolonialisme mengikut konsep Dr. Mahathir Mohamad. Ketara dari ucapan itu, Dr. Mahathir Mohamad bimbang kalau-kalau keadaan kini, iaitu apabila orang menolak semangat nasionalisme, orang terpengaruh dengan cara hidup Barat, orang suka bercakap Bahasa Inggeris dan tidak mencintai Bahasa Malaysia dan seumpamanya, boleh menyebabkan negara dan rakyat terperangkap dalam jerat neo-kolonialisme. Oleh itu, beliau berpesan agar rakyat berhati-hati untuk menyelamatkan negara ini, iaitu untuk mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai.

Pandangan ini tentulah suatu pandangan biasa, cuma amat baik kerana Perdana Menteri telah menyebutkan istilah neo-kolonialisme untuk

dipopulkarkan. Jika istilah itu disebut oleh orang lain, maka pengertiannya tidak akan dicari-cari. Bahkan, menteri lain, misalnya Saudara Anwar Ibrahim sekalipun, tidak menyebutnya mendahului Dr. Mahathir Mohamad, walaupun bekas-bekas pelajar progresif tahu bahawa Saudara Anwar Ibrahim sudah terbiasa dengan istilah itu semasa beliau menjadi pemimpin pelajar. Lebih jelas lagi, Shahrir Samad dan Rafidah Aziz pernah berdepan dengan istilah itu, dihuraikan oleh A.Rahman Embong, apabila mereka berforum atas tajuk, "Pelaburan Luar dan Pambangunan Nasional" pada 4hb. Oktober 1973 di Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor.

Istilah neo-kolonialisme tidak pernah disebut oleh mana-mana Perdana Menteri sebelum Dr. Mahathir Mohamad. Adakah mereka tidak memahami istilah itu? Atau mereka bimbang kalau-kalau dengan menyebut istilah itu mereka seakan-akan menyokong pandangan orang-orang Marxis yang telah mengulang-ulang menyebut istilah tersebut sejak zaman awal kemerdekaan menjalar sehingga ke zaman awal 70-an?

Dr. Mahathir Mohamad menyebut istilah tersebut apabila orang-orang Marxis dan pemimpin-pemimpin Dunia Ketiga tidak menyebutnya lagi, mungkin mereka sudah bosan menyebutnya. Atau, barangkali lebih tepat lagi, kita sebenarnya sudah terlalu jarang membaca atau mendengar suara-suara progresif yang membicarakan kemerdekaan atau hal-hal lain. Dengan itu, suara Dr. Mahathir Mohamad tentang hal ini adalah penting sekurang-kurangnya suara itu menyedarkan rakyat bahawa selain penjajahan biasa memang ada bentuk penjajahan tidak ketara, yang disebut neo-kolonialisme.

Kedua, kita bicarakan pula neo-kolonialisme seperti yang dimaksudkan oleh golongan progresif dan Marxis, dan juga pemimpin-pemimpin seperti Sukarno, Nasser dan Nkrumah. Kebanyakan mereka ini bertolak daripada zaman sebelum merdeka. John Foster Dulles, seorang penulis yang dianggap penyokong imperialis yang nakal (*arch imperialist*), dalam bukunya *War and Peace*, membuat cadangan kepada negara-negara penjajah agar menukar bentuk penjajahan kepada *direct colonialism* kepada *neo-colonialism*. Buku itu diterbitkan pada tahun 1950.

Dulles mempunyai pandangan jauh tentang masa depan imperialisme. Dia berpendapat, Barat akan kalah menghadapi revolusi rakyat negeri-negeri terjajah, jika mereka melangsungkan *direct colonialism*. Oleh itu *neo-colonialism* adalah penting bagi Barat.

Tentunya Dulles mendapat idea daripada peristiwa-peristiwa pada zaman itu. Kita sendiri mendapat maklumat terdekat, iaitu Belanda terpaksa tunduk kepada kehebatan rakyat Indonesia. Itu berlaku sebelum buku tersebut ditulis. Jadi, peristiwa di Indonesia mungkin menjadi salah satu punca idea untuk menghasilkan buku *War and Peace* itu, di samping

banyak lagi peristiwa-peristiwa lain.

Kita sendiri mengalami zaman penentangan terhadap gagasan Malayan Union. Ini berlaku selepas buku itu ditulis dan tentunya memantapkan lagi idea tentang kemungkinan berlakunya revolusi jika kolonialisme langsung diteruskan. Maka British pun berfikir dua kali (atau lebih) untuk melangsungkan penjajahannya.

Dengan hal yang demikian, kemerdekaan yang kita terima adalah kemerdekaan berperhitungan. Perhitungan ini adalah perhitungan kita dan perhitungan British juga. Kita berusaha menyatupadukan rakyat berbagai kaum untuk meyakinkan British bahawa kita boleh berpemerintah sendiri.

British pula mempunyai perhitungan bahawa mereka akan dapat mengawal (secara tak langsung) politik dan ekonomi negara ini melalui ejen-ejen tempatan. Jauh dari itu, mereka terus menanamkan semangat menyenangi Barat dari sudut budaya (termasuk bahasa), perundangan dan bidang-bidang lain yang merangkumi kehidupan rakyat.

Demikianlah penjelasan ringkas tentang neo-kolonialisme, iaitu satu konsep yang sudah lama diperkatakan oleh golongan progresif, disuarakan oleh sejumlah pemimpin Dunia Ketiga lainnya, dan pada tahun 1985 tiba-tiba muncul dari ucapan seorang Perdana Menteri.

# PROFESOR SYED HUSSEIN AL-ATTAS MENYERTAI UMNO

**H**ASRAT Profesor Syed Hussein Al-Attas memasuki UMNO harus dilihat dari sudut kebebasan peribadinya memilih arah politiknya. Cuma, sebagai pemerhati politik, kita pada mulanya mungkin terperanjat mendengar berita itu. Profesor Syed Hussein Al-Attas tiba-tiba tertarik dengan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad, tokoh UMNO yang pernah dikritiknya habis-habisan.

Profesor Syed Hussein Al-Attas merupakan tokoh intelek dan ahli akademi yang berpengaruh. Tindakannya mengasaskan parti GERAKAN walaupun penting, namun tidak sepenting kerja-kerja akademiknya. Beliau menulis dan berucap tentang berbagai hal, dan tulisan-tulisan serta ucapan-ucapannya itu sentiasa jelas dan menarik. Profesor Syed Hussein Al-Attas amat memusuhi rasuah, dan ini sering diulang-ulang dalam ucapan dan tulisannya. Dalam hal BMF sahaja beliau beberapa kali mengkritik pihak berkuasa yang gagal membongkar rahsia di balik tabir itu secara berkesan. Menurutnya, jika kerbau hilang, akan ada orang yang menceritakan siapakah yang membawa atau menuntunnya keluar, inikan pula wang berbilion-bilion. Adalah mustahil kehilangan wang dengan jumlah sebesar itu tidak ada yang bertanggungjawab menjelaskannya. Hal ini diucapkan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Profesor Syed Hussein Al-Attas boleh juga dikatakan seorang intelek Islam yang sesuai dengan pemikiran sosialisme. Buku *Islam dan Sosialisme* memaparkan pemikirannya yang menyetujui sosialisme. Menurutnya Islam tidak sentiasa bercanggah dengan sosialisme. Aspek-aspek sosialisme yang tidak bercanggah dengan Islam itu boleh diterima jika membawa faedah kepada umat Islam. Terhadap orang-orang yang menentang sosialisme secara sepenuhnya Profesor Syed Hussein Al-Attas bertanya: Sejak bila Islam menentang apa-apa buatan manusia asal saja tidak menentang perintah Allah? (Lihat: *Islam dan Sosialisme*, Pulau Pinang, Seruan Masa, 1979, hlm. 31).

Profesor Syed Hussein Al-Attas tidak mudah menerima pandangan-pandangan orang lain, walaupun mereka itu dianggap berwibawa dan mempunyai pengikut yang besar jumlahnya. Dalam buku *Islam dan*

*Sosialisme*, beliau menyelar Iqbal, kerana syair-syair Iqbal sedikit sekali menyentuh soal kemiskinan. (Lihat hlm. 30). Tokoh-tokoh seperti Muhammad Asad dan Abul Ala Maududi juga dikritik oleh Profesor Syed Hussein Al-Attas. Demikian juga dengan tokoh Abul Hassan Ali Nadvi. Kritik Profesor Syed Hussein Al-Attas terhadap mereka yang di atas adalah atas alasan mereka itu terlalu anti-Barat. Beliau tidak bersetuju dengan saranan agar umat Islam hanya mengambil Sains dan Teknologi saja dari Barat, manakala idea-idea sosialnya diketepikan. Beliau menyarankan agar umat Islam mengambil seluruh tamadun Barat, asalkan tidak bertentangan dengan Islam (Lihat: *Islam dan Sosialisme*, hlm. 36)

Pegangan keagamaan dan sikap politik sosial yang terbuka yang dikemukakan oleh Profesor Syed Hussein Al-Attas tidak begitu berbeza dengan pendapat Profesor Sutan Takdir Alisjahbana tokoh budayawan Indonesia. Mereka adalah tokoh pemikir yang sejajar dalam beberapa hal kemasyarakatan.

Kini Profesor Syed Hussein Al-Attas berada di dalam UMNO. Kritik-kritiknya terhadap Dr. Mahathir Mohamad masih bergema dalam ingatan para pembaca tulisan-tulisannya. Tidak dapat dijangka adakah Dr. Mahathir Mohamad sendiri memberi perhatian terhadap pandangan-pandangan Profesor Syed Hussein Al-Attas pada masa itu. Dr. Mahathir Mohamad pada suatu masa ada mengatakan bahawa polemik tidak memberi faedah dan itulah sebabnya beliau tidak menjawab kecaman-kecaman Profesor Syed Hussein Al-Attas. Bagi Dr. Mahathir Mohamad, polemik hanyalah *intellectual exercise*, tidak lebih dari itu.

Dua buah buku karangan Dr. Mahathir Mohamad tidak terlepas daripada kritikan Profesor Syed Hussein Al-Attas. Buku-buku itu ialah *The Malay Dilemma* dan *Menghadapi Cabaran*. Dalam buku *Menghadapi Cabaran* Dr. Mahathir Mohamad menyindir Profesor Syed Hussein Al-Attas dengan mengatakan:

"Tiap-tiap kali sesuatu pendapat dianjurkan, tenaga dan fikiran ditumpukan bukan kepada pelaksanaannya, tetapi kepada perbahasan yang tidak putus-putus." (lihat: *Menghadapi Cabaran*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1976, hlm. 1)

Profesor Syed Hussein Al-Attas sendiri sedar bahawa kata-kata Dr. Mahathir Mohamad itu ditujukan kepada beliau. Ini ada disentuhnya dalam buku *Islam dan Sosialisme*, hlm. 61.

Pengenalan di atas adalah terlalu sedikit dan masih umum untuk memperkatakan Profesor Syed Hussein Al-Attas. Walau bagaimanapun.


pengenalan tersebut dapat membayangkan corak pemikiran dan sikap sarjana tersebut. Beliau adalah pengkritik sosial yang tegas dan berfikiran tajam. Kedudukan beliau sebelum menyertai UMNO amat jelas, iaitu sebagai tokoh yang berdiri sendiri dan disegani.

Bagaimanakah kedudukannya setelah memasuki atau menganggotai UMNO? Dari kacamata PAS, tentulah Profesor Syed Hussein Al-Attas akan mendiamkan diri berhadapan dengan banyak persoalan ekonomi, sosial dan agama. Anggapan begini telah lama dikenakan terhadap Saudara Anwar Ibrahim. Tetapi benarkah Saudara Anwar Ibrahim mendiamkan diri dalam UMNO? Untuk bersikap objektif, eloklah kita terima hakikat bahawa seseorang itu akan berbeza setelah berubah tempat dan berubah peranannya. Kedudukan Saudara Anwar Ibrahim di dalam UMNO jauh berbeza daripada kedudukan semasa beliau menentang kerajaan beberapa tahun lalu. Peranan Saudara Anwar Ibrahim sebagai menteri tentu jauh berbeza daripada peranannya sebagai pembangkang di luar parlimen pada masa dahulu.

Ketika menyambut baik hasrat Profesor Syed Hussein Al-Attas memasuki UMNO Saudara Anwar Ibrahim mengatakan UMNO beruntung kerana disertai oleh tokoh itu, kerana beliau seorang pemikir. Profesor Syed Hussein Al-Attas sendiri mengatakan falsafah UMNO tidak berbeza daripada pemikirannya. Ini adalah pandangan-pandangan yang boleh dikatakan abstrak kerana tidak diperincikan. Dapatkah UMNO menerima pandangan-pandangan Profesor Syed Hussein Al-Attas yang kaya dengan hujah-hujah ilmiah untuk dipraktikkan? Soalan lain pula, bersediakah Profesor Syed Hussein Al-Attas menghadapi kehilangan identiti dan individualitinya sebagai tokoh pembicara politik, ekonomi dan agama setelah beliau berada di dalam UMNO?

Setelah UMNO diisyiharkan tidak sah dan Dr. Mahathir Mohamad menubuhkan UMNO yang baru (1988), Profesor Syed Hussein Al-Attas mengemukakan pandangan-pandangan tentang pergolakan semasa. Ternyata beliau tidak menyenangi tindakan-tindakan menentang Perdana Menteri yang dikepalai oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Beliau menyarankan agar rakyat melupakan sahaja pemimpin-peimipin Semangat 46, kerana mereka bukan pemimpin-pemimpin UMNO.

Profesor Syed Hussein Al-Attas juga tidak keberatan dengan perlombagaan UMNO, kerana menurutnya perbezaan di antara perlombagaan lama dengan yang baru adalah biasa sahaja. Dalam sejarah UMNO telah berkali-kali berlaku pindaan perlombagaan. Ternyata, di dalam parti, Profesor Syed Hussein Al-Attas menyenangi keadaan UMNO yang wujud. Beliau tidak menyenangi pihak yang memperjuangkan



Pengkritik Mahathir menyertai UMNO – gambar DBP

UMNO asal, kerana perjuangan itu menambahkan konflik yang muncul sejak pertandingan 1987.

Pada tahun 1988, Profesor Syed Hussein Al-Attas dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaya, menggantikan Profesor Ungku Aziz. Ini mendekatkan beliau dengan perkembangan UMNO yang berpusat di Kuala Lumpur. Ketika beliau mula-mula menyertai UMNO, beliau adalah Ketua Jabatan Pengajian Bahasa di Universiti Nasional, Singapura.

Pada awal tahun 1989, Profesor Syed Hussein Al-Attas diminta mengemukakan cadangan mengenai sistem *Ombudsman* untuk membendung gejala buruk dalam pentadbiran kerajaan. Sejauh mana sistem ini dapat diaplikasikan dalam pentadbiran di Malaysia akan kita perhatikan dalam tahun-tahun 90-an.

## PERTEMUAN DI SRI PERDANA

**P**ERTEMUAN di antara pemimpin UMNO dan pemimpin PAS pada tahun 1986, membawa makna yang positif dalam perkembangan politik Melayu. Kerisauan kita tentang lambatnya matang politik Melayu agak berkurangan dengan adanya pertemuan demikian. Walaupun Mustafa Ali dan Abdul Hadi Awang tidak mengetahui, atau tidak mengiktirafkan pertemuan tersebut, namun pada hakikatnya para pemimpin dari dua buah parti besar itu telah dapat berbincang dengan baik.

Dalam politik, perpaduan dan 'peperangan' berpunca dari pemimpin. Jika pemimpin suka berunding, suka membina kedamaian, maka pertentangan di antara pengikut tidak timbul. Pertentangan di antara pengikut, selalunya disebabkan oleh kedua-dua pihak mempercayai hujah ketua-ketua masing dan mempercayai bahawa musuh politik adalah musuh sebenar.

Saudara Anwar Ibrahim menganggap pemimpin-pemimpin PAS seperti Hj. Yusof Rawa, Ustaz Fadzil Noor dan Syed Ibrahim sebagai pemimpin-pemimpin yang berfikiran terbuka dan boleh diajak berunding. Manakala, menurutnya Saudara Mustafa Ali (Ketua Pemuda PAS) masih tidak sesuai diajak berunding. Menurut Saudara Anwar Ibrahim, penafian Saudara Mustafa terhadap perundingan PAS-UMNO disebabkan keimbangan hilang undi. Pandangan Saudara Anwar Ibrahim ini dijawab oleh Ustaz Hadi Awang dengan mengatakan Saudara Anwar Ibrahim sendiri mengiklankan dirinya dengan anggapan demikian.

Polemik orang muda bertiga itu (Anwar, Mustafa dan Hadi) tidak mengambil masa yang panjang. Walaupun begitu polemik telah berlaku, tetapi isi polemik itu sekadar mengiyakan dan menafikan pertemuan PAS-UMNO, alankah sia-sia. Pertemuan telah diadakan di antara pucuk pimpinan dua buah parti politik Melayu dan orang-orang bawah diajak berfikir tentang pertemuan itu saja, padahal yang penting ialah semangat perpaduan PAS-UMNO yang terhasil daripada pertemuan itu.

Seharusnya yang penting ialah kematangan politik Melayu. Haji Yusof Rawa, Ustaz Fadzil Noor dan Syed Ibrahim telah memperlihatkan tanda-tanda kematangan kepimpinan PAS, walaupun dua orang pemimpin muda dari pantai timur mungkin tidak gemar kepada pertemuan demikian.

Pertemuan pemimpin tertinggi parti menyebabkan ahli-ahli biasa tidak cenderung 'berperang' lagi, sebab mereka telah merasai bahawa PAS-UMNO adalah parti orang-orang Islam, dan perkelahian murahan tidak wajar diteruskan. Soalnya, apakah masih terdapat pemimpin muda yang ingin meneruskan cara keras dan kasar dalam hal pertemuan PAS-UMNO?

Jawabnya, sejarah politik tanahair telah membuktikan bahawa pertentangan secara bersungguh-sungguh, bermati-matian (antagonistik) menyebabkan pemimpin-pemimpin tertentu memperolehi undi yang banyak dalam pilihanraya. Pemimpin-pemimpin muda yang garang ingin meneruskan *trend* ini, walaupun akibatnya ialah perpecahan. Perpecahan rakyat tidak mengapa bagi mereka, kerana yang penting ialah mereka dapat kekal sebagai wakil rakyat.

Dalam UMNO dan dalam PAS, tidak semua pemimpin menggemari muzakarah yang selalu disebut-sebutkan itu. Bukan saja pemimpin-pemimpin PAS yang tertentu mengingini pertentangan antagonistik, pemimpin-pemimpin UMNO pun ada yang demikian. Dia antara mereka ada yang mencadangkan agar pemimpin-pemimpin PAS yang garang itu ditangkap saja, padahal dalam negara demokrasi soal tangkap-menangkap ini tidak boleh digalakkan. Hujah politik, walaupun pahit, hendaklah dijawab dengan politik juga, sama ada secara lisan maupun secara praktik. Pertemuan di antara dua pihak seperti yang kita tahu sekarang adalah tindakan politik juga dan tindakan itu kita lihat sebagai tindakan positif, lembut dan penuh kesabaran. Perpaduan orang-orang Islam terbayang melalui pertemuan itu dan orang-orang yang rasional, baik dalam UMNO maupun dalam PAS, hendaklah merestui dan menyambut baik peristiwa tersebut.

Adalah tidak adil 'menyerang' Saudara Mustafa Ali dan Ustaz Hadi Awang yang tidak mengetahui peristiwa pertemuan tersebut. Pemimpin-pemimpin UMNO pun banyak yang tidak tahu jika *Watan* tidak melaporkannya. Bahkan pihak yang bertemu mesra itu pun tidak suka pertemuan mereka diheboh-hebohkan. Bagi Dr. Mahathir Mohamad dan juga bagi Haji Yusof Rawa, pertemuan tersebut hanyalah pertemuan di antara saudara-saudara sesama Islam. Manakala Ustaz Fadzil Noor sendiri gembira kerana itulah pertama kali beliau bertemu dengan Dr. Mahathir Mohamad sejak Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri. Saudara Anwar Ibrahim pula amat berpuas hati dengan pertemuan itu, walaupun tidak ada keputusan bertulis di antara mereka, kerana bagi Saudara Anwar Ibrahim, Haji Yusof Rawa scolah-olah bapanya sendiri. Saudara Anwar Ibrahim dapat menerima hujah-hujah pihak pembangkang, kerana sebelum

beliau berada di dalam kerajaan, beliau menjadi 'pembangkang' di luar Parlimen. Dengan itu, tidaklah kekok beliau berhadapan dengan tokoh-tokoh PAS, apatah lagi dengan 'bapa angkat' nya sendiri. Ustaz Fadzil Noor pula adalah teman seperjuangannya di dalam ABIM beberapa tahun yang lepas.

Kita mengharapkan pertemuan harmonis di antara pemimpin-pemimpin parti yang dihormati ramai itu akan berulang lagi. Rakyat biasa yang waras tentu mengharapkan tindakan positif para pemimpin. Semoga Allah menyelamatkan umat Islam di negara ini.

## PERTEMUAN 10 MATA: SATU ANALISA LANJUTAN

**P**ERTEMUAN 10 mata di antara pemimpin PAS dengan pemimpin UMNO di Seri Perdana telah diketahui umum. Walau apa pun tafsiran, pertemuan tersebut telah tercatat dalam sejarah politik Melayu-Islam. Pertemuan itu penting, walaupun di kalangan orang-orang PAS dan orang-orang UMNO, ada pendapat yang mengatakan pertemuan itu tidak serius, hanya pertemuan biasa, pertemuan sahabat lama, ataupun pertemuhan sekadar menghormati jemputan Perdana Menteri.

Pertemuan itu penting kerana sekurang-kurangnya mengurangkan konflik yang tidak wajar sesama Islam. Orang-orang yang melampau dalam UMNO menganggap PAS sebagai parti penyebar fitnah dan tidak boleh dibawa kira. Orang-orang yang melampau di dalam PAS menganggap UMNO, parti Assabiyah, atau parti sekular dan beberapa label lagi, label-label yang ditemui pada akhir tahun 70-an hasil daripada penyelidikan istimewa pembicaraan-pembicaraan politik sosial Islam era baru. Kedua-dua pihak menggunakan hujah-hujah palsu, tetapi kerana masing-masing tahu menguasai fikiran para pengikut, maka segala yang palsu itu kedengaran seolah-olah benar belaka.

Pertemuan sepuluh mata membayangkan bahawa usaha untuk mengurangkan konflik memang dilakukan. Tidak sukar melakukannya, bahkan boleh dikatakan amat mudah. Para pemimpin dari dua buah parti yang berpengaruh itu perlu sering bertemu, bercakap dengan baik, berbual-bual beberapa jam dan makan minum bersama-sama. Itu sahaja yang diperlukan.

Pertemuan demikian akan menyebabkan para pengikut menurut jejak pemimpin. Mereka akan saling kunjung mengunjungi, akan menghadiri kenduri kendara walaupun berbeza sahaman politik. Tidaklah lagi terjadi peristiwa orang PAS tidak menziarahi atau mengunjungi rumah si mati dari keluarga UMNO, atau sebaliknya. Maksudnya di sini, kita tidak akan mendengar lagi kisah kafir mengkafir, kisah dua imam dan lain-lain, seperti mana yang dibising-bisingkan kini. Kita tidak lagi akan menanggung perasaan malu yang dahsyat kerana peristiwa kafir mengkafir dan peristiwa dua imam seperti yang dikisahkan beberapa waktu yang lalu.

Perjuangan menegakkan Islam di Malaysia boleh dilaksanakan dengan lembut, muhibah dan penuh kasih sayang. Pertentangan bersungguh-sungguh, atau yang sering saya sebutkan pertentangan antagonistik, tidak bermakna, malah membawa kehancuran umat Islam di Malaysia. Yang penting ialah perpaduan umat Islam di Malaysia, iaitu perpaduan dan keharmonian hidup orang Melayu.

Pertemuan pemimpin-pemimpin PAS-UMNO seperti yang telah berlaku tidak menimbulkan reaksi positif yang menyeluruh daripada kedua-dua parti. Ini kerana sejumlah pemimpin tidak menyenangi pertemuan tersebut. Sejumlah pemimpin mempunyai fikiran bahawa PAS dan UMNO mesti terus bertentangan, 'baru seronok'. Kalau berbaik-baik 'tidak seronok', kerana masing-masing akan kehilangan modal dalam kempen-kempen dan dalam syarahan-syarahan agama (yang juga kempen). Hal ini tidak disedari oleh para pengikut. Para pengikut jarang benar dapat mentafsirkan tindak-tanduk pemimpin. Merck mereka mempercayai bahawa pemimpin mereka bercakap tentang arah sebenar yang dituju oleh parti dan tidak dapat mentafsirkan arah politik yang berada di kotak fikiran pemimpin.

Amat baik pertemuan sepuluh mata dapat dibongkar oleh akhbar. Jika akhbar (khususnya *Watan*) tidak melaporkan berita itu, maka para pengikut tetap memikirkan bahawa pemimpin PAS tidak mungkin sudi bertemu dengan pemimpin UMNO.

Dengan laporan itu, sejumlah pengikut, iaitu yang masih rasional, dapat memutuskan hakikat politik, iaitu bahawa permusuhan antara tokoh-tokoh politik hanya politik, tidak lebih daripada politik. Maksud di sini, para pemimpin politik mempunyai perhitungan sama ada akan bermusuh ketat, bermusuh sedikit-sedikit ataupun berkawan. Jika mereka bermusuh, maka permusuhan itu adalah politik. Jika mereka berkawan, maka persahabatan itu adalah politik. Walaupun mereka mungkin berkata kepada pengikut, "Mari kita menentang parti Y, kerana parti Y tidak Islamik", tetapi hakikatnya ialah mereka membuat anjuran politik. Para pengikut perlu memahami hakikat ini agar tidak kehilangan fikiran rasional.

Soalnya sekarang, mengapakah ada pihak yang benar-benar tidak menyenangi tersebarnya berita pertemuan yang mulia dan bersejarah itu? Bukankah peristiwa yang baik, hasil daripada ikhtiar yang baik elok diumumkan kepada rakyat?

Kita mendengar pihak PAS mengatakan ada perjanjian lisan bahawa pertemuan tersebut mestilah dirahsiakan daripada pengetahuan umum. Hasrat untuk merahsiakan pertemuan itu adalah hasrat politik. Pembocoran rahsia pertemuan itu pun politik juga. Penafian tentang wujudnya pertemuan itu adalah politik lagi. Penafian terhadap penafian yang dibuat kemudiannya

adalah lanjutan politik itu. Para pemimpin amat bimbang kalau-kalau jumlah pengikut mereka berkurangan. Dalam suasana tegang begitu hasrat baik dihentikan kerana dorongan untuk mengekalkan jumlah pengikut.

Jika kita mendengar berita bahawa pertemuan pemimpin PAS dan UMNO tidak akan berulang lagi, mengertilah kita bahawa berita itu tidak lebih daripada politik.

## KE ARAH PERDAMAIAIAN POLITIK MELAYU

**P**ERDAMAIAIAN UMNO-PAS hanya berlaku sejauh ini ketika PAS berada di dalam Barisan Nasional. Hal ini telah kita perhatikan. Sebelum dan selepas PAS berada di dalam Barisan, PAS sentiasa menjadi musuh UMNO. Mengapakah hal ini terjadi?

Jawapan kepada soalan di atas ada berbagai-bagai. Dahulu, orang menjawab soalan di atas dengan mengatakan: PAS tidak menyetujui UMNO kerana UMNO berkawan baik dengan orang-orang bukan Islam. Dalam kata lain, PAS membenci UMNO kerana UMNO mendekati orang-orang kafir. Kemudian, apabila PAS menyertai Barisan, tuduhan tersebut tidak dilangsungkan. Ertinya, tuduhan PAS bahawa UMNO berkawan dengan kafir bukanlah tuduhan yang sebenar. Tuduhan tersebut boleh dipertimbangkan mengikut keadaan.

Apabila PAS keluar dari Barisan, tuduhan-tuduhan PAS terhadap UMNO pada masa-masa lepas tidak boleh digunakan lagi. Akibatnya prestasi PAS merosot buat beberapa ketika. Dalam pilihanraya pertama selepas PAS keluar dari Barisan, kata-kata pemimpin PAS ketika mereka di dalam Barisan digunakan semula oleh UMNO. Kata-kata dan amanat pemimpin PAS semasa mereka di dalam Barisan jelas sekali menikam diri mereka sendiri.

Kemudian PAS bertukar kepimpinan. Kemunculan pemimpin-pemimpin baru PAS dengan gaya antagonistik terhadap UMNO dan terhadap pemimpin lama PAS, tidak pernah diduga sebelum itu. Pemimpin baru PAS menganggap Datuk Asri memang wajar "mencabut" diri dari PAS. Mereka melihat cara Datuk Asri adalah cara sekular, sama dengan cara UMNO. Dengan gaya antagonistik ala Ayatollah, Ustaz Abdul Hadi Awang menyerang setiap aspek pemerintahan Barisan, yang disimpulkannya sebagai bertentangan dengan Islam. Ustaz Abdul Hadi Awang, orator yang sukar ditandingi itu, berusaha membina pandangan umat Islam Malaysia bahawa perjuangan mereka menentang kerajaan adalah jihad, dan kematian mereka dalam perjuangan ini adalah syahid.

Oleh kerana bakat oratornya besar sekali dan boleh dikatakan terbesar

sejauh ini, maka para pengikutnya amat yakin dengan kata-katanya. Beberapa orang penulis yang taasub dengannya ada yang mengatakan bahawa semua syarahan Ustaz Abdul Hadi Awang adalah ajaran Al-Quran, tanpa membuat kritikan terhadap tokoh itu.

Penulis-penulis itu tidak melihat adanya kontradiksi dalam hal ini, iaitu Ustaz Abdul Hadi Awang sebenarnya berjuang dalam landasan parti politik moden. Parti politik seumpama PAS tidak pernah wujud dalam ajaran Islam tulen, atau di dalam ajaran Islam yang murni. Pertentangan di antara ulama dalam kerajaan dengan ulama PAS baru-baru ini adalah pertentangan yang dilahirkan oleh fahaman politik kepartian moden. PAS boleh dianggap parti moden yang berjuang berlandaskan beberapa fikiran tradisional pada saat-saat perlu, dan kembali moden apabila timbul saat-saat lain pula. Pandangan tradisional PAS sentiasa bersedia untuk digantikan dengan pandangan moden mengikut keadaan. Sebagai contoh PAS mengatakan bahawa mereka menyetujui sistem demokrasi, dan itulah sebabnya mereka menyertai pilihanraya. Menyetujui demokrasi sebenarnya pandangan moden, kerana demokrasi itu sendiri adalah sistem yang moden. Jadi, penentangan PAS terhadap sekularisme tidak menyeluruh, kerana dalam amalan demokrasi unsur sekular mengambil tempat utama.

Penerangan yang lengkap tentang sifat-sifat sebenar PAS dan UMNO adalah penting. Seseorang yang hendak memahami PAS tidak boleh bergantung kepada syarahan-syarahan atau kempen-kempen oleh pemimpin-pemimpin PAS yang diadakan di sana sini. Syarahan-syarahan PAS bukanlah aktiviti untuk menerangkan dasar PAS, tetapi sebenarnya merupakan program untuk memaparkan idealisme yang tidak mungkin tercapai. Syarahan-syarahan itu elok didengar untuk tujuan mempertajamkan pemikiran tentang isu-isu keislaman, tetapi sukar diterima secara keseluruhan. Dikatakan demikian kerana dalam syarahan-syarahan tersebut terdapat juga kelemahan-kelemahan yang menonjol, tetapi teknik pengucapan ahli-ahli pidato itu berjaya menenggelamkan segala kelemahan isi.

Dalam keadaan selaku pembangkang, PAS boleh membuka banyak sekali kelemahan UMNO dan Barisan Nasional seluruhnya. Ini adalah keistimewaan pihak pembangkang. Wakil-wakil rakyat PAS tidak perlu memikirkan soal pembangunan atau soal bantuan itu ini untuk kemajuan ekonomi rakyat, kerana ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS hanya berkehendakkan idea-idea penentangan yang disaluti dakwah. Kehebatan unsur dakwah dalam politik PAS diakui oleh Abdul Razak Ahmad, pemimpin PSRM, yang mengatakan bahawa partinya tersepit di antara semangat nasionalisme UMNO dan kebangkitan dakwah PAS.

Kebangkitan dakwah PAS terjadi dalam zaman kebangkitan Islam seluruh dunia. Kebangkitan Islam seluruh dunia juga disedari oleh UMNO sejak Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih kepimpinan. Penerapan nilai-nilai Islam yang dikemukakan secara menyeluruh, dan dibuktikan dengan konkret melalui penubuhan Bank Islam, Universiti Islam, dan lain-lain, adalah didorong oleh kebangkitan Islam sedunia. Boleh dikatakan usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran di Malaysia diterima oleh sejumlah ulama di dalam dan di luar negeri, dan ini terbukti melalui penyertaan ulama-ulama itu dalam persidangan-persidangan Islam yang dianjurkan oleh Malaysia.

Cara kerajaan yang didukung oleh UMNO menerapkan nilai-nilai Islam tidak disenangi oleh PAS. PAS mencari jalan untuk membuktikan bahawa usaha-usaha kerajaan tidak pernah jujur. Bahkan PAS beranggapan bahawa penerapan nilai-nilai Islam hanyalah tempelan seperti anak dara bergincu. Ini disebutkan oleh Ustaz Fadzil Noor dalam ceramahnya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam keadaan begini kemunculan Ustaz Abdul Hadi Awang amat berguna bagi PAS. Ustaz Abdul Hadi Awang menghafaz ayat-ayat Quran dan Hadis, dan beliau dapat pula memberi huraian-huraian maksud yang relevan dengan suasana sekarang. Jika kita mendengar hujah-hujah Ustaz Abdul Hadi Awang dengan tekun, kita akan memahami kesimpulannya bahawa kerajaan Malaysia amat buruk dipandang daripada kacamata Islam. Itulah yang dimaksudkan oleh syarahan-syarahan beliau.

Pendengar-pendengar yang tidak kritis akan menerima hujah-hujah itu seakan-akan menerima ajaran suci yang tulen, dan melupakan bahawa Ustaz Abdul Hadi Awang sedang berpidato politik. Ada orang mengatakan, "Menolak hujah-hujah Ustaz Abdul Hadi Awang bererti menolak Quran dan Hadis".

Adalah benar bahawa Malaysia, seperti juga Indonesia dan negara-negara lain yang rakyatnya Islam, tidak melaksanakan hukum-hukum Islam secara menyeluruh. Pandangan-pandangan yang bersandarkan akal telah meresap ke dalam tubuh pemerintahan kesemua negara maju dan negara sedang maju di seluruh dunia. Undang-undang di negara maju digubal bersandarkan akal, dan undang-undang tersebut dibawa kesemua negara yang sedang maju, terutama negara-negara yang pernah dijajah. Kemerdekaan sesebuah negara tidak menyebabkan negara-negara itu sekaligus memiliki corak hidup yang baru. Ini terbukti apabila undang-undang yang digubal sebelumnya dikekalkan dalam zaman kemerdekaan.

Penubuhan parti-parti politik juga dilakukan sejak zaman penjajahan. UMNO dan PAS tidak berbeza, kerana kedua-duanya ditubuh dalam

rangka perlembagaan yang sedia ada, iaitu terbentuk dalam zaman penjajahan. Alangkah baiknya jika rakyat diajar untuk memahami hakikat ini, bukan diajar untuk memfitnah musuh politik dengan pelbagai label seperti kafir, taghit, jumud dan lain-lain.

Pada dasarnya PAS dan UMNO tidak perlu bermusuhan. Perlumbagaan kedua-dua parti itu tidak mengatakan bahawa mereka saling bermusuhan. Bahkan dalam banyak hal PAS dan UMNO bersetuju, tidak bercanggah. Mereka ingin membela orang Melayu dan Islam di negara ini. *Approachnya* tentu berbeza, tetapi hasratnya sama.

Keadaan yang tidak banyak beza ini kemudiannya kelihatan seakan-akan terlalu berbeza, bagi langit dengan bumi, mengapa? Tidak lain dan tidak bukan kerana jiwa pendukung-pendukung politik itu tidak bersih. Asas politik itu sebenarnya bersih, kerana dengan politik manusia dapat mengatur kehidupan di dunia ini. Tetapi, sejarah membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin politik adalah orang-orang yang haloba akan kuasa. Kerana haloba mereka berbuat apa saja untuk mendapatkan kuasa, atau untuk mempertahankan kuasa.

Dalam zaman feudal Melayu, antara lain raja-raja menyuruh para pujangga menulis karangan tentang kehebatan-kehebatan mereka. Kisah kehebatan keturunan raja-raja menyebabkan rakyat mempercayai daulat dan lain-lain, yang mengakibatkan rakyat amat takut kepada raja dalam zaman silam. Dalam zaman moden, iaitu zaman pilihanraya, rakyat diajak mempercayai kehebatan pemimpin-pemimpin parti politik, dan kehebatan program-program politik setiap parti. Tujuannya yang utama ialah kuasa, seperti mana raja-raja zaman silam mengekalkan kuasa melalui cerita-cerita kehebatan keturunan (misalnya keturunan Iskandar Dzulkarnain) dan lain-lain. Di sinilah letaknya "kekotoran" politik yang paling pokok. Atau, dengan kata-kata lain, politik itu baik, yang melibatkan perundungan dan keselamatan, tetapi menjadi buruk apabila ditinjau aspek kebuasan hasrat untuk berkuasa dan mengekalkan kuasa.

Kembali kepada soal pertentangan PAS dan UMNO. Secara logiknya PAS dan UMNO tidak wajar bertentangan, kerana dalam kehidupan sebenar amat banyak orang PAS merupakan saudara orang UMNO. Atau, jika dilihat daripada sudut pengajaran Islam, kesemua ahli dua buah parti itu bersaudara.

Dalam politik musuh tidak pernah kekal sebagai musuh dan demikian juga kawan. Perhatikan saja usaha "damai" muzakarah UMNO-PAS yang pernah dijalankan oleh beberapa orang tokoh PAS dan UMNO. Usaha ini pasti telah berjaya jika setiap pemimpin PAS dan UMNO berfikir bersungguh-sungguh ke arah itu. Tetapi, usaha tersebut ada juga

halangannya, kerana masih terdapat tokoh-tokoh dari kedua-dua parti ingin melangsungkan pertentangan. Seorang tokoh PAS mengatakan perundingan boleh dibuat dengan syarat tidak ada tawar menawar untuk memujuk PAS menyertai Barisan Nasional. Bukankah syarat demikian tidak wajar disuarakan jika ada keikhlasan untuk berunding-damai? Di pihak UMNO pun begitu juga. Pada saat tokoh-tokoh yang ingin berbaik-baik dengan PAS berusaha, ada saja suara menyindir PAS dengan pelbagai kata yang menyakitkan hati.

Kesedaran untuk mewujudkan kedamaian hidup orang Melayu - Islam di Malaysia tidak akan bangun dengan kukuh dan kemas jika pemimpin-pemimpin PAS dan UMNO yang dihormati ramai tidak berusaha ke arah yang positif itu. Maksud di sini, segala kesalahan yang menyebabkan berlakunya keruncungan ini hendaklah dikenakan kepada pemimpin yang tidak tahu bertoleransi itu. Para pengikut, yang kebanyakannya masih fanatik, akan menurut kata pemimpin dan akan menerima logika pemimpin. Dalam hal PAS, peristiwa Memali membuktikan bahawa para pengikut menerima ajaran pemimpin mereka, yang dianggap guru yang betul, sehingga mereka sanggup menentang pihak polis yang bersenjata moden. Ini adalah bukti bahawa pemimpin boleh menguasai fikiran pengikut sehingga ke tingkat yang paling ekstrim sekalipun.

Dalam UMNO pun kita telah melihat betapa besarnya sokongan pengikut terhadap pemimpin, iaitu Datuk Harun Idris, pada tahun 1970-an dahulu. Orang-orang UMNO pada masa itu tidak menghiraukan soal sama ada Datuk Harun Idris bersalah ataupun tidak, kerana bagi mereka Datuk Harun Idris adalah pemimpin yang paling berkebolehan dan paling berjasa. Dalam MCA, kita melihat juga sokongan yang berapi-api yang pernah diberikan kepada Tan Koon Swan.

Semua yang di atas menunjukkan bahawa para pengikut yang sudah fanatik tetap akan menyokong pemimpin mereka walau dalam apa keadaan sekalipun. Jika pemimpin berusaha menaikkan semangat kebangsaan, maka pengikut akan turut membangkitkan semangat kebangsaan itu di dalam diri mereka. Semangat Melayu di dalam anggota-anggota PAS amat tebal dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an. Apabila pemimpin mengatakan semangat kebangsaan itu salah, maka para pengikut pun turut berusaha 'menidurkan' semangat kebangsaan yang ada di dalam diri. Kini, kita telah menemui sejumlah besar orang PAS yang tidak langsung bersemangat Melayu, kerana mereka menganggap fahaman demikian assabiyah sifatnya.

Dalam UMNO, tidak pernah timbul persoalan mematikan semangat kebangsaan. Para pemimpin dan pengikut tetap melihat unsur fahaman kebangsaan sebagai unsur yang positif dan penting. Terjadi pula polemik

baru yang merumitkan pemikiran orang kebanyakan. Tokoh-tokoh UMNO, terutama yang memahami Islam secara mendalam, berusaha membuktikan bahawa semangat kebangsaan adalah fitrah manusia, dan tidak bercanggah dengan Islam. Ulama-ulama PAS pula mengatakan semangat kebangsaan itu assabiyah, bukan fitrah manusia, tapi unsur kejahatan dalam diri manusia. Menurut mereka, Nabi Muhammad mencegah amalan yang berhubungan dengan assabiyah, dan dengan itu menurut mereka semangat kebangsaan dilarang oleh Islam.

Huraian-huraian tentang semangat kebangsaan dan assabiyah berlangsung dalam jangka masa yang panjang. Yang Dipertua PAS telah memilih tema assabiyah dalam ucapan panjang lebarnya sempena muktamar PAS yang ke 31. Istilah assabiyah itu telah digunakan mengikut keperluan parti, bukan mengikut ketetapan makna.

Alangkah anehnya peristiwa polemik kebangsaan dan assabiyah ini. Setiap tokoh misalnya Haji Wan Mokhtar, Ustaz Abdul Hadi Awang dan Haji Abu Bakar Hamzah, mempunyai definisi dan tanggapan yang berbeza-beza belaka, padahal mereka mempunyai pengetahuan agama yang memuaskan. Mengapakah terjadi demikian? Jawapannya tidak lain daripada meleretnya persoalan politik tempatan di dalam definisi dan tanggapan itu. Sungguhpun mereka seolah-olah berbicara secara ilmiah, siap dengan bukti-bukti sejarah serta kutipan-kutipan sabda Rasulullah, tetapi hasrat mereka tetap hasrat politik tempatan, hasrat mencari pengaruh dan mengekalkan pengaruh.

Konflik di antara puak di dalam masyarakat Melayu-Islam di Malaysia hanya akan tamat jika pemimpin-pemimpin dari kedua-dua parti politik Melayu-Islam itu memberhentikan kerja tuduh-menuduh yang dahsyat ini. Para pemimpin kedua-dua parti hendaklah bersikap lapang dada, lapang fikiran dan penuh tanggungjawab dalam usaha mereka mencari pengaruh. Kedua-dua pihak hendaklah mengurangkan usaha mencari populariti melalui ucapan 'maki hamun' di khalayak umum. Kalau boleh, setiap mereka hendaklah mengakui kebaikan "musuh", jika "musuh" berbuat baik. Janganlah dilatih agar orang PAS mengata UMNO buruk seratus peratus, dan orang UMNO pun jangan dilatih demikian. Janganlah orang PAS melarang teman-temannya, anak isterinya dan lain-lain, ke tempat kenduri orang UMNO, kerana kenduri kendara bukan pameran politik. Orang UMNO pun jangan berbuat demikian kepada ahli PAS.

Jika keadaan harmonis ini terjadi, alangkah matangnya politik kita. akan tetapi tampaknya untuk berlaku kerjasama di antara tokoh-tokoh yang bersemangat kebangsaan dengan tokoh-tokoh Islam dalam PAS diperlukan krisis besar dalam UMNO. Tengku Razaleigh Hamzah yang pernah

menentang PAS habis-habisan memperlihatkan kesanggupannya berbaik-baik dengan pemimpin PAS apabila krisisnya dengan Dr. Mahathir Mohamad sampai ke tingkat yang amat meruncing. Padahal, ketika Saudara Anwar Ibrahim mengusahakan muzakarah, Tengku Razaleigh Hamzah tidak menunjukkan minat untuk bersatu padu dengan PAS.

Perpaduan yang ideal dalam masyarakat kita akan wujud jika parti UMNO yang wujud kini berbaik-baik dengan PAS. Hubungan baik di antara semangat 46 dengan PAS tidak bererti apa-apa, selain sebagai strategi biasa untuk terus berpolitik mengejar kuasa.

Tujuan perjuangan Semangat 46 ialah untuk menghidupkan UMNO asal. Cuba kita bayangkan jika UMNO asal itu betul-betul hidup kembali. Adakah PAS dapat bersatu dengannya?

## BENARKAH PAS MENOLAK NASIONALISME?

PENDAPAT Haji Mohd. Nakhaie Ahmad (*Watan* 2hb. - 5 hb. Julai 1985) tentang assabiyah dan nasionalisme boleh dikira jelas, walaupun tidak semua kita sanggup mengakui kebenarannya. Pada bahagian awal Haji Nakhaie mengakui bahawa beliau akan menghuraikan masalah bangsa, assabiyah dan nasionalisme berdasarkan tradisi yang diamalkan oleh ulama-ulama Islam. Ulama-ulama Islam, menurut Haji Nakhaie mendahuluikan Tahrir Mahallin Niza, yang saya tanggapi akan menuju ke arah objektif dan mengelakkan subjektiviti.

Akan tetapi setelah membaca dan menelitiinya, didapati keseluruhan tulisannya menuju kepada penolakan terhadap nasionalisme, iaitu sesuatu yang ditentukan terlebih dahulu. Penentuan PAS untuk menolak nasionalisme telah pun terakam dalam ucapan dasar Muktamar Tahunan PAS ke-31, iaitu ucapan Yang Dipertua Agungnya, Haji Yusof Rawa.

Dalam ucapan Haji Yusof, penolakan ditujukan kepada assabiyah, tanpa disamakan antara assabiyah dan nasionalisme. Ucapan itu terus kepada penentangan, "...bahawa tumpuan kita di peringkat ini ialah ke arah pembebasan pemikiran dari belenggu pemikiran assabiyah".

Assabiyah yang ditentang itu ialah assabiyah yang bermaksud "...menolong kaumnya di atas dasar kezaliman dan cara-cara yang zalim", dan menurut Yang diPertua itu, golongan sedemikian tidak diakui sebagai umat Muhammad s.a.w.

Sebagai ucapan dasar ketua parti pembangkang yang tengah hangat, ucapan Haji Yusof Rawa penuh dengan emosi marah. Kemarahan yang terkandung di dalamnya adalah kemarahan politik, dan ahli-ahli diyakinkan bahawa assabiyah yang celaka memang wujud di tengah masyarakat, bahkan sudah, sedang dan terus berperanan melaksanakan program zalim dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun sukar dipercayai bahawa hadirin boleh memahami inti ucapan itu, walaupun mereka mengesani emosi politik pemidato.

Tulisan Haji Nakhaie Ahmad mengandungi perincian untuk lebih mudah difahami. Menurutnya, assabiyah yang ditentang oleh PAS adalah

assabiyah yang dicemuh oleh Rasulullah. Secara tersirat, Haji Nakhaic bermaksud bahawa pendukung assabiyah yang ditentang oleh PAS, ialah orang-orang yang tidak diakui umat oleh Rasulullah.

Akan tetapi, Haji Nakhaic Ahmad tidak menafikan adanya makna lain assabiyah, iaitu makna yang dimaksudkan oleh Ibn Khaldun. Dengan itu, perbincangan tentang assabiyah tidak semudah yang dilakukan sejauh ini. Haji Nakhaic Ahmad mempunyai pandangan lain yang tidak diutarakan dalam tulisan tersebut.

UMNO mendukung nasionalisme dan tidak menyamakan nasionalisme dengan assabiyah. Haji Nakhaic menyamakan nasionalisme UMNO dengan assabiyah yang terkutuk di samping mengakui adanya assabiyah yang tidak terkutuk, iaitu assabiyah Ibn Khaldun. Beliau tidak memperincikan hal ini.

Assabiyah juga diterangkan oleh Datuk Sri Amar Wan Mokhtar, Menteri Besar Terengganu dalam ucapan perasmian seminar politik di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menyebutkan konsep assabiyah amat erat dengan kata taasub, iaitu sikap keterlaluan yang membawa kesan negatif terhadap kebenaran. Dengan itu, assabiyah tidak hanya mungkin terkena kepada UMNO, tetapi juga kepada PAS, sebab sesiapa jua mungkin memiliki sikap taasub ini.

Dalam politik yang berlarutan secara tidak tersusun ini, pandangan-pandangan tentang assabiyah dan nasionalisme tidak sekata. Tidak mudah dibuat kesimpulan, kerana pihak-pihak yang berpolemik memegang definisi yang berbeza-beza. Keterangan Haji Nakhaic Ahmad dalam tulisannya bahawa ada persamaan antara nasionalisme di Barat dengan nasionalisme Melayu tidak boleh diketepikan.

Akan tetapi tidak pula dapat kita anggap bahawa nasionalisme Melayu adalah rekaan yang bermodelkan nasionalisme Barat. Nasionalisme bukannya benda yang boleh direka-reka, tetapi 'semangat' di dalam diri. Semangat sebenarnya sentiasa ada, cuma menunggu waktu untuk dibangkitkan saja. Kejayaan Datuk Onn Jaafar tidak lebih daripada kejayaan membangkitkan semangat yang sedia ada dalam diri orang Melayu, bukan kejayaan mencipta nasionalisme.

Semangat yang sedia ada itu diakui oleh PAS sebagai bersifat fitri. Menurut Haji Nakhaic Ahmad, "Kewujudan bangsa-bangsa di kalangan manusia adalah suatu kenyataan fitri".

Dengan itu, tiada pertentangan apa-apa di sini. Cuma, apakah ikhtiar kita untuk memanfaatkannya? UMNO tentu mendakwa, mereka telah manfaatkannya sehingga tercapainya kemerdekaan dan berlangsung pula pembangunan.

Daripada kacamata UMNO, seperti yang pernah dibincangkan, Islam

boleh dan mesti diperkembangkan melalui semangat nasionalisme yang sedia ada ini. UMNO menolak konsep internasionalisme, dan seperti yang diucapkan oleh Dr. Mahathir Mohamad, di negara-negara Islam lain juga rakyatnya menentang musuh berdasarkan semangat nasionalisme.

Haji Nakhaie Ahmad menekankan juga soal 'menjaga kepentingan negara'. Daripada segi teori, PAS boleh mengetepikan soal kepentingan negara, tetapi daripada segi praktik, kepentingan negara amat penting. Memanglah seseorang yang mencintai keadilan tidak akan merestui penangkapan tanpa bicara seperti yang disebut oleh Haji Nakhaie Ahmad. Kassim Ahmad terlebih dahulu menyuarakan pentingannya terhadap amalan tersebut, iaitu melalui bukunya *Universiti Kedua*. Akan tetapi hujah tersebut tidak boleh digunakan untuk mengetepikan kepentingan negara.

Menjaga kepentingan negara adalah kewajipan semua pihak dan kaedahnya terletak pada kedudukan pihak-pihak berkenaan. Adalah tidak betul untuk kerajaan menghalang kegiatan pembangkana atas alasan menjaga kepentingan negara, dan tidak juga kena jika pembangkang melampaui batas dalam segala macam tindakannya. Tindakan yang melampaui batas akan menyebabkan keadaan negara menjadi kucar-kacir, dan akhirnya demokrasi terkorban.

Oleh kerana kita mengakui menerima demokrasi, maka bebaslah PAS menolak nasionalisme. Bebaslah PAS menolak assabiyah. Akan tetapi, ketika PAS menolak nasionalisme dan assabiyah itu, tidakkah PAS mendukung nasionalisme dan assabiyah juga? Maksud saya, tidakkah PAS hanya menolak nasionalisme dan assabiyah secara UMNO, dan membawa nasionalisme dan assabiyah secara PAS?

Adakah masing-masing hanya tertakluk kepada definisi masing-masing?

Menurut Haji Nakhaie Ahmad, kandungan nasionalisme Melayu Dr. Burhanuddin ialah Islam dan Melayu ialah rupa bangsanya. Adakah Haji Nakhaie Ahmad secara tidak langsung menerima nasionalisme Dr. Burhanuddin setelah dibandingkan dengan nasionalisme Tunku Abdul Rahman?

Jika demikian bolehlah dianggap PAS menerima nasionalisme, asalkan nasionalisme itu seperti yang dimaksudkan oleh Dr. Burhanuddin. Di samping itu Haji Nakhaie Ahmad membayangkan penerimaan PAS terhadap assabiyah, asalkan assabiyah itu seperti yang dimaksudkan oleh Ibn Khaldun.

Menurut Haji Nakhaie Ahmad, "Sikap kami terhadap faham nasionalisme Melayu Dr. Burhanuddin akan dibicarakan pada kesempatan lain." Kita yang berminat tentang hal ini tentu tertunggu-tunggu pembicaraan yang dijanji-janjikan itu. Seterusnya, oleh kerana sikap penulis terhadap

konsep assabiyah Ibn Khaldun dibayangkan secara sepintas lalu saja maka kita menunggu juga penjelasan tentangnya. Malangnya, setelah agak lama menunggu, kita mendengar berita Ustaz Nakhaie Ahmad meletakkan kesemua jawatannya dalam PAS.

# HAPUSKAN HAK MELAYU: TRAGEDI TAHUN 1985

**T**IBA-TIBA sahaja pada tahun 1985 kita mendengar khabar bahawa PAS berjanji akan menghapuskan hak istimewa orang Melayu, jika mereka berkuasa. Ini diucapkan dalam usaha mengikis imej perkauman parti itu. Janji itu dihadapkan kepada masyarakat Cina dalam satu dialog yang dihadiri oleh ratusan orang Cina, di Kuala Terengganu.

Untuk mengesani strategi PAS, clok juga kita menatap sejarah sepintas lalu. Pada suatu waktu, pemimpin PAS bersikap nasionalis. Nasionalisme Melayu PAS lebih kuat daripada nasionalisme UMNO dalam beberapa hal. Mereka mengecam UMNO kerana berkawan dan bekerjasama dengan parti Cina, iaitu MCA.

Boleh dikatakan agak panjang zaman nasionalisme Melayu PAS itu. Tokoh PAS yang kini menjadi legenda, Dr. Burhanuddin, adalah nasionalis yang dihormati dan dikenang sepanjang zaman. Perjalanan nasionalisme Melayu PAS kian ketara dalam zaman Datuk Asri Muda. Ketika itu kita dengar syarahan mereka di sana sini menghentam UMNO habis-habisan kerana UMNO bersahabat dengan Cina. Saya masih ingat, menurut pemimpin PAS pada masa itu, mereka bukan benci kepada UMNO. Mereka hanya marah kepada UMNO kerana UMNO berkawan dengan kafir.

Kemarahan PAS kepada UMNO ketika itu boleh juga difahami sebagai kemarahan politik. Kemarahan politik adalah kemarahan strategik, iaitu bukan marah yang sebenar-benarnya marah, tetapi marah mencari undi. Ketika suara seperti ini kedengaran di sana sini, pemimpin-pemimpin PAS masih berpakaian seperti pemimpin-pemimpin UMNO. Agak jarang kita temui pemimpin PAS berserban seperti hari ini.

Penentangan terhadap UMNO boleh dikira berkesan pada zaman itu. Rata-rata penyokong PAS terdiri daripada orang-orang yang tidak mahu negara dikongsi dengan orang bukan Melayu. Kelantan dikuasai PAS kerana sifat kemelayuan yang cukup kuat di negeri itu. Mereka mempertikaikan hak orang bukan Melayu menjadi warganegara.

Apabila PAS memasuki Barisan Nasional, rakyat berpeluang berfikir

jauh. Rakyat telah melihat bahawa penentangan PAS terhadap UMNO adalah palsu. Rakyat mendapati pemimpin-pemimpin PAS menerima jawatan kerajaan pusat. Rakyat juga mendapati Menteri Besar Kelantan, iaitu Datuk Muhammad Nasir, sungguhpun tokoh PAS, tetapi amat mirip kepada UMNO. Pada masa itu, rakyat Kelantan sekaligus melihat Datuk Asri Muda menggunakan terlalu banyak kuasa. Dalam keadaan kurang pilihan, rakyat memilih Datuk Muhammad Nasir dan mengetepikan Datuk Asri Muda. UMNO memperolehi kedudukan yang kuat di Kelantan.

Rakyat Kelantan kian merasakan bahawa Datuk Muhammad Nasir dan Datuk Asri Muda tidak mempunyai banyak perbezaan. Daripada segi berpidato, tentulah Datuk Asri Muda jauh mengatasi Datuk Muhammad Nasir, akan tetapi daripada sudut arah tujuan, mereka tidak membawa sesuatu yang berkesan. Oleh itu rakyat Kelantan mencari-cari wira baru.

Tengku Razaleigh Hamzah adalah wira baru yang sesuai dengan kehendak rakyat Kelantan pada masa itu. Namun, tidak semua pencari-pencari wira itu sanggup keluar dari PAS dan memasuki UMNO. Oleh itu penyokong-penyokong PAS terus tercari-cari. Rupa-rupanya wira yang mereka cari berada di Terengganu iaitu Ustaz Abdul Hadi Awang.

Dalam sejarah politik PAS, era Ustaz Abdul Hadi Awang adalah era penuh semangat. Era ini bukan saja dicirikan oleh sikap anti-nasionalisme, tetapi dicirikan juga oleh corak pakaian pemimpin, iaitu kebanyakannya memakai serban. Dengan hujah-hujah revolucioner Islam dan dengan corak pakaian sedemikian, PAS mengemukakan cita-cita utama mereka, iaitu mahu menubuhkan kerajaan Islam tulen. Kita dapat, Suhaimi Said yang agak lama berfahaman sosialisme telah menyertai PAS era baru dan turut berpakaian demikian. Subky Latif pun mengalami perubahan begitu.

Persoalan pakaian seperti yang saya sentuh di atas bukanlah persoalan untuk dilihat sepantas lalu. Ahli-ahli PAS yang setia turut memakai pakaian demikian. Dengan itu boleh kita anggap bahawa pemimpin-pemimpin PAS telah berjaya mempengaruhi sejumlah ahlinya. Ini terlihat jelas apabila PAS berforum.

Suara-suara PAS era baru tidak lagi suara kemelayuan. Hal ini munasabah kerana PAS menolak nasionalisme. Pada masa yang sama persoalan nasionalisme di peringkat kerajaan masih dalam pembentukan. Nasionalisme Melayu yang sedia ada sebenarnya agak pudar walaupun tidak ditentang oleh PAS. Ini kerana ketiadaan peristiwa yang memerlukan kebangkitan nasionalisme itu. Di mana-mana pun, jika tidak peristiwa mengancam, nasionalisme tidur. Nasionalisme hanya bangkit jika bangsa dan negara terancam. Nasionalisme Melayu bangkit dengan hebatnya ketika Inggeris mengugat bangsa Melayu dengan gagasan Malayan Union.

Dalam keadaan nasionalisme Melayu leka dalam tidur, PAS ingin mematikannya langsung. PAS menganggap, nasionalisme semakna atau bersamaan dengan assabiyah. Ini telah menimbulkan polemik yang berpanjangan. Memang ada tokoh PAS yang sedar tentang nasionalisme secara ilmiah dan menerima nasionalisme Dr. Burhanuddin, tetapi dalam usaha memadamkan nasionalisme Melayu, mereka tidak menonjolkan pemikiran Dr. Burhanuddin itu. Tokoh PAS yang sedar itu ialah Ustaz Nakhaie Ahmad.

Kemuncak pada usaha memadamkan nasionalisme ini, PAS menolak hak istimewa orang Melayu. Inilah yang kita kira perkembangan yang menyedihkan. Hasrat ini tentunya menyenangkan masyarakat bukan Melayu. Akan tetapi, Lim Kit Siang sendiri tidak mempercayai hasrat tersebut. Menurutnya, ucapan Ustaz Abdul Hadi Awang itu harus ditinjau dengan penuh hati-hati.

Bagi masyarakat Cina, adalah mustahil sebuah parti yang meluangkan ideologi Islam tulen akan mengambil berat tentang kebajikan Cina sama seperti kebajikan Islam. Ustaz Abdul Hadi Awang dan teman-temannya berusaha memberi penjelasan tentang idea ini. Subky Latiff pernah berusaha menghuraikan hal ini kepada orang-orang Cina termasuk mahasiswa-mahasiswa.

Barangkali peristiwa pahit yang menimpa MCA dapat diambil kira dalam melaksanakan strategi PAS. Suatu waktu penyokong-penyokong MCA seakan-akan kehilangan pemimpin. Tiada scorang pun di antara Neo Yee Pan, Mak Hon Kam dan Tan Koon Swan yang mendapat sokongan padu ahli-ahli MCA. Penyokong-penyokong Neo Yee Pan telah dihangatkan dengan idea bahawa UMNO campurtangan dalam krisis mereka.

Oleh itu kemarahan penyokong MCA terhadap UMNO pun berlaku. Dalam keadaan itu amat baik bagi PAS jika penyokong-penyokong MCA yang marah-marah itu menyokong mereka. Memang baik jika itu berlaku. Tetapi adakah penyokong MCA akan mengutamakan PAS melebihi DAP?

Pada analisis terakhir, tindakan PAS mengetepikan hak istimewa orang Melayu adalah tragedi tahun 1985. Pandangan demikian membuat penyokong PAS yang sederhana akan berada di dalam dilema. Mereka mementingkan agama dan juga mementingkan survival. Bagi ahli-ahli PAS yang setia kepada Ustaz Abdul Hadi Awang, hal ini tidak merunsingkan, kerana mereka percaya bahawa kata-kata Ustaz itu benar belaka.

## ORANG MELAYU DAN HAK ISTIMEWA

**W**ALAUPUN pada tahun 1985, Ustaz Abdul Hadi Awang memarahi pihak akhbar kerana membuat laporan yang tidak adil dan beliau memberi amaran bahawa tulisan-tulisan pelapor itu akan diadili di akhirat, namun rakyat dapat juga memahami idea asal tokoh tersebut. Laporan-laporan yang menyusul kemudian memperjelaskan laporan awal. Penolakan Ustaz Abdul Hadi Awang terhadap hak istimewa orang Melayu dikatakannya sesuai dengan Islam, kerana menurutnya dalam Islam tidak terdapat hak istimewa sedemikian. Dengan itu akhbar tidaklah membuat laporan yang salah tentang isu tersebut.

Sebenarnya, amat sukar PAS era baru hendak mengemukakan idea dan ideologi mereka secara berterus-terang. Kesukaran ini samalah dengan kesukaran yang dirasai oleh PSRM pada masa-masa lalu. Persoalan hak istimewa orang Melayu, seperti yang termaktub dalam perlombagaan tidak boleh dipertikaikan. Hal ini sama pula dengan soal kedudukan raja-raja. Oleh sebab PAS mempersoalkan hak istimewa ini, yang kata mereka tidak terdapat dalam Islam, tentulah PAS mempersoalkan juga kedudukan raja-raja. Kedudukan raja-raja juga tidak terdapat dalam Islam. Namun, seperti yang disebutkan di atas, PAS pasti menghadapi kesukaran yang amat sangat dalam hal ini, kerana kesemua itu terhalang oleh perlombagaan.

Apabila Ustaz Nakhaie Ahmad memperjelaskan maksud ucapan Ustaz Abdul Hadi Awang, iaitu hak istimewa orang Melayu akan hapus dengan sendirinya jika PAS memerintah, maka maksud pemerintahan secara Islam itu kian jelas. Terbayang kepada kita sebuah kerajaan yang berbeza sama sekali berbanding dengan keadaan kini. Perlombagaan yang ada kini akan dibatalkan, demikian juga sistem perundangannya. Ini dinyatakan secara tegas oleh Ustaz Nakhaie Ahmad, walaupun beliau tidak menyatakan sesuatu tentang kedudukan raja-raja.

Ketika Saudara Anwar Ibrahim mengkritik pembaziran kerajaan negeri, Subky Latiff mengatakan bahawa suara Saudara Anwar Ibrahim adalah suara anti-raja. Memang Subky Latiff telah bersuara secara tenang dan membuat analisis yang ringkas terhadap suatu corak pemikiran yang

panjang. Sekali pandang kedengaran scolah-olah Subky Latiff tidak menyenangi protes terhadap raja-raja, tetapi jika analisis dibuat secara lebih teliti, pandangan Subky Latiff merupakan projeksi pemikiran PAS: Sebenarnya adalah mustahil PAS menyokong pembaziran, kerana Islam menentang pembaziran. Akan tetapi Subky Latiff selaku tokoh PAS era baru, tidak ingin memperkatakan secara permukaan. Beliau memaparkan maksud dalaman sesuatu pemikiran, kerana beliau bersama-sama tokoh PAS yang lain sedang aktif memikirkan sistem terbaik untuk negara ini.

Dalam Islam semua rakyat akan mendapat keistimewaan sama rata, tidak ada siapa yang dilebihkan hak istimewanya dan tidak ada siapa yang terlepas dari undang-undang. Demikianlah rumusan pemikiran PAS dalam hal ini. Dalam Islam tiada siapa yang terlepas daripada tindakan undang-undang. PAS amat tegas dengan prinsipnya walaupun sejauh ini hanya melalui kata-kata sahaja. PAS era baru menerima semua bahasa untuk dianggap bahasa rasmi. Ini juga seajar dengan sikap anti-nasionalismenya. Perjuangan bahasa adalah sebahagian daripada perjuangan nasionalisme. Cuma, menurut Ustaz Abdul Hadi Awang, adalah mustahil kita mengambil bahasa Afrika untuk bahasa rasmi, kerana Afrika terlalu jauh dari kita.

Kini tampaklah dengan jelas betapa jauhnya arah perjuangan PAS. Pandangan-pandangan politik mereka tampaknya tidak berbau perkauman lagi, tidak seperti zaman awal hingga ke zaman Datuk Asri Muda. Pandangan-pandangan mereka kini adalah pandangan Islam yang menerima pelbagai kaum. Cuma, dapatkah pandangan-pandangan ini diterima dalam sebuah masyarakat berbilang kaum? Tidakkah semangat mencintai bangsa sendiri itu merupakan satu fitrah manusia?

Sudut pandangan PAS sekarang boleh disamakan dengan sudut pandangan sejumlah pemuda progresif yang kita temui di dalam pertubuhan-pertubuhan belia. Mereka bersuara sebagai manusia, sebagai rakyat dan tidak sebagai orang Melayu, Cina atau India. Sudut pandangan ini kita temui sudah agak lama dan kita kenali mereka sebagai orang-orang sosialis, sama ada mereka ahli PSRM ataupun tidak. PAS telah melangkah jauh kini kerana mereka telah mencapai pemikiran tanpa memperhitungkan bangsa. Apakah mereka akan disokong oleh golongan sosialis? Tampaknya tidak juga demikian. Kian benarlah adanya persamaan antara Islam dengan sosialisme dalam hal-hal seperti ini. (Saya ulangi: dalam hal seperti ini sahaja). Prinsip keadilan dalam pemikiran sosialis tidak menyangkut soal bangsa. Akan tetapi, seperti yang jelas pada istilahnya, sosialisme tidak memberi tumpuan kepada akidah. Oleh itu, sistem sosialisme akan berbalik kepada hukum manusia, walaupun akan ada pula perbezaannya daripada hukum yang ada di Malaysia. Sistem Islam akan sentiasa merujuk kepada

hukum Allah. Sekurang-kurangnya demikianlah janji PAS, walaupun kita belum melihat undang-undang dalam zaman ini yang betul-betul merujuk kepada hukum Allah.

Rakyat masih memberi perhatian serius terhadap perkembangan 'revolusioner' pemikiran PAS. Adalah diharapkan akan berlaku polemik yang sihat, atau sekurang-kurangnya tidak terlalu kasar. Rakyat harus diberi peluang berfikir secara saksama menghadapi idea baru ini. Hak istimewa orang Melayu barangkali masih perlu dipertahankan untuk maksud-maksud kebijakan nasional, bukan kebijakan untuk orang Melayu sahaja.

Pihak yang menyokong idea baru PAS harus menyampaikan idea itu tanpa menyinggung perasaan orang Melayu secara umum. Kebanyakan orang Melayu pada tahun 1983 hairan benar kerana persoalan hak istimewa orang Melayu ditimbulkan oleh orang Melayu sendiri. Walau bagaimanapun penyokong-penyokong idea ini, baik daripada kalangan Melayu, mahupun bukan Melayu telah sedar bahawa pandangan Ustaz Abdul Hdi Awang adalah cetusan ideologi baru partinya. Dengan itu hal ini tidak dibahaskan di luar batasan.

Eloklah perbahasan tentang soal hak istimewa orang Melayu tidak berpanjangan. Sejarah dan suasana politik Malaysia memerlukan kekalnya hak istimewa itu. Mengapakah soal itu diungkit-ungkit, padahal masih banyak isu lain untuk dibahaskan? Akhirnya, mengapakah orang Melayu sendiri mengungkitnya?

## PERTEMUAN DENGAN USTAZ ABDUL HADI AWANG

**S**AYA bersama Fickry Haji Yaacob, Bidin Beseri dan Yahaya Ismail tiba di pekarangan Masjid Rusila jam 10.00 pagi hari Jumaat 8hb. November 1985. Haji Abdul Hadi sedang bersyarah dengan suara lantang. Hadirin di dalam campur hadirin di luar masjid saya agak melebihi 5,000 orang.

Saya berasa scolah-olah sejumlah orang yang hadir itu melihat kami dengan perasaan curiga. Rupa-rupanya Fickry, Yahaya dan Bidin pun berasa begitu juga. Ini dinyatakan oleh mereka kemudiannya.

Jika benar kecurigaan ini terjadi, kami kira alasannya ialah kerana kami membawa alat perakam suara, kamera dan kertas catatan. Kami tentunya berasa kurang senang direnung oleh beberapa orang pemuda dan orang dewasa dengan renungan yang berisi kecurigaan.

Kami berdiri di luar masjid. Ramai juga orang berdiri separtimana ramai orang yang duduk.

"Selepas ceramah ini tamat, bolehkah kami berjumpa dengan Ustaz Abdul Hadi Awang di dalam masjid?" tanya saudara Fickry kepada seorang pendengar yang juga berdiri.

"Tidak boleh. Tidak mudah hendak berjumpa ustaz," jawab orang itu.

"Kami dari *Watan*. Kami sudah berjanji dengan Ustaz Abdul Hadi Awang untuk menemubual dia," kata Fickry lagi.

"Jumpa dia tak boleh," jawab orang itu agak perlahan.

Kami berpindah ke kedai makan di seberang jalan. Ada juga orang duduk di kedai itu untuk mendengar syarahan secara selesa. Duduk-duduk saja, tidak makan atau minum. Untuk mengambil hati tuan kedai, kami memesan minuman botol.

"Di mana rumah Ustaz Hadi?" tanya Bidin Beseri kepada orang yang duduk di hadapannya.

"Dia tak ada di rumah," jawab orang itu.

"Dia tinggal di mana?" Bidin bertanya lagi.

"Ikut jalan ini. Jauh di sana, di rumah bapanya," jawab orang itu lagi.

"Kami hendak ke rumahnya. Kami dari *Watan*, bertujuan untuk

menemuramah dia," kata Bidin.

"Itu kena jumpa jawatankuasa," jawab orang itu lagi.

"Boleh abang tunjukkan ahli jawatankuasa kepada saya?" Bidin bersuara mengharap.

"Saya tak tahu. Jawatankuasa selalu bertukar-tukar," orang itu memberi alasan untuk tidak membantu menunjukkan ahli jawatankuasa.

"Bolehkah saya mengambil gambar hadirin yang mendengar ceramah?" Bidin mengubah bicara.

"Tak boleh," jawab orang muda di luar kedai. Orang muda itu sejak tadi memberi perhatian terhadap perbualan kami.

"Tapi elok juga ambil gambar untuk siaran akhbar," saya bersuara.

"Orang tidak tahu tujuan encik-encik ni. Orang akan rampas kamera itu nanti," orang muda itu bersuara balas.

Bidin keluar dari kedai dan pergi berbual dengan beberapa orang termasuk anak muda yang baru bersuara. Saya tidak dapat mendengar perbicaraan itu.

Apabila syarahan tamat, ada orang datang memberitahu kami bahawa Ustaz Abdul Hadi Awang bersedia ditemubual.

"Di mana tempat temubual?" tanya Yahaya.

"Di rumahnya. Dekat masjid tu," jawab orang yang datang menjemput kami. Dia sentiasa tersenyum mesra. Saya kira dia ahli jawatankuasa.

Kami pun berjalan ke arah rumahnya yang berhampiran dengan masjid itu. Di fikiran saya terbayang aneka jawapan yang diberikan sebelumnya tentang rumah Abdul Hadi. Ada yang kata "tak tahu", ada yang kata "dia tak ada rumah", ada yang kata "dia tinggal di rumah bapanya", dan ada yang menyambung "rumah bapanya jauh dari sini." Rupa-rupanya rumah Ustaz Abdul Hadi Awang dalam kawasan masjid itu sahaja.

Mengapakah orang mengelak diri daripada memberitahu kami rumah Ustaz Abdul Hadi Awang? Jawapannya pelbagai, tetapi kesimpulannya mungkin mereka bimbang kalau-kalau kami berniat jahat.

Niat kami hanyalah untuk mengetahui dan memahami idea Ustaz Abdul Hadi Awang, tokoh PAS era baru. Kami mahu mendengar kenyataan beliau sendiri tentang beberapa hal yang agak kontroversial.

Kami disambut oleh Ustaz Abdul Hadi Awang dengan sambutan yang baik. Beliau tidak berbeza daripada orang lain dalam hal sambutan begini. Rumahnya sederhana sekali, walaupun keretanya jenis baik dan mahal.

Saya minta izin untuk mengambil gambarnya, beliau menjawab, "silakan". Anaknya datang dan duduk di atas ribanya. Sedang bercakap-cakap, ada orang mengangkat teh o, seperti juga yang berlaku di rumah-rumah orang lain apabila kita menjadi tetamu.

Ustaz Abdul Hadi Awang baik orangnya, sebaik orang lain yang baik. Beliau mudah senyum, tetapi senyumannya tidak berlebihan sehingga menjadi tawa. Murah senyum mahal tawa.

Ada sejumlah orang berada di atas beranda ketika kami berbual. Mereka hendak mendengar soalan-soalan kami dan seterusnya mendengar jawapan Ustaz Abdul Hadi Awang. Tentunya jawapan-jawapan Ustaz Abdul Hadi Awang lebih penting dari soalan-soalan yang kami akan utarakan, bagi mereka.

Banyak yang kami percakapkan. Di sini akan dicatatkan beberapa hal disertai dengan huraian ringkas. Pertama, soal hak istimewa orang Melayu. Tampaknya Ustaz Abdul Hadi Awang mengaku bahawa hak istimewa orang Melayu itu patut dihapuskan. Katanya, idea ini sebenarnya dimulai oleh Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mahathir Mohamad pernah mengatakan bahawa hak istimewa orang Melayu ini memalukan orang Melayu sendiri. Demikian menurut Ustaz Abdul Hadi Awang.

Hak istimewa ini kemudiannya dihubungkan dengan hal-hal lain, khususnya mengenai Dasar Ekonomi Baru yang penuh penyelewengan dan mengenai perjalanan undang-undang. Ustaz Abdul Hadi Awang tampaknya bersikap lurus dalam hal-hal ini. Beliau tidak bersemangat Melayu, sungguhpun beliau mengakui semangat mencintai bangsa sendiri itu semulajadi sifatnya.

Saya mengatakan bahawa kita banyak berbahas tentang istilah nasionalisme, padahal jika istilah itu tidak digunakan pun konsepnya tetap ada. Saya katakan lagi, oleh kerana Ustaz Abdul Hadi Awang menyentujui bahawa setiap orang mengasihi keluarganya, kemudian bangsanya, maka tidaklah perlu ditolak nasionalisme itu.

Ustaz Abdul Hadi Awang menjawab bahawa nasionalisme berasaskan keturunan, warna kulit, bahasa, tempat tinggal dan tingkat ekonomi.

Saya belum jelas tentang nasionalisme yang berasaskan tingkat ekonomi, walaupun yang lain jelas. Saya tidak menyatakan balas kerana saya tidak mahu Ustaz Abdul Hadi Awang menggunakan banyak masa membicarakan nasionalisme sahaja.

Selain itu, saya tidak nampak alasan untuk mengatakan nasionalisme yang berasaskan bangsa, bahasa dan tempat tinggal itu bertentangan dengan Islam. Saya dapat menerima jika Ustaz Abdul Hadi Awang mengatakan nasionalisme yang berasaskan warna kulit itu bertentangan dengan Islam.

Saya juga tidak dapat menerima bahawa nasionalisme itu cabang assabiyah. Assabiyah itu sudah pasti buruk, tetapi nasionalisme boleh dibentuk untuk menjadi baik atau buruk. Di Malaysia, para nasionalis

cenderung membentuk nasionalisme ke arah kebaikan.

Percakapan kami menyentuh juga soal kerjasama PAS, DAP dan juga soal sokongan orang bukan Melayu terhadap perjuangan PAS. Adalah jelas bahawa Ustaz Abdul Hadi Awang tidak menghentam DAP dalam percakapan tersebut. Beliau menghendaki DAP memahami PAS dan kerjasama akan terjadi jika DAP dapat menerima konsep PAS. Agak berliku-liku juga soalan ini untuk difahami.

Saya kira Ustaz Abdul Hadi Awang bermaksud bahawa PAS akan menerima DAP sebagai teman berjuang jika DAP menganggap PAS lebih berwibawa untuk memerintah negara ini. Saya kira tafsiran ini tidak salah. Alasannya ialah, jika DAP lebih berwibawa daripada PAS, masakan negara Islam boleh dibentuk. Tujuan PAS ialah untuk menubuhkan negara Islam. Alangkah anch jika PAS menganggap DAP akan membantunya menegakkan negara Islam.

Negara kita bukan negara Islam dan DAP sedang memperkembangkan lagi sayap kuasanya. PAS pun demikian. Kedua-dua parti itu mengharapkan Barisan Nasional lemah. Dapatkah dipercayai ramalan bahawa DAP akan sanggup merestui penubuhan negara Islam?

Kita tidak pernah mendengar mana-mana parti pun mendekati masalah Malaysia dengan pendekatan agama, selain PAS dan UMNO. DAP dan MCA berkembang cara lain, bukan secara PAS atau secara UMNO. PAS dan UMNO di kampung-kampung berkembang melalui pendekatan agama di samping persoalan ekonomi kedesaan. DAP menekankan kuasa politik untuk memerintah Malaysia, manakala MCA menekankan ekonomi orang Cina di samping turut memerintah bersama-sama UMNO dan parti-parti lain dalam Barisan Nasional.

Dalam kawasan Ustaz Abdul Hadi Awang, pendekatan ekonomi kedesaan tidak penting sama sekali. Rakyat di Rusila tidak datang bertanya tentang api dan air, atau hal-hal survival yang lain. Kata Bidin Beseri, senanglah Ustaz Abdul Hadi Awang menjadi wakil rakyat. Beliau hanya terus bersyarah dengan kebolchan pidatonya. Beliau tidak perlu berfikir tentang infrastruktur kawasannya atau hal-hal rakyat seputrimana wakil-wakil rakyat UMNO yang tak berhenti-henti dikunjungi orang.

Saya dapati wakil rakyat PAS di Perlis pada masa itu teruk juga menolong orang di sana sini. Ada yang minta itu, ada yang minta ini. Saya sendiri pernah bertemu dengan seorang pemuda yang mahu menemui Radzi Sheikh Ahmad untuk meminta biasiswa padahal jawatan Radzi tidak bersangkutan paut dengan biasiswa.

Dalam DAP masakan ada wakil yang mirip Ustaz Abdul Hadi Awang. Mana ada "pendakwah" dalam parti itu, walau untuk agama apa pun

"dakwah" itu dilakukan. Oleh itu adalah sukar hendak dibayangkan kerjasama erat antara DAP dengan PAS, selain kerjasama sementara untuk memecahkan undi Barisan Nasional dalam pilihanraya 1986.

Tentang sokongan orang bukan Islam secara umum, Ustaz Abdul Hadi Awang menyatakan bahawa orang bukan Islam sudah mulai faham tentang corak pemerintahan Islam. Ustaz Abdul Hadi Awang optimis bahawa kerajaan PAS akan dapat ditubuhkan kerana sokongan mereka itu.

Amat baik jika ini terjadi. Tetapi seorang ahli PAS yang pernah menjadi calon PAS dalam pilihanraya ada mengatakan bahawa kehadiran sejumlah orang dalam ceramah tidak menggambarkan sokongan dalam pilihanraya.

Katanya, ceramah ibarat jual ubat. Orang datang melihat silap mata si penjual ubat memanglah ramai, tetapi yang akan membeli ubat tidaklah seberapa. Oleh kerana kata-kata ini dikeluarkan sendiri oleh calon PAS (yang disuarakan kepada Fickry di Kota Bharu), maka elok juga dicatatkan dalam tulisan ini.

Saya ada menanyakan, adakah perjalanan Islam sebelum British memerintah Malaya lebih baik daripada keadaan Islam kini? Ustaz Abdul Hadi Awang menjawab: Ya. Katanya ada dua orang sultan yang mencuba memerintah negeri masing-masing secara Islam. Satu di Melaka dan satu lagi di Terengganu. Di Melaka Sultan Alaudin dan di Terengganu Sultan Zainal Abidin.

Saya bertanya, adakah PAS menerima kerajaan berkepalakan sultan untuk memerintah secara Islam, atau negara Islam nanti akan berpresiden, atau seperti sekarang dengan berketauan Perdana Menteri? Ustaz Abdul Hadi Awang menjawab, siapa pun ketua pemerintahan tidak penting. Sultan boleh, presiden pun boleh, asalkan ia mendaulatkan Islam.

Saya menafsirkan sendirian, bahawa Ustaz Abdul Hadi Awang bermaksud bahawa jika sultan memerintah, hukum Islam hendaklah dilaksanakan tanpa pengecualian iaitu tidak ada orang yang mengatasi undang-undang termasuk sultan sendiri. Ini dijelaskan oleh Ustaz Abdul Hadi Awang di tempat lain berkali-kali, bahawa dalam melaksanakan undang-undang Islam manusia tidak boleh dibezakan.

Saya beranggapan bahawa pertemuan kami dengan Ustaz Abdul Hadi Awang amat bermakna. Tidak semestinya kami menerima pendapatnya bulat-bulat, tetapi kami dapat mendengar dan melihat suara dan cara dia berhujah. Kami dapat mengesani corak pemikiran seorang tokoh PAS yang mempunyai pengikut yang besar jumlahnya.

## TRAGEDI MEMALI: POLITIK ADALAH POLITIK

**A**MANAT Ustaz Abdul Hadi Awang dan kemudiannya menjadi fatwa Ustaz Abdul Hadi Awang, sebenarnya bukan amanat dan bukan fatwa. Jika seseorang membaca "amanat" atau "fatwa" itu dengan teliti, akan didapatinya bahawa "amanat" atau "fatwa" itu hanyalah kata-kata bombastik, atau kata-kata penyedap dalam sesbuah ucapan.

Ingatkan saja kata-kata Dr.Mahathir Mohamad dalam kempen pilihanraya Sabah: "Barisan Nasional akan timbul atau tenggelam bersama-sama Berjaya". Kata-kata yang terlepas secara demikian tidak mungkin dapat dianggap "janji setia", sepetimana kata-kata Ustaz Abdul Hadi Awang tidak dapat dianggap amanat atau fatwa yang sebenar.

Orang-orang PAS, termasuk presidennya mempertahankan "amanat" atau "fatwa" itu dan orang-orang UMNO di segala peringkat hingga ke peringkat presiden pula menentangnya. Inilah keanehan politik. Ustaz Abdul Hadi Awang sendiri tidak bermaksud memberi amanat. Beliau bersyarah secara spontan, sepetimana beliau bersyarah di tempat-tempat lain. Kata-kata yang menjadi "amanat" dan "fatwa" itu disyarahkan di Kampung Banggul Peradung, Kuala Nerang pada tahun 1982. Kampung Banggul Peradung tampaknya tidak sepopuler "amanat" atau "fatwa" itu.

Menurut Ustaz Abdul Hadi Awang, "Itu hanyalah ucapan saya tetapi telah dinaikkan taraf menjadi amanat dan kemudiannya disifatkan sebagai "fatwa". (Lihat *Utusan Malaysia*, 21hb. Februari 1986).

Komentar keras terhadap politik suku yang lahir secara spontan dalam "amanat" tersebut langsung tidak boleh dipertahankan. Di dalam kegiatan keagamaan, kita dapat seseorang yang memasuki bidang tasawuf tidak menghiraukan politik. Antara lain, kata seorang tokoh yang berada dalam bidang itu (beliau meminta agar namanya tidak dicatatkan), perjuangan politik parti (sama ada secara PAS atau UMNO) tidak mengikut sunah. Menurutnya lagi, sejarah juga membuktikan bahawa perjuangan politik parti tidak pernah mempertingkatkan atau memajukan penghayatan Islam. Alasan ketiga untuk mengetepikan politik parti ialah bahawa politik parti hanya membawa pecah belah. Alasan keempat, iaitu yang terakhir: ulama hendaklah berada di atas segala parti politik dan tidak mencari kepentingan

melalui politik.

Ikhtiar untuk menyatupadukan rakyat Malaysia telah lama dilakukan. Kini orang-orang PAS pun telah tidak menganggap orang-orang bukan Islam sebagai musuh. Ini berbeza daripada banyak peristiwa dalam kempen pilihanraya tahun 60-an, kerana ketika itu PAS menentang kerjasama UMNO dengan MCA dan MIC.

Dengan menggunakan hujah-hujah keislaman, orang-orang PAS sudah menerima orang-orang Cina. Cuma, orang-orang Cina agak keberatan menerima PAS kerana mereka melihat corak ulama amat asing daripada cara hidup mereka yang mementingkan peningkatan ekonomi. Proses sokong menyokong belum tentu berjalan dengan baik.

Perpaduan Melayu sesama Melayu kini menjadi masalah yang lebih besar daripada perpaduan Melayu dengan Cina. Menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah, pertentangan sesama Melayu ini merupakan peringkat *warming up* untuk menghadapi fitnah yang lebih besar. Ustaz Abu Bakar mempunyai maksud tertentu dengan kata-kata *warming up* itu dan beliau juga mengatakan pertentangan MCA dengan DAP merupakan tingkat *warming up* juga!

Punca besar perbalahan sesama Islam pada awal dan pertengahan tahun 1980-an ialah polemik "fatwa" Ustaz Abdul Hadi Awang, bukan peristiwa Memali. Seorang anggota Pemuda UMNO menyuarakan kehairanannya kerana hasil daripada peristiwa Memali, soal syahid dan amanat Ustaz Abdul Hadi Awang yang diperbincangkan, bukan soal kematian itu sendiri.

Fatwa syahid atau tidaknya kematian empat orang PAS dalam peristiwa Memali itu, jika dilihat daripada sudut keagamaan, ialah persoalan hubungan antara manusia dengan Allah. Tetapi syahid yang dipersoalkan ialah syahid politik, itulah sebabnya hal ini menimbulkan konflik.

Yang muncul ialah syarahan-syarahan politik, dan itu disandarkan pada "amanat" Ustaz Abdul Hadi Awang, yang sebenarnya bukan amanat.

Majlis fatwa pun bersusah-payah berbincang untuk menentukan bahawa kematian itu tidak syahid. Sesetengah pihak mengatakan usaha majlis itu merupakan strategi politik pemerintah.

Betapa pun pedih tragedi Memali, politik harus dilihat sebagai politik. Ini bukan soal politik suku agama tetapi soal hakikat di sekeliling kita. Bagi yang benar-benar menghayati agama, politik tetapi tinggal suku, manakala agama itu sendiri dilihat berasingan dan dihayati secara penuh. Bagi seorang yang menghayati politik, maka seluruh tindakannya adlah politik belaka. Politik tidak suku baginya, tetapi penuh. Dia akan berbuat apa saja, asalkan mendapat keuntungan politik. Orang seperti ini banyak terdapat dalam mana-mana pertubuhan politik.

## PENGARUH IBRAHIM LIBYA

**I**NI adalah satu pandangan daripada beberapa pandangan tentang tragedi 19hb. November 1985 atau tragedi Memali. Peristiwa itu telah banyak diperkatakan dan dibuat penilaian, tetapi rasa-rasanya masih ada ruang untuk dibicarakan lagi. Tragedi ini sesuai dibicarakan terus, asalkan tujuan pembicaraan itu untuk mendapatkan arah keharmonian, bukan untuk menimbulkan kacau-bilau yang berterusan.

Shahnon Ahmad seorang pengarang yang memahami *mop psychology* atau *crowd psychology* ada memberi pendapat tentang hubungan di antara tok guru seperti Ibrahim Libya itu dengan murid-muridnya. Antara lain, Shahnon Ahmad mengatakan, "The murid is ever willing to defend his tok guru to the death, whatever comes". (Baca Alina Ranee, "Incident Could Be Blessing in Disguise," *New Sunday Times*, December 8, 1985, halaman 2). Shahnon Ahmad menyentuh soal tragedi tersebut secara objektif dan laporan Alina Ranee itu elok diberikan perhatian.

Pandangan dalam tulisan ini tidak bertolak dari pandangan Shahnon Ahmad, tetapi sebahagian daripada pandangan-pandangan Shahnon Ahmad selari dengan pandangan ini. Dr. Mahathir Mohamad telah menolak anggapan bahawa puncak tragedi itu ialah kemiskinan. Menurutnya, banyak lagi kawasan lain yang penduduknya miskin, tetapi tragedi demikian tidak berlaku. Bahkan, menurutnya, di sana sini orang-orang miskin masih menyokong kerajaan.

Dr. Mahathir Mohamad juga menolak anggapan sejumlah orang bahawa kematian Ibrahim Libya adalah mati syahid. Beliau bertanya, adakah kematian menentang polis yang menjalankan tugasnya itu boleh dianggap mati syahid?

Perlu dinyatakan bahawa dalam membicarakan manusia, pegangan-pegangan dan pandangan-pandangan yang kukuh sesuatu pihak perlu diberi perhatian. Yang dimaksudkan dengan istilah "fanatik" tidak lain daripada pegangan-pegangan yang kukuh itu. Pengikut-pengikut Ibrahim Libya telah berpegang teguh kepada ajaran-ajaran yang disampaikannya, dengan itu mereka menerima segala fakta dan idea yang bersandarkan pegangan itu. Kita perlu memberi ruang untuk mereka mempercayai demikian, tanpa mengorbankan kepercayaan kita.

Sikap liberal ialah sikap mengizinkan pihak lain berpegang kepada kepercayaan masing-masing. Di Malaysia, pertentangan sesama Melayu, atau sesama Islam menjadi amat tegang kini, berpunca daripada sikap antagonistik kedua-dua pihak. Sejumlah orang daripada PAS telah diyakinkan bahawa perjuangan suci mereka ialah perjuangan menentang UMNO, kerana UMNO mendirikan negara sekular. Ini disyarahkan oleh pemimpin-pemimpin PAS pada tahun 1985. Pada tahun 1989 mereka dapat pula menerima bekas-bekas ahli UMNO yang digelar golongan serpihan.

Pihak UMNO pula melihat PAS sebagai parti yang memilih apa-apa saja cara asalkan boleh menang. Ini disyarahkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dengan menyebutkan pula kata-kata 'fitnah', 'sanggup menjual bangsa' dan seumpamanya. Sebagai balasan, pemimpin-pemimpin PAS berusaha membuktikan bahawa cara UMNO adalah cara kafir. Implikasinya ialah bahawa orang UMNO itu kafir, walaupun pemimpin-pemimpin PAS tidak menyebutkannya secara berterus-terang.

Keadaan ini daripada satu segi adalah keadaan politik, oleh itu boleh dikira 'wajar'. Dalam politik ada pertentangan dan UMNO dengan PAS 'melaksanakan' pertentangan itu. Dalam MCA pun ada pertentangan dan kini tampaknya scolah-olah sudah selesai. Jika PAS bertentangan antara partinya dengan UMNO, DAP pula bertentangan dengan MCA, tetapi tidak ada tanda-tanda yang mereka akan berlawan bersungguh-sungguh seperti yang terjadi di Memali.

Jika tragedi 13 Mei 1969 menyebabkan kematian, rumusannya ialah pertentangan antara kaum. Tragedi 19 November 1985 ini menyebabkan kematian tanpa kaitan pertentangan antara kaum. Sebelum peristiwa itu, pengulas-pengulas politik sedang memberi perhatian kepada politik MCA yang dianggap memalukan orang Cina. Bagaimanakah pula pandangan kita terhadap tragedi di Memali? Peristiwa itu bukan sahaja memalukan malah memilukan orang Melayu.

Peristiwa Memali memang tidak dapat dikaitkan dengan soal kemiskinan semata-mata. Ibrahim Libya tidak menyampaikan ajaran ekonomi, tidak mengecam ekonomi kapitalisme dan tidak juga menyarankan dasar ekonomi sosialisme untuk membangkitkan pertentangan klas. Penolakan Dr. Mahathir Mohamad terhadap kemungkinan kemiskinan menjadi punca tragedi itu boleh diterima.

Walau bagaimanapun munasabah juga jika kita katakan keadaan ekonomi yang baik akan menyebabkan orang berfikir secara lain. Maksud di sini, jika Memali dan kampung-kampung lain di sekitar kawasan itu diperbaik dan orang-orang di situ sibuk dengan pembangunan, maka perhatian mereka tidak akan bertumpu kepada karisma Ibrahim Libya.

Dalam keadaan mundur orang-orang yang mempunyai banyak masa untuk berguru itu menerima ajaran tok guru mereka dan mereka menjadi fanatik. Tanpa mempercayai bahawa pengikut-pengikut Ibrahim Libya telah terpukau oleh ilmu jampi Ibrahim Libya, kita boleh menganggap bahawa mereka boleh berbuat sesuatu kerana mempertahankan ajaran dan seterusnya mempertahankan tok guru mereka.

Novelis Shahnon Ahmad telah melukiskan mentaliti kampung dengan baik sekali dalam novel *Rentungnya*. Kebetulan kampung Banggul Derdap yang dimaksudkan oleh Shahnon Ahmad tidak jauh dari Kampung Memali itu. Orang-orang kampung dahagakan kepimpinan, oleh itu tidak hairanlah seorang ketua seperti Pak Senik dalam novel Shahnon Ahmad itu amat dihormati. Kata-kata Pak Senik tidak dibantah oleh mereka, walaupun Pak Senik hanyalah orang kampung yang sederhana.

Kira-kira mentaliti demikianlah yang berterusan sampai sekarang di sejumlah kampung. Setiap tempat di kampung-kampung akan ada orang UMNO dan PAS. Mereka akan terus menghormati ketua masing-masing seperti yang digambarkan oleh novelis Shahnon itu. Terpulanglah kepada ketua-ketua itu untuk menentukan arah pemikiran dan tindakan mereka.

Jika diajar menyerang balai polis, seperti di Batu Pahat, Johor, akan ada pengikut yang mahu berbuat demikian. Jika ada pihak hendak membuka gelanggang Nasrul Haq, akan ada orang Melayu yang akan menjadi murid dan pengikutnya.

Seorang bomoh yang dapat mengubat seorang pesakit, akan menjadi tumpuan ratusan atau ribuan orang Melayu, seperti mana bomoh di Kodiang atau di Kampung Gial dikerumuni oleh pesakit-pesakit luar Perlis dan luar Kedah, atau bomoh di Ulu Kelang dan di Bangi menjadi tumpuan hampir serata pelosok negara. Demikianlah juga pengaruh Ibrahim Libya. Karismanya dicampur dengan sifat fanatik yang ada pada kebanyakan orang Melayu (yang bermentaliti *simple*). Ini bukan soal orang Melayu yang tidak berpelajaran sahaja. Kita tahu bahawa ada di antara ahli-ahli politik Melayu yang masih menggunakan bomoh. Soal kepercayaan scumpama ini amat meluas, bukan sahaja di kalangan orang kampung yang miskin harta dan miskin ilmu, malah juga di kalangan orang Melayu yang pernah belajar di universiti. Melayu itu Melayu juga, tidak kira mereka menerima atau menolak nasionalisme.

Melalui huriaian yang telah diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa pengaruh Ibrahim Libya adalah akibat daripada dua hal. Pertama, kerana karisma dirinya seperti juga karisma Ustaz Abdul Hadi Awang. Kedua, adalah akibat daripada sifat atau keadaan psikologi masyarakat Melayu. Istilah mati syahid untuk kematian mereka pada hari tersebut hendaklah

dilihat daripada perspektif mereka, bukan daripada perspektif pihak lain. Sikap liberal harus ada di sini. Pihak UMNO tentu menolak anggapan bahawa kematian Ibrahim Libya sebagai mati syahid dan PAS hendaklah bersikap sederhana pula dalam hal ini. Allah saja yang menentukan sama ada kematian itu syahid atau tidak. Jika kita bertengkar berpanjangan; tentang syahid atau tidaknya kematian itu, kita akan memulakan polemik baru, polemik mati syahid.

Shahnon Ahmad mengatakan "*Baling will determine the direction of Islam in Malaysia*". Pandangan Shahnon nampaknya berlebih-lebihan. Peristiwa di Memali adalah tragedi kehidupan rakyat dan mungkin akan menentukan gaya politik tahun-tahun mendatang, tetapi tidak mungkin menentukan arah Islam di Malaysia. Yang sedang berlaku di Malaysia ialah penerusan kebangkitan umat Islam, sama dengan di beberapa tempat di dunia.

Al-Arqam, ABIM, PAS dan UMNO sedang melaksanakan tugas masing-masing untuk membantu kebangkitan umat Islam di Malaysia. Pendekatan masing-masing berbeza, demikian juga penekanannya. Oleh itu adalah lebih baik dan elok kita melihat Al-Arqam, ABIM, PAS dan UMNO dengan mata yang ikhlas, bukan dengan mata penuh curiga. Setiap orang ada baiknya, demikian juga setiap pertubuhan. Sebaliknya, jika kita dengan sengaja mencari keburukan, setiap orang ada keburukannya. Demikian juga dengan pertubuhan. Al-Arqam misalnya dikatakan pertubuhan untuk berpoligami sahaja.

Tragedi Memali tidak memerlukan huraian yang terperinci jika sudut-sudut psikologi masyarakat Melayu difahami. Sikap terbuka dan sikap mengambil berat kebajikan semua orang hendaklah diteruskan. Memali dan daerah Baling keseluruhannya memerlukan pembangunan. Pembangunan akan mengubah cara berfikir dan selanjutnya akan mengubah cara bertindak para anggota masyarakat.

Sungguhpun bukan taraf ekonomi yang menjadi punca tragedi 19hb. November, namun daripada sudut lain, peningkatan taraf ekonomi mereka akan mempengaruhi cara mereka bertindak. Soal amalan tertentu yang boleh menyebabkan pengamal-pengamalnya bertindak melulu, seperti yang disebutkan oleh Datuk Dr. Yusof Nor, masih boleh dilihat daripada sudut sosio-ekonomi, walaupun faktor sosio-ekonomi bukan penentu mutlak.

Sebagai kesimpulan, perpecahan orang Melayu-Islam di Malaysia perlu dilihat dalam perspektif yang sesuai dengan keadaan. Jika dahulu Tunku Abdul Rahman sering menyebut soal tolak ansur antara kaum, kini falsafah tolak ansur itu perlu dikenakan kepada sesama Melayu-Islam pula. Pemimpin-pemimpin parti politik hendaklah menyelami makna tolak-

ansur itu dan jangan berusaha untuk memburukkan keadaan.

Setiap pemimpin hendaklah berusaha memberi saranan untuk menyelesaikan masalah, jangan terlalu memaksa pihak lain menerima idea-ideanya. Suara saranan adalah suara tolak-ansur, iaitu suara yang membolhkan pihak lain menerima atau menolaknya. Suara paksaan adalah suara berbahaya dalam suasana politik kita, kerana kita berbicara tentang agama, sesuatu yang amat sensitif dalam masyarakat kita.

# PERLETAKAN JAWATAN DATUK MUSA HITAM

**S**EJAK krisis perlembagaan lagi terdapat anggapan umum bahawa Datuk Musa Hitam tidak bersetuju dengan Dr. Mahathir Mohamad. Akan tetapi oleh sebab pada masa itu Datuk Musa Hitam adalah Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, beliau sering membuktikan bahawa tiada pertentangan di antara mereka. Dr. Mahathir Mohamad sendiri berusaha memperlihatkan bahawa tidak ada masalah antara beliau dengan timbalannya.

Dari masa ke masa, ahli-ahli UMNO, ahli-ahli partai pembangkang dan pihak akhbar, berusaha mendapatkan maklumat sebenar tentang hubungan mereka berdua. Kebanyakan menteri dan Timbalan Menteri mengatakan soal perhubungan yang retak itu hanya rekaan akhbar dan musuh-musuh politik UMNO, atau musuh-musuh politik kerajaan, atau orang-orang tertentu dalam UMNO yang mencari kepentingan. Dr. Mahathir Mohamad sendiri berusaha bergambar mesra dengan Datuk Musa Hitam, untuk memperlihatkan keakraban mereka.

Walau bagaimanapun hal-hal dalaman tidak akan terkawal terus menerus apabila terlalu banyak. Belon yang sudah besar akan meletup jika angin ditambah lagi. Air akan melimpah dari gelas jika dimasukkan terlalu banyak. Ketika Dr. Mahathir Mohamad melawat Perlis, orang sudah memperkatakan soal perletakan jawatan Datuk Musa Hitam. Kata Dr. Wan Hashim Wan Teh, pengulas politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, "Apa boleh buat, akhbar tahu daripada Dr. Mahathir Mohamad". Memang benar kata-kata itu, kerana Dr. Mahathir Mohamad mengatakan bahawa perletakan jawatan Datuk Musa Hitam hanya khabar-khabar angin. Menurut Dr. Mahathir Mohamad, oleh kerana akhbar memulakan penyebaran khabar-khabar angin itu, akhbarlah juga perlu menghentikannya.

Sehari kemudian, diberitakan secara rasmi dan jelas bahawa Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Adakah ini mengejutkan Dr. Mahathir Mohamad? Barangkali tidak, kerana Dr. Mahathir Mohamad telah mengetahui ura-ura perletakan jawatan itu lebih awal. Lagipun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai prinsip: orang politik tidak boleh terkejut!

Perletakan jawatan itu mengejutkan rakyat. Pada masa itu ada yang berasa kecewa kerana khidmat Datuk Musa Hitam masih dirasakan perlu. Ada yang memikirkan bahawa masih berkemungkinan Datuk Musa Hitam boleh dipujuk. Datuk Musa Hitam tiada di dalam negeri untuk mendengar reaksi-reaksi demikian.

Adakah dasar-dasar yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir Mohamad secara bertalu-talu itu tidak digemari oleh Datuk Musa Hitam? Kita pada masa itu tidak mendengar hujah-hujah beliau secara bersungguh-sungguh mengenai dasar memandang ke timur, penerapan nilai-nilai Islam, penswastaan dan lain-lain. Dalam hal perusahaan kereta *Proton Saga* pun Datuk Musa Hitam tidak banyak kali muncul memberi pandangannya. Adakah semua ini tidak cocok dengan Datuk Musa Hitam?

Datuk Musa Hitam mungkin mempunyai *approach* yang amat berbeza daripada Dr. Mahathir Mohamad. Beliau merestui kemenangan PBS di Sabah tanpa mengambil kira perasaan Daruk Harris Salleh, padahal Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah membuat apa-apa komen yang boleh menyakitkan hati Datuk Harris Salleh pada masa itu. Demikianlah perbezaan mereka. Berhadapan dengan krisis MCA dahulu, Datuk Musa Hitam terus menyarankan agar MCA keluar dari Barisan Nasional buat sementara. Dr. Mahathir Mohamad tidak mungkin berkata demikian. Dr. Mahathir Mohamad hanya tidak menyarankan keseluruhan MCA keluar dari Barisan Nasional.

Setelah beberapa lama kemudian, barulah Barisan Nasional memberi tempoh kepada MCA untuk menyelesaikan masalahnya dan kalau gagal parti itu terpaksa keluar menyelesaiannya di luar. Cara ini tampaknya sesuai dengan syor Datuk Musa Hitam yang dibuat secara peribadi terlebih dahulu.

Peninjau politik sering memberi pendapat bahawa Datuk Musa Hitam adalah ahli politik yang mahir dan licin. Beliau diduga (diramal) pergi untuk pulang semula. Walaupun Datuk Musa Hitam sendiri menyatakan agar tindakannya tidak dianggap mempunyai tujuan politik, namun pemerhati politik tidak mungkin melihat perletakan jawatan itu sama dengan perletakan jawatan seorang pegawai kerajaan. Perletakan jawatan Datuk Musa Hitam selalu ditinjau daripada sudut implikasi-implikasi politik.

Datuk Musa Hitam masih disayangi oleh sejumlah ahli UMNO ketika beliau meletakkan jawatan. Memang beliau mempunyai musuh, tetapi jumlah pengikutnya lebih besar daripada jumlah musuhnya. Orang-orang Dr. Mahathir Mohamad sendiri sebahagiannya adalah orang-orang Datuk Musa Hitam juga, kerana ketika perebutan jawatan Timbalan Presiden, rata-rata ahli UMNO yang menyetujui atau menyebelahi kehendak Dr.

Mahathir Mohamad pasti mengundi Datuk Musa Hitam. Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam sama-sama memperkuatkan kedudukan mereka ketika perebutan itu.

Apabila Datuk Musa Hitam menang, Tengku Razaleigh Hamzah tetap menjadi menteri. Dr. Mahathir Mohamad mengambil kira ketokohan Tengku Razaleigh Hamzah dalam kementerian dan juga pengaruh Tengku Razaleigh di Kelantan. Cara ini tidak disenangi oleh Datuk Musa Hitam.



*Encik Ghafar Baba: Kesetiaannya kepada UMNO berbalas apabila Datuk Musa Hitam meletak jawatan*

Selain itu, kita melihat seorang demi seorang tokoh UMNO membina imej. Ini menjadikan Datuk Musa Hitam berasa kian diketepikan. Apabila mendapati Dr. Mahathir Mohamad kurang mempercayainya, iaitu terdapat kecurigaan Dr. Mahathir Mohamad terhadapnya, dan menurutnya beliau dianggap akan menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad, maka beliau tersinggung. Datuk Musa Hitam mungkin mudah tersinggung kerana ketika itu beliau mempunyai banyak masalah, seperti mana yang diketahui secara yang agak meluas.

Perletakan jawatan Datuk Musa Hitam adalah kemuncak pertama suatu krisis yang tersembunyi. Sejarah akan terus berlangsung di atas landasannya dan kita kemudiannya menemui kemuncak-kemuncak lain. Kemuncak-kemuncak lain itu ialah pertandingan hebat untuk jawatan presiden UMNO, pengisytiharan UMNO tidak sah dan beberapa peristiwa lagi di dalam deretan itu. Walau apa pun yang kita katakan, tidak mungkin dapat kita tolak bahawa perletakan jawatan Datuk Musa Hitam menyebabkan kesetiaan Encik Ghafar Baba kepada UMNO berbalas. Beliau tidak pernah menyangka jawatan Timbalan Perdana Menteri akan disandangnya sejak tidak terpilih dalam zaman Tun Hussein Onn.

## DATUK RADZI SHEIKH AHMAD

DATUK Radzi Sheikh Ahmad, seperti juga Datuk Shahrir Samad, adalah orang kuat Semangat 46. Seperti Datuk Shahrir, beliau menjadi popular kerana melibatkan diri dalam kumpulan itu. Pada suatu waktu pernah dihebohkan berita bahawa Datuk Radzi Sheikh Ahmad akan meletakkan jawatan sebagai ahli parlimen Kangar selepas pertandingan di Johor Bahru. Berita itu dihebohkan oleh wakil peribadinya.

Beberapa orang pemimpin UMNO Perlis tertunggu-tunggu perletakan jawatan Datuk Radzi Sheikh Ahmad. Secara tidak rasmi mereka telah menetapkan Haji Shaari Jusoh untuk menentang Datuk Radzi Sheikh Ahmad yang akan bertanding sebagai calon bebas. Mereka kelihatannya tidak sabar menunggu perletakan jawatan itu, kerana mereka menjangka Datuk Radzi Sheikh Ahmad pasti akan kalah di Kangar jika beliau bertanding atas tiket bebas.

Datuk Radzi Sheikh Ahmad tidak jadi meletakkan jawatan. Bahkan beliau mengatakan bahawa beliau tidak pernah berjanji bersungguh-sungguh akan meletakkan jawatan. Yang dilakukan hanyalah strategi politik agar tokoh-tokoh Perlis tidak bertumpu ke Johor Bahru. Itu sahaja.

Datuk Radzi Sheikh Ahmad terus bergiat menentang Perdana Menteri dalam pilihanraya-pilihanraya kecil yang diadakan. Dalam kempen pilihanraya kecil Ampang Jaya, beliau meminta pengundi memilih Datuk Harun Idris, kerana Datuk Harun dianggapnya "harimau" yang akan menggegarkan parlimen. Ternyata Datuk Radzi Sheikh Ahmad benar-benar *committed* dengan Semangat 46 itu, walaupun ketika itu Datuk Musa Hitam sudah memperlihatkan kecenderungan untuk menyertai UMNO.

Datuk Radzi Sheikh Ahmad adalah orang Datuk Musa Hitam pada masa lalu. Beliau adalah Timbalan Menteri Dalam Negeri semasa Datuk Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Perletakan jawatan Datuk Musa Hitam dalam tahun 1986 telah menyebabkan beliau membuat perhitungan lain untuk masa depan politiknya.

Sebelum peristiwa perletakan jawatan Datuk Musa Hitam, Datuk Radzi Sheikh Ahmad berkali-kali menyatakan bahawa beliau amat tertarik dengan hasrat dan pandangan jauh Dr. Mahathir Mohamad. Dilihat



**Datuk Radzi Sheikh Ahmad: Setia dan menyanjungi Dr. Mahathir pada peringkat awal. Kemudian, beliau bersungguh-sungguh menyokong Team B, seterusnya Semangat 46**

dari pada suatu sudut, kemunculan Datuk Radzi Sheikh Ahmad juga ada kaitan dengan pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Sebelum Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, tiada seorang pun ahli politik Perlis yang mencapai kedudukan timbalan menteri kabinet.

Datuk Radzi Sheikh Ahmad telah memilih jalan untuk naik bersama-sama Semangat 46. Sanjungannya terhadap kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad telah hilang sama sekali. Yang muncul ialah komentar dan kecaman keras. Dua tahun sebelum itu hal yang sama telah berlaku ke atas dirinya. Bekas setiausaha, iaitu Ahmad Hussin (semasa di Kementerian Pembangunan Luar Bandar), pernah menyanjungnya tinggi melangit, tetapi kemudian mengecamnya habis-habisan. Sepertimana perkara yang dilakukan oleh Ahmad Hussin ke atasnya, begitu jugalah beliau bertindak mengecam Dr. Mahathir Mohamad.

Seperti ahli-ahli Semangat 46 yang lain, Datuk Radzi Sheikh Ahmad mendakwa bahawa beliau adalah ahli UMNO yang tulen. Dan seperti

Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Rais Yatim dan Datuk Shahrir Samad, Datuk Radzi Sheikh Ahmad turut terperangkap dalam jerat politik yang sama. Semangat 46 pada tahun 1989 telah memulakan kerjasama secara tidak terancang dengan PAS dan DAP. Dengan itu, kata-kata Datuk Radzi bahawa beliau adalah ahli UMNO tulen pasti tenggelam dalam arus persahabatan dengan PAS dan DAP.

Penglibatan Datuk Radzi Sheikh Ahmad menimbulkan beberapa tanggapan dan perasaan di kalangan orang-orang UMNO Perlis. Ada yang berasa kesal kerana Datuk Radzi terpaksa tenggelam, atau ditenggelamkan dari barisan kepimpinan UMNO dan kerajaan. Rasa kesal itu berdasarkan pencapaian Datuk Radzi Sheikh Ahmad semasa berada di Kementerian Dalam Negeri dan di Kementerian Perusahaan Utama. Di samping itu ada juga yang menganggap perkembangan itu baik. Menurut mereka, sungguhpun Datuk Radzi Sheikh Ahmad pernah mencapai kemajuan di kementerian, tetapi beliau tidak suka melawat kawasannya. Dengan kata lain, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dikatakan tidak gemar mendengar rintihan rakyat.

Agak sukar untuk mengembalikan kedudukan Datuk Radzi Sheikh Ahmad kerana sikapnya yang keras dan beliau bersebat dengan Semangat 46. Tidak dipastikan adakah beliau akan kembali ke UMNO jika zaman Dr. Mahathir Mohamad berakhir. Jika beliau menunggu-nunggu saat itu, satu hal lain perlu dilakukannya juga, iaitu beliau hendaklah merapati rakyat dengan cara melawat dan mendengar rintihan mereka.

## DATUK ASRI MENYERTAI UMNO

**P**ADA bulan November 1988, Datuk Asri Muda menyertai UMNO. Bagi kalangan tertentu (yang ingin melihat UMNO kuat), inilah peristiwa politik yang ditunggu-tunggu. Walau bagaimanapun, berita ini tidak terlalu mengejutkan kerana Datuk Asri telah lama memperlihatkan minat untuk berada dalam Barisan Nasional. Lagipun, kita telah melihat Datuk Asri muncul dalam beberapa majlis Dr. Mahathir Mohamad, terutama dalam usaha menghidupkan UMNO yang telah diharamkan.

Dengan kemasukan Datuk Asri ke dalam UMNO, maka parti ini telah disertai oleh sekurang-kurangnya empat orang yang dahulunya bergiat di luar UMNO. Tiga orang yang sebelumnya ialah Anwar Ibrahim, Kassim Ahmad dan Prof. Syed Hussein Al-Attas. Dengan kemasukan mereka itu dapatlah dikatakan bahawa UMNO dekad 80-an diminati oleh ahli-ahli politik dari kalangan pemikir.

Tidaklah dapat diramalkan adakah Ustaz Nakhaei Ahmad pernah berkira-kira untuk menyertai UMNO ataupun tidak. Namun kita percaya dan kita dapat di celah-celah sejumlah manusia politik yang memikirkan kuasa, atau perebutan kuasa, masih ada ahli-ahli politik yang berfikir secara luuh untuk kebaikan orang Melayu khasnya dan rakyat Malaysia amnya. Ustaz Nakhaei Ahmad telah memperlihatkan caranya.

Para pengkritik yang bersikap sinis, baik yang terdiri daripada ahli-ahli politik yang tidak sehaluan dengan Dr. Mahathir, mahu pun para penulis yang bersikap pembangkang, tentulah mempunyai tanggapan tersendiri tentang kemasukan Datuk Asri ke dalam UMNO. Ada yang melihat Datuk Asri sebagai ahli politik yang gagal memperjuangkan ideologinya melalui HAMIM, dan ada pula yang berfikir bahawa Datuk Asri kini berhasrat untuk mengambil tempat Tengku Razaleigh Hamzah yang mungkin pada masa itu melakukan tindakan politik yang silap.

Apa pun pandangan orang tentang peristiwa ini, yang penting ialah peristiwa ini merupakan satu lagi tahap perkembangan yang positif. Ketika Datuk Asri menyertai UMNO, beliau tiba-tiba dapat dianggap lebih penting daripada Datuk Musa Hitam, sungguhpun ada berita tentang ura-ura Datuk

Musa Hitam hendak menguasai Johor. Datuk Musa Hitam nampaknya ketika itu sedang bercita-cita untuk duduk di tempat yang telah lama ditinggalkan oleh Datuk Asri, iaitu sebagai Menteri Besar.

Kemunculan Datuk Asri dalam UMNO dapatlah dianggap sepenting kemunculan Tunku Abdul Rahman dalam barisan Semangat 46. Ini pun suatu sudut yang menarik untuk diperkatakan. Dahulu Tunku Abdul Rahman di pihak kerajaan sementara Datuk Asri di pihak pembangkang. Kini Datuk Asri pula turut bersama-sama kerajaan memperjuangkan idea-idea pembangunan, manakala Tunku menyebelahi pembangkang yang ingin mengambil alih pemerintahan. Hal ini tentulah tidak terfikir oleh kita sebelum peristiwa ini. Tetapi, kini kita sudah berpengalaman dengan terjadinya perubahan sikap scumpama itu. Bagi sejumlah ahli politik, bukanlah parti yang amat penting, tetapi hala dan corak perjuangan yang perlu diperhitungkan.

Ada dua kelebihan Datuk Asri yang menguntungkan UMNO apabila beliau menyertainya. Pertama, beliau adalah tokoh politik yang pernah mengalami zaman yang cemerlang. Keberjayaannya masih diingati oleh golongan tua dan separuh tua. Kedua, beliau amat berkebolehan dalam bidang pidato. Kelebihan yang kedua ini berkait erat dengan yang pertama. Golongan tua dan separuh tua yang disebutkan di atas masih teringat-ingat, atau berasa rindu akan gaya pidato Datuk Asri dengan suara serak-serak dan kadang-kadang garang. Hujahnya kemas dan logik. Ini amat berguna untuk menjadi alat bagi mematahkan hujah penentang-penentang UMNO kini.

Datuk Asri telah lama menjadi penyokong Barisan Nasional. Ini tidak mungkin dapat dinafikan. Selama ini beliau mengetuai PAS dan HAMIM. Beliau membawa PAS menyertai Barisan Nasional. Kemudian beliau menubuhkan HAMIM dan menyertai Barisan Nasional. Oleh sebab HAMIM tidak dapat memberi sumbangan yang ketara dalam perjuangan yang besar, maka Datuk Asri berhasrat membubarkan parti itu dan ahli-ahlinya bolehlah memilih UMNO ataupun parti-parti lain. Akan tetapi, malangnya beliau gagal membubarkan parti kecil tersebut.

Ada pihak yang menganggap kemasukan Datuk Asri ke dalam UMNO sudah terlambat. Beliau kini sudah berusia 65 tahun. Tetapi, daripada sudut pandangan yang lain, usia tersebut membayangkan kematangan pemikiran politik. Datuk Asri telah mengalami pelbagai perubahan dan akhirnya beliau dapat menerima UMNO. Menurutnya, yang penting baginya ialah kepimpinan UMNO. Ertinya, jiwa Melayunya sentiasa dapat menerima UMNO jika kepimpinan UMNO baik dan berwibawa. Kini, setelah UMNO hidup semula, Datuk Asri telah melihat bahawa Dr. Mahathir Mohamad benar-benar mempunyai ciri pemimpin yang berwibawa.

Datuk Asri tentu tidak dapat mendakwa bahawa pengaruhnya sekutu pengaruh Tengku Razaleigh Hamzah. Dengan itu, ada kemungkinan Tengku Razaleigh tidak berasa kecewa dengan tindakan Datuk Asri itu. Ini adalah pemikiran sekarang ketika beliau mula-mula menyertai UMNO. Jika Datuk Asri berupaya muncul semula seperti kemunculannya pada akhir tahun 50-an dan tahun-tahun 60-an serta awal tahun 70-an dulu, maka pengaruh Tengku Razaleigh Hamzah di Kelantan pasti akan merosot. Walaupun pemikiran Datuk Asri amat sederhana, tetapi arahnya ternyata Islam. Arah perjuangan Datuk Asri telah diikuti sejak dahulu. Kejatuhananya adalah akibat daripada munculnya ekstremisme Islam yang mendadak dan meluas. Apabila keadaan agak tenang dan muncul pula aliran Islam yang pelbagai seperti sekarang, maka kesederhanaan pemikiran Datuk Asri diperlukan semula. Jika ini merupakan perhitungan orang Melayu kini, pasti Datuk Asri akan mendapat tempat. Perkembangan seperti ini tidak berlaku pada Tengku Razaleigh Hamzah.

Daripada kacamata pejuang-pejuang Islam kini, kedudukan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam amat kabur. Tidak pernah kita temui anjuran idea keislaman daripada kedua-dua tokoh itu. Anjuran-anjuran Datuk Asri telah direnungi umum sejak dahulu. Ini samalah dengan anjuran-anjuran Saudara Anwar Ibrahim. Di peringkat akademik pula kita pernah menemui anjuran-anjuran Prof. Syed Hussein Al-Attas. Kita juga pernah menemui anjuran-anjuran Kassim Ahmad. Kassim Ahmad pernah berfikir bersungguh-sungguh untuk mengemukakan anjuran idea keislamannya, sayang sekali kebebasannya terganggu kerana dia mengemukakan idea-idea yang kontroversial dan sensitif tentang hadis.

Dalam masyarakat yang kian tekun berfikir, pandangan-pandangan Datuk Asri, Prof. Syed Hussein dan Saudara Anwar Ibrahim akan ditinjau dari semasa ke semasa untuk dipraktikkan. Ini akan mewujudkan kesinambungan pada usaha yang dimulakan oleh Dr. Mahathir Mohamad. Dalam konteks ini, kita tidak dapat melihat kepentingan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam.

Corak perjalanan UMNO pada tahun-tahun 1989, 1990 dan seterusnya akan lebih menarik bertolak daripada perkembangan-perkembangan yang berlaku sekarang. Secara kecil-kecilan dan serpih-serpihan, kita dapat sejumlah pengikut Semangat 46 berasa risau dengan perkembangan ini. Ditinjau daripada perspektif nasional, kemasukan Datuk Asri ke dalam UMNO dapat dianggap peristiwa penting dan bersejarah.

## POLITIK DATUK MUSA HITAM

TIDAK begitu besar jumlah orang-orang politik yang memahami cara berpolitik Datuk Musa Hitam. Langkah-langkahnya tidak dapat ditafsirkan dengan serta-merta oleh sesiapa pun. Muridnya, Datuk Shahrir Samad, kerap kali bertindak melebihi tindakannya. Selalunya, kita dapatkan Datuk Shahrir Samad jauh terlanjur, tetapi Datuk Musa Hitam dapat berpatah balik dengan mudah.

Datuk Shahrir Samad terpaksa meletakkan jawatan dan bersusah payah bertanding di Johor Bahru untuk membuktikan kehebatannya. Datuk Musa Hitam menyokongnya pada saat-saat akhir. Apabila menang, Datuk Shahrir berbuat sesuatu yang bertentangan dengan kematangan politik: iaitu enggan mengangkat sumpah untuk beberapa hari. Perbuatan Datuk Shahrir tidak disenangi oleh sesiapa pun. Malah perbuatan demikian menyebabkan Haji Hamdan Yahaya dari kumpulan serpihan (atau Semangat 46), kalah di Parit Raja.

Datuk Musa Hitam memanglah kecewa dengan kekalahan Haji Hamdan Yahya. Akan tetapi kekecewaan itu tidak seberapa. Yang penting pada Datuk Musa Hitam ialah kemunculannya secara berasingan daripada Tengku Razaleigh Hamzah. Datuk Musa Hitam telah merasai bahawa di dalam kumpulan serpihan beliau bukanlah orang pertama. Bahkan beliau juga bukan orang yang kedua. Dalam kumpulan itu orang pertama ialah Tengku Razaleigh Hamzah dan orang kedua pula ialah Datuk Rais Yatim.

Oleh yang demikian Datuk Musa Hitam tidak boleh "tunggu lama-lama". Beliau mesti bertindak segera memunculkan personalitinya yang berasingan dan unggul. Beliau berusaha kuat untuk menjayakan kongres Melayu di Johor. Nasib baik baginya Tengku Razaleigh Hamzah merapati PAS dan DAP. Dalam tinjauan Datuk Musa Hitam, langkah Tengku Razaleigh Hamzah adalah langkah yang silap.

Merapati PAS seperti yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh Hamzah adalah cara lama. Dr. Mahathir Mohamad juga merapati PAS ketika beliau disingkir oleh Tunku Abdul Rahman selepas peristiwa 13 Mei dahulu. Dan, seperti Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah menghadapi halangan sejarah dan halangan perwatakan untuk bermesra dengan PAS.

Perhubungannya dengan PAS hanyalah langkah sementara.

Demikian jugalah dengan langkah merapati DAP. Datuk Rais Yatim mengambil inisiatif yang lebih dalam hal merapati DAP. Dalam batang tubuh DAP terdapat pandangan yang amat berlawanan dengan kehendak politik ketuanan Melayu. DAP ditubuhkan setelah Singapura dikeluarkan (oleh Tunku Abdul Rahman) dari Malaysia. Isi dan gaya politiknya tidak berbeza daripada isi dan gaya politik DAP. Dengan itu, tidak hairanlah tokoh DAP bertindak membawa raja Melayu ke mahkamah.

Datuk Musa Hitam pasti telah meninjau keterlaluanan tokoh-tokoh Semangat 46. Jalan untuk Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Rais Yatim tampaknya tidak begitu jelas lagi. Datuk Harun Idris pun tidak dapat bergerak jauh selepas kalah di Ampang Jaya. Hasrat Datuk Musa Hitam untuk mengetepikan musuh politiknya sejak awal 80-an itu tercapai.

Walau bagaimanapun, kita tertanya-tanya arah Datuk Musa Hitam yang seterusnya. Di manakah tempat beliau setelah berenggang dari Semangat 46? Bagaimanakah anggapan Encik Ghafar Baba dan Saudara Anwar Ibrahim terhadapnya? Adakah beliau akan dapat berganding bahu dengan tokoh-tokoh UMNO yang ada kini?

Bericara tentang Datuk Musa Hitam sebenarnya berbicara tentang politik dekad 90-an yang sukar diramalkan itu. Datuk Musa Hitam akan berhadapan dengan liku-liku politik yang serba mungkin. Beliau akan mencapai kedudukan yang baik jika beliau dapat menarik minat Datuk Rais Yatim, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa orang tokoh lagi yang telah jauh mengekori Tengku Razaleigh Hamzah agar berbalik kepadanya. Di samping itu, beliau hendaklah mengekalkan perhubungan dengan Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Kadir Sheikh Fadzil dan beberapa orang bekas pengikutnya yang telah berada di dalam Majlis Tertinggi UMNO.

Dalam bidang politik Melayu, kita tidak kekurangan tokoh. Yang diperlukan hanyalah kompromi. Tokoh yang banyak hanya akan menimbulkan kesulitan jika saling bertentangan. Itulah sebabnya para pengundi Ampang Jaya menolak Datuk Harun Idris. Walaupun Datuk Radzi Sheikh Ahmad memujuk pengundi-pengundi Ampang Jaya memilih Datuk Harun Idris yang dianggapnya "harimau", tetapi pengundi-pengundi Ampang Jaya bimbang kalau-kalau "harimau" itu akan menambahkan masalah jika kerjanya hanyalah menerkam pemimpin Melayu.

Politik masa depan pun demikian. Datuk Musa Hitam adalah tokoh. Akan tetapi jika kehadirannya di barisan pemimpin tidak dengan semangat kompromi, maka masalah akan timbul. Politik masa depan tidak akan menolak Saudara Anwar Ibrahim yang kian mengembang itu. Datuk Musa Hitam hendaklah mengakui hakikat tersebut.

## DATUK MUSA HITAM MENYERTAI UMNO: ALASAN DAN KOMENTAR

**P**ADA 31 hb. Januari 1989, Datuk Musa Hitam mengisyiharkan bahawa beliau kembali menyertai UMNO. Sepuluh hari sebelum itu, dalam kerancakan kempen pilihanraya Ampang Jaya, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa Datuk Musa Hitam pasti akan menyertai UMNO. Terdahulu daripada itu, iaitu pada hari penamaan calon di Dewan Seri Keramat (14 hb. Januari 1989), Datuk Musa Hitam mengatakan bahawa beliau tidak menyokong sesiapa dalam pilihanraya itu.

Peristiwa ini mengingatkan kita pada kempen pilihanraya di Dewan Parit Raja. Dalam kempen itu Tengku Razaleigh Hamzah mengatakan bahawa tujuan penentangan yang diwujudkan pada masa itu ialah untuk menjatuhkan seorang "maharaja". Datuk Musa Hitam tidak mengatakan demikian. Menurutnya, beliau bertujuan untuk melembutkan gaya pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad yang dianggapnya keras.

Datuk Musa Hitam mempunyai cara yang tersendiri, malangnya cara beliau sekali-sekala memperlihatkan ketidak-tegasannya. Beliau mempunyai tujuan tertentu dalam berpolitik dan cara beliau berusaha memperolehinya berbeza daripada cara Tengku Razaleigh Hamzah. Tengku Razaleigh Hamzah memilih jalan untuk bertugas dengan mengatakan mati hidup kembali pun beliau tidak akan menyertai UMNO. Tengku Razaleigh Hamzah bermaksud hendak menolak sama sekali UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1988. Beliau hanya menghendaki UMNO asal, iaitu UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946. Itulah perjuangan Semangat 46 seperti yang dilaung-laungkan selama ini. Malangnya perjuangan Semangat 46 tidak dapat diterima untuk jangka waktu yang panjang. Apabila fikiran dapat mengatasi perasaan para penyokong, maka mereka kembali mengingati langkah awal Tengku Razaleigh Hamzah dan Tunku Abdul Rahman ketika UMNO lama diharamkan. Tindakan mereka ialah menubuhkan UMNO Malaysia, iaitu suatu pertubuhan politik baru. Setelah gagal menubuhkan UMNO Malaysia barulah mereka berusaha untuk menghidupkan UMNO asal. Ertinya Tengku Razaleigh Hamzah tidak terlalu mengingini hidupnya UMNO asal itu pada peringkat awalnya. UMNO asal dikeherdaki oleh

Tengku Razaleigh Hamzah apabila UMNO yang ada sekarang ditubuhkan oleh Dr. Mahathir Mohamad.

Datuk Musa Hitam menyedari hal ini sejak awal. Beliau tidak menyetujui beberapa perkara sahaja tentang perlombagaan UMNO yang wujud kini. Jika perkara-perkara itu disesuaikan dengan kehendaknya, beliau akan menyertai UMNO. Kongres Melayu yang diadakan di Johor telah merumuskan beberapa perkara yang sesuai dengan kehendak Datuk Musa Hitam, dan pada prinsipnya Majlis Tertinggi UMNO menerima ketetapan-ketetapan kongres itu, jadi Datuk Musa Hitam pun kembalilah menyertai UMNO.

Adakah itu sahaja alasannya?

Seterusnya akan dikemukakan komentar dan ulasan lanjut tentang langkah dan perhitungan Datuk Musa Hitam. Seperti yang diketahui umum, musuh politik beliau ialah Tengku Razaleigh Hamzah. Memang beliau bekerjasama dengan Tengku Razaleigh Hamzah dalam beberapa peristiwa, tetapi kerjasama itu hanyalah *marriage of convenience*. Mereka berdua sama-sama memikirkan bahawa kerjasama akan menguntungkan masing-masing. Kerjasama pada tahun 1987, misalnya difikirkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah menyebabkan beliau akan menang menentang Dr. Mahathir Mohamad. Datuk Musa Hitam pula berfikir, kerjasama itu akan menyebabkan beliau akan menduduki tempat Timbalan Presiden tanpa dikaitkan dengan sokongan Dr. Mahathir Mohamad. Demikianlah hasrat dan cita-cita mereka pada masa itu. Setelah kedua-duanya gagal, maka mereka berpisah buat beberapa lama.

Dalam pilihanraya kecil Johor Bahru, Datuk Musa Hitam muncul pada saat-saat akhir membantu Datuk Shahrir Samad. Itu juga dapat dikatakan kerjasama dengan Tengku Razaleigh Hamzah. Sebenarnya ketika itu Datuk Musa Hitam sudah berasa bahawa Datuk Shahrir Samad akan menang. Beliau tahu tentang kekuatan DAP di kawasan itu. Jadi beliau perlu bertindak menyokong Datuk Shahrir agar kemenangan Datuk Shahrir tidak hanya dikaitkan dengan Tengku Razaleigh Hamzah dan DAP sahaja. Beliau mahu turut terlibat dalam kemenangan itu.

Di Parit Raja, Datuk Musa Hitam berjaya meletakkan Haji Hamdan Yahya sebagai calon. Pada pandangan umum, iaitu pandangan orang-orang yang tidak tahu langkah dan perhitungan politik Datuk Musa Hitam, Haji Hamdan Yahya adalah wakil Semangat 46 yang tulen. Yahaya Ismail dalam bukunya *Dilema Mahathir* pada halaman-halaman akhir meminta pengundi Parit Raja menyokong calon Semangat 46 kerana beliau menganggap calon itu pasti akan menentang UMNO yang ada sekarang secara berterus-terusan. Sebenarnya calon itu adalah calon pilihan Datuk

Musa Hitam. Jika beliau menang maka Datuk Musa Hitam akan mempunyai kuasa tawar menawar yang lebih untuk menyertai UMNO. Hasrat Datuk Musa tidak lain dan tidak bukan ialah hendak menyertai UMNO dengan syarat-syarat tertentu yang akan dikemukakannya. Walaupun Hamdan Yahya kalah di Parit Raja, sekarang Datuk Musa Hitam tetap membawanya menyertai UMNO. Di dalam UMNO sekarang Datuk Musa Hitam pasti akan mendekati orang-orangnya semula, seperti Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Kadir Sheikh Fadzil dan beberapa orang lagi. Beliau mungkin berasa sukar untuk menjemput Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan Datuk Rais Yatim yang terlalu jauh melibatkan diri menyokong perhitungan Tengku Razaleigh Hamzah. Datuk Shahrir Samad pula kelihatan terlalu aktif dalam kempen pilihanraya Ampang Jaya, kerana beliau terlalu yakin bahawa beliau diterima oleh orang Melayu.

Datuk Musa Hitam tentu keccwa dengan langkah gopoh Datuk Shahrir Samad ketika menyokong Datuk Harun Idris. Beliau sendiri tidak menyokong tokoh dekad 70-an itu. Sebenarnya, Datuk Shahrir Samad tidak begitu memahami Datuk Musa Hitam sejak awal penglibatannya dengan Semangat 46. Bagi Datuk Musa Hitam, UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1988 oleh Dr. Mahathir Mohamad adalah kesinambungan pada UMNO asal. Datuk Musa Hitam hanya menghendaki perubahan-perubahan tertentu dalam perlumbaan UMNO yang ada sekarang, di samping beliau ingin melihat perubahan sikap Dr. Mahathir Mohamad. Datuk Shahrir Samad pula terlanjur mengekori Tengku Razaleigh Hamzah. Tengku Razaleigh Hamzah seia sekata dengan Tunku Abdul Rahman mengatakan UMNO yang ada sekarang adalah UMNO yang lain sama sekali. Oleh itu, mati hidup kembali pun Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan menyertai UMNO yang ini.

Datuk Musa Hitam tidak boleh berharap terlalu banyak sokongan Tunku Abdul Rahman. Walaupun di Parit Raja Tunku berkata: "Musa, berperanglah", namun maksud Tunku ialah berperanglah menentang Dr. Mahathir Mohamad dan angkatlah Tengku Razaleigh Hamzah menjadi ketua. Tunku Abdul Rahman mengingini kembalinya kuasa orang berketurunan istana memerintah negara ini. Di samping itu Tunku ingin "mengajar" Dr. Mahathir yang pernah menentangnya pada tahun 1969 dan 1970 dahulu.

Langkah Datuk Musa Hitam bukan langkah yang kosong daripada perhitungan. Beliau mempunyai perhitungan, tetapi peristiwa-peristiwa politik yang tertentu membuatkan beliau buntu sekali sekala. Itulah sebabnya beliau tersilap beberapa kali. Manakala Datuk Rais Yatim, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa orang pengikutnya dahulu telah terikut-

ikut langkah Tengku Razaleigh Hamzah yang ingin bertegas setegastegasnya menentang Dr. Mahathir Mohamad. Setakat awal tahun 1989, langkah Tengku Razaleigh Hamzah tidak memperlihatkan kemajuan selain kemenangan di Johor Bahru hasil bantuan DAP. Tampaknya Tengku Razaleigh Hamzah dan para pengikutnya terpaksa bergantung pada DAP, dengan itu tidak hairanlah Datuk Rais Yatim menerima jemputan DAP untuk berucap dalam forum mereka.

Datuk Musa Hitam menyertai UMNO sebagai ahli biasa. Ketika beliau diterima masuk, beliau menyebutkan bahawa beliau tidak menghendaki jawatan dalam kabinet. Jika kata-kata beliau ini dipraktikkan, maka tidaklah timbul konflik di antara beliau dengan menteri-menteri kabinet yang ada. Jika keadaan betul-betul harmonis, beliau boleh memberi pandangan untuk mengelakkan kesilapan menteri-menteri lain dalam membuat tindakan. Pengalaman beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri tentu amat berguna. Beliau boleh menasihati beberapa orang menteri dan timbalan menteri yang kelihatan tidak begitu mahir mengepalai kementerian masing-masing. Beliau juga boleh bertukar-tukar pandangan dengan Timbalan Perdana Menteri tentang perjalanan pentadbiran negara. Demikian juga dengan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Megat Joned Megat Ayob, agar tidak melakukan kesilapan di kementerian yang mencabar itu.

Dapatkah Datuk Musa Hitam memainkan peranan demikian? Adakah beliau diterima untuk berperanan demikian? Atau, adakah Datuk Musa Hitam sedang memikirkan langkah baru dalam padang UMNO kini?

## PEMIMPIN MELAYU MASA DEPAN

PADA 29hb. Mac 1982, Saudara Anwar Ibrahim menyertai UMNO. Setahun sebelum itu orang membicarakan kemungkinan Saudara Anwar Ibrahim menyertai PAS. Saudara Subky Latiff pernah menyebutkan kemungkinan Saudara Anwar Ibrahim mengambil tempat Datuk Asri Muda sebagai Yang Dipertua PAS apabila tiba masanya.

Mengapakah orang memikirkan Saudara Anwar Ibrahim akan menyertai PAS? Sebenarnya memang ada ura-ura ke arah itu. Dalam tahun-tahun 70-an, Saudara Anwar Ibrahim bersikap keras dan tiada tolak ansur dengan kerajaan. Beliau mengemukakan idea keislaman dalam kesemua hal. Dengan kata-kata yang ringkas, beliau turut mempopularkan idea bahawa Islam itu cara hidup (*the way of life*). Secara ideal, beliau menghendaki kerajaan menunaikan cita-cita keislaman sedemikian.

Parti yang paling dekat, kalaupun tidak tepat dengan cita-cita ideal itu ialah PAS. Dengan itu, tidak hairanlah Saudara Anwar Ibrahim merapati PAS. Beliau meninjau program PAS dan memikirkan kemungkinan-kemungkinan pencapaian parti tersebut. Akhirnya beliau memutuskan menerima jemputan UMNO. Beliau hanya bertunang dengan PAS, tetapi berkahwin dengan UMNO.

Sesuatu keputusan yang besar tentu disertai risiko yang besar juga. Bukan sedikit ulasan dan pandangan pelbagai pihak tentang penyertaan Saudara Anwar Ibrahim dalam UMNO. Ahli-ahli ABIM yang fanatik membuat kritikan yang cukup keras di sana sini. Tokoh-tokoh UMNO pula ada yang bimbang terhadap kehadiran beliau dalam UMNO. Namun Saudara Anwar Ibrahim berpegang kuat pada prinsipnya. Beliau menyertai UMNO dengan prinsip dan pendirian yang kukuh.

Rupa-rupanya, sungguhpun banyak juga pihak yang mencurigai beliau dan tidak menyenangi kehadiran beliau dalam UMNO, namun secara keseluruhan beliau diterima baik. Beliau memasuki pilihanraya pada tahun 1982 di kawasan Permatang Pauh dan menang menentang Saudara Zabidi Haji Ali dari PAS dengan majoriti 14,352 undi. Itu adalah kemenangan yang besar dan meyakinkan. Pada tahun itu juga beliau dapat mengalahkan Datuk Haji Suhaimi Kamruddin dalam pertandingan yang hebat bagi mendapatkan jawatan Ketua Pemuda UMNO.



*Anwar Ibrahim menyertai UMNO dengan prinsip yang kukuh walaupun pernah "bertunang" dengan PAS*

Pencapaian Saudara Anwar Ibrahim dalam pilihanraya dan dalam UMNO menyebabkan kepercayaan Dr. Mahathir Mohamad terhadapnya bertambah-tambah. Beliau naik dengan cepat: mula-mula sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1982), kemudian sebagai Menteri Kebudayaan (1983). Seterusnya beliau menjadi Menteri Pertanian (1986), dan akhir sekali (sejauh ini) beliau menjadi Menteri Pendidikan (bermula

dari 7hb. Mei 1986 hingga sekarang). Pada tanggapan kebanyakan orang, Kementerian Pendidikan itu membawa tuah, kerana Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri setelah berpegalaman di kementerian itu. Tun Abdul Razak adalah Menteri Pelajaran (Pendidikan) pada tahun 1955. Tun Hussein Onn pula Menteri Pendidikan pada tahun 1970. Dr. Mahathir Mohamad menjadi Menteri Pendidikan pada tahun 1974.

Perlu disebutkan, Datuk Musa Hitam yang seharusnya menggantikan Dr. Mahathir itu pernah juga menjadi Menteri Pendidikan. Malangnya beliau telah tersalah perhitungan ketika merangkakan strategi yang berbelit-belit. Sekarang, Saudara Anwar Ibrahim berpeluang menentukan arah pendidikan negara di kementerian yang telah mendapat nama baru itu.

Adalah disedari umum bahawa di mana-mana pun ada masalah. Ketika Saudara Anwar Ibrahim berada di Kementerian Kebudayaan, ada suara ejekan kerana tarian kuda kepang berlangsung. Ejekan nakal itu bertujuan menyusahkan menteri tersebut yang tentunya tidak dapat menghentikan kegiatan seni budaya di negara ini. Ejekan nakal dan agak sarkastik itu antara lain disuarakan oleh ahli UMNO dalam persidangan UMNO ke-34. Katanya, dia seronok sangat melihat gadis-gadis menari kuda kepang dengan meletakkan kuda di celah kelangkang. Hadirin riuh rendah mendengar kata-kata itu. Saudara Anwar Ibrahim mengambil pendirian serius. Beliau memberikan definisi kebudayaan secara meluas dan mengelak daripada menyentuh hal-hal yang remeh-temeh.

Jasa Saudara Anwar Ibrahim yang besar ialah penubuhan Bank Islam Malaysia. Beliau telah membuat kajian sebelumnya dan mendapati bank bolch beroperasi tanpa bersandarkan kepada faedah. Beliau berusaha memastikan Bank Islam akan mengikut undang-undang syariah. Musuh-musuh politik beliau sering mencari jalan mengetepikan kejayaan beliau, malah ada yang mengatakan Bank Islam itu sama saja dengan bank-bank lain tanpa membuat analisis tentang perbezaan-perbezaannya.

Terlepas daripada selok-belok politik yang rumit, yang penuh dengan strategi dan perhitungan, Saudara Anwar Ibrahim seharusnya diterima umum sebagai pemimpin Melayu dan Malaysia dalam tahun 1990-an. Beliau wajar berada di tempat Timbalan Perdana Menteri, sekurang-kurangnya. Dan, jika beliau menjadi Perdana Menteri dalam usia yang muda pun, sukar orang menolak hakikat kematangan fikirannya. Seperti yang telah disebut pada bahagian awal buku ini, langkah dan perhitungan Dr. Mahathir Mohamad yang terbaik dan tepat ialah memberi tempat kepada Saudara Anwar Ibrahim.

## **BIBLIOGRAFI**

1. Ainnol Jamaal, *Sekitar Isu Perlembagaan*, Kuala Lumpur, Ainnol Enterprise, 1984.
2. Aminuddin Mohd. Yusof dan Mohd. Ali Kamarudin, *Kepemimpinan Pemuda UMNO*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.
3. Kamaruzzaman Yacob, *Politik Malaysia: Rumusan*, Kuala Lumpur, Media Jaya, 1989.
4. Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, Kuala Lumpur, Times Books International, 1970.
5. Morais, J. Victor, Anwar Ibrahim: *Resolute in Leadership*, Kuala Lumpur, Arenabuku, 1983.
6. Rahman Shaari, *Zaman Mahathir*, Munora Publishing, 1983.
7. S.H.Al-Attas, *Tuah Nasib Pemimpin Melayu*, Kuala Lumpur, Al-Nujum, 1983.
8. Yahaya Ismail, *Dilema Mahathir*, Kuala Lumpur, Dinamika Kreatif,

# IMPIAN POLITIK, TINDAKAN POLITIK DAN PENCAPAIAN POLITIK PILIHANRAYA 1986

**P**ADA awal tahun 1985, Ustaz Abdul Hadi Awang seolah-olah percaya bahawa DAP akan menyokong hasrat PAS mendirikan negara Islam. Menurut beliau, DAP lebih memahami negara Islam berbanding dengan UMNO. Ustaz Abdul Hadi Awang menyuarakan pendapat yang aneh dan keanehan itu terpadam melalui hujah bahawa kebaikan negara Islam dapat diterima oleh orang bukan Islam.

Seorang pemimpin UMNO pula memberi pandangan bahawa DAP menyokong PAS untuk tujuan politiknya. Dengän sokongan DAP itu, menurutnya PAS akan memperoleh keuntungan jangka pendek. Setelah PAS dan DAP mendapat banyak kerusi, maka akan berbalahlah pula di antara mereka. PAS akan mengemukakan cara "tradisi" dan DAP akan mengemukakan cara moden dalam hal mentadbir negara ini. PAS akan mengatakan hanya pemimpin PAS yang layak menjadi pemimpin tertinggi kerajaan, manakala DAP pula akan menyuarakan impianya untuk memerintah.

Demikian perbincangan pada tahun 1985. Kini hal itu ternyata tidak berlaku. DAP tidak berbuat sesuatu yang aneh. DAP menolak gagasan negara Islam oleh PAS. Ternyata DAP kekal dengan caranya.

Pada tahun 1986, barisan pembangkang yang diketuai oleh PAS mengakui kebaikan negara Islam. Akan tetapi, adakah pengakuan tersebut untuk jangka panjang? Selain PAS sendiri tidak ada siapa yang berfikir demikian. Dua buah parti yang menyertai barisan tersebut menjelaskan arah mereka melalui nama masing-masing. PSRM berideologi sosialisme dan NasMa berideologi nasionalisme. PSRM tidak pernah bersedia menolak ideologi sosialismenya. Abdul Razak Ahmad dan Hassan Abdul Karim bukanlah tokoh-tokoh yang lembut hati untuk tunduk kepada gaya reaksioner pemimpin-pemimpin daripada aliran lain.

PSRM adalah sebuah parti yang ada *teaching*. Di Malaysia PSRM sahajalah parti yang ada *teaching*. Malangnya parti sosialis itu tidak pernah berjaya mengumpulkan penyokong dalam jumlah yang besar. Di Malaysia, parti yang ada *teaching* sukar memenangi pilihanraya. Ini terbukti melalui sejarah pahit maung yang dilalui oleh PSRM. Ilmu pengetahuan tentang

teori diperlukan untuk memahami konsep sosialisme, dan ini tidak sesuai dengan suasana di Malaysia. Ahli-ahli perniagaan tidak gemar pada parti yang membela rakyat tertindas, manakala orang awam merasakan ideologi sosialisme bercanggah dengan Islam.

Pada tahun 1986 PAS mengajak PSRM yang pernah dianggap sebagai parti berideologi serong untuk bersatu padu menentang Barisan Nasional. NasMa yang baru ditubuhkan itu juga diajaknya bekerjasama. Ketika itu para penyokong PAS mula membuka mata untuk memahami PAS sebagai parti moden di dalam rangka politik moden. Kerjasama dengan golongan sosialis dan nasionalis adalah tanda bahawa PAS bersikap modenis.

Berbalik kepada soal PAS dengan DAP. Untuk bekerjasama, DAP meminta PAS membatalkan hasratnya untuk mendirikan negara Islam. Kita dapati DAP tidak mahu terjerat dengan sesuatu janji yang difikirkan akan menyulitkannya apabila mereka menang. DAP memikirkan masa menang, bukan masa berlawan. Oleh itu bolehlah dikatakan DAP berpandangan jauh dalam hal ini.

Seperti mana PAS mencari-cari undi Cina dalam pilihanraya ini, DAP pula berusaha mencari undi Melayu. Sejak awal DAP membuka keahlian kepada semua kaum dan secara idealnya, jika banyak orang Melayu menyertai DAP, maka DAP bukan lagi parti Cina. Orang Melayu boleh menjadi pengurus, setiausaha dan memegang jawatan-jawatan lain dalam DAP jika jumlah orang Melayu besar, atau jika orang Cina menganggap orang Melayu mempunyai potensi. Sesiapa saja boleh memegang jawatan-jawatan demikian tanpa menukar ugama. Ini tidak berlaku di dalam PAS, walaupun PAS menggalakkan orang Cina berjuang bersama-sama mereka. Perbezaan ciri di antara PAS dengan DAP menimbulkan kesukaran untuk mencapai kesafahanaman jangka panjang.

Kerjasama di antara parti-parti politik dalam pilihanraya di Malaysia adalah fenomena yang sudah usang. Pada tahun 1986 fenomena demikian terlihat seperti baru kerana PAS telah memperlihatkan cara yang tidak pernah berlaku sebelum itu. Penafian PAS terhadap hak istimewa orang Melayu adalah sesuatu yang tidak pernah terfikir oleh orang Melayu sendiri sebelum tahun 1985. Jika orang Cina mempercayai penafian tersebut, alangkah besarnya jumlah undi yang diberi oleh mereka kepada PAS. Akan tetapi, mereka berfikir bahawa PAS mengutarakan pandangan demikian dalam suatu rangka fikiran yang tidak nyata. Orang bukan Melayu di Malaysia tidak pernah mengasingkan Melayu dengan Islam. Oleh itu, mereka melihat konsep negara Islam itu sendiri tidak berbeza daripada konsep negara Melayu. Memanglah kita dapat menghuraikan bahawa Islam yang sebenar-benar Islam tidak melihat sesuatu bangsa atau kaum

dengan prasangka. Akan tetapi, adalah suatu hakikat bahawa tidak besar jumlah orang Cina yang beragama Islam.

Pada masa yang lepas, orang Cina pernah memberi undi kepada PAS. Ketika itu mereka menyokong PAS atas dasar memarahi kerajaan kerana sebab-sebab tertentu. Akan tetapi pada tahun 1986 PAS mengharapkan sokongan mereka dengan janji hendak menghapuskan hak istimewa orang Melayu. Walau bagaimanapun sejumlah besar orang Cina menyokong DAP kerana mereka mempunyai cita-cita politik yang berterusan.

Encik Ghafar Baba dalam suatu ucapan mengatakan bahawa Barisan Nasional hendaklah terus diberikan kemenangan kerana pengalaman mentadbir negara ini dapat menjamin kebahagiaan rakyat. Kata-kata itu adalah kempen pilihanraya 1986, tetapi daripada sudut logika ada kebenarannya. Jika para pengundi menyokong PAS dan DAP dan mereka menang maka akan timbul keadaan tidak tenteram ketika mereka memulakan pentadbiran negara. Tidaklah semestinya mereka gagal memerintah negara, tetapi tidak syak lagi akan timbul suasana yang tegang kerana ketiadaan pengalaman parti-parti itu.

Kalaular sampai waktu sebuah kerajaan baru diperlukan, maka parti yang dinamik dan jelas arah perjuangannya elok disokong. Kini, sungguhpun kerajaan ada membuat kesilapan, dan agak banyak kesilapan itu, kita masih tidak menemui sebuah parti yang jelas untuk menjadi alternatif. Walaupun mungkin sebahagian rakyat memikirkan kerajaan baru, tetapi kerajaan baru itu masih belum berbayang bentuknya. Parti-parti pembangkang yang ada kini belum memperlihatkan imej yang meyakinkan.

Kebanyakan rakyat berada di dalam dilema hasil daripada keadaan tegang di dalam negara. Itulah sebabnya DAP hanya mengatakan jangan diberi majoriti yang besar kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya 1986. DAP tidak mengatakan bahawa Barisan Nasional perlu dikalahkan terus. Ertinya, DAP bersedia untuk menjadi pembangkang yang lebih efektif selepas pilihanraya 1986, bukan hendak menjadi kerajaan. Yang yakin dan bersungguh-sungguh hendak menjadi kerajaan ialah PAS. Malangnya, dalam pilihanraya tersebut PAS hanya mendapat satu kerusi parlimen.

Impian politik PAS amat tinggi, tetapi tindakannya silap. Kesilapan itu menyebabkan pencapaiannya rendah.

## **PERISTIWA-PERISTIWA PENANGKAPAN DAN KESANNYA**

**P**ENANGKAPAN dan pendakwaan ke atas Tan Koon Swan pernah menimbulkan kesan tertentu dalam politik Malaysia. Samalah dengan penangkapan Datuk Harun Idris. Jika terdahulu daripada itu krisis MCA menyulitkan ahli-ahli parti itu, dan menyulitkan Barisan Nasional dalam hubungan dengan penentuan pemimpin MCA, penangkapan itu menimbulkan kesulitan mengenai pemimpin yang telah pun ditentukan. Zaman Neo Yee Pan sudah berlalu. Walaupun sejumlah orang MCA keluar parti kerana gagal melihat Tan Koon Swan meletakkan jawatan, tapi keputusan mereka tidak berkesan. Adalah lebih besar jumlah ahli-ahli MCA yang menghendaki Tan Koon Swan terus mengepalai parti.

Tan Koon Swan memang ingin meletakkan jawatan, kerana beliau mahu menanggung beban peribadi secara peribadi. Tetapi orang-orang bawahannya berpendapat, tidak berguna mereka bertemu jika tidak bersimpati kepada ketua yang ditimpa bencana. Ini membuktikan bahawa Tan Koon Swan amat berwibawa dan berkarsisme. Sokongan dan simpati masyarakat Cina terhadapnya boleh juga dibandingkan dengan sokongan dan simpati masyarakat Melayu terhadap Datuk Harun Idris dalam tahun 70-an dulu. Rupa-rupanya, seperti ditentukan sejarah, tahun 70-an untuk tokoh UMNO sementara tahun 80-an untuk tokoh MCA.

Simpati kepada Tan Koon Swan tampaknya diberikan juga oleh UMNO. Encik Daim Zainuddin menemuinya di Singapura. Encik Ghafar Baba dan Saudara Anwar Ibrahim menyambut kepulangannya (untuk menyambut Tahun Baru Cina) di lapangan terbang. Ini membayangkan simpati UMNO dan mungkin boleh ditafsirkan sebagai simpati orang Melayu terhadapnya, walaupun tidak semua orang Melayu itu UMNO.

Dengan adanya perasaan simpati terhadap Tan Koon Swan oleh orang Melayu, maka perpaduan nasional terpancar. Tampaknya, pancaran perpaduan nasional sentiasa menanti sesuatu tragedi. Orang-orang Cina dalam MCA ketika itu memarahi kerajaan Singapura. Ini membawa maksud bahawa dalam politik sentiasa boleh berlaku pertentangan tanpa mengira kaum. Orang-orang Cina dalam MCA telah membayangkan sikap

mereka melalui hasrat memulaukan barang-barang Singapura, dan melalui anjuran mereka agar perjanjian bekalan air di antara dua negara dibatalkan.

Perintah Singapura memberi reaksi memarahi MCA pula. Yang saling tidak marah memarahi ialah DAP dengan Pemerintah Singapura. DAP adalah bayang-bayang PAP Singapura, oleh itu hasrat DAP hendak melihat Tan Koon Swan melepaskan jawatan Presiden MCA dapat difahami. Orang-orang MCA yang anti Tan Koon Swan, iaitu yang keluar dari MCA, memilih DAP, tidak memilih GERAKAN. Ini membayangkan hasrat mereka secara bersungguh-sungguh hendak melihat kejatuhan Tan Koon Swan. Mereka tidak memilih GERAKAN kerana GERAKAN amat rapat dengan MCA era Tan Koon Swan kini.

Sungguhpun Tan Koon Swan berada di dalam keadaan yang memeritkan, namun MCA terus kukuh. Kekukuhannya masih melebihi keadaan semasa Neo Yee Pan menjadi ketua, walaupun Neo Yee Pan tidak menghadapi masalah yang dihadapi oleh Tan Koon Swan kini.

Masalah pada masa itu ialah siapakah pengganti Tan Koon Swan jika keadaan memerlukan pengganti. MCA tidak akan dapat bertahan dengan ketua yang menghadapi masalah besar itu. Tetapi dalam jangka waktu yang singkat, pelbagai hal boleh berlaku.

Jika MCA tersalah langkah, imejnya akan benar-benar jatuh. Neo Yee Pan ketika itu berkeinginan untuk berkuasa semula, tetapi kemungkinan untuk itu amat kecil. Jika Neo Yee Pan kembali memegang kuasa MCA, maka itu adalah kesilapan paling besar bagi MCA. Mereka perlu terus ke hadapan, tidak boleh undur lagi.

Penangkapan Tan Koon Swan memang boleh dianggap telah menjatuhkan imej MCA. Akan tetapi semangat perpaduan dalam parti itu kian kukuh akibat rasa simpati terhadap ketua. Jadi, pengganti Tan Koon Swan tentulah orang yang disenangi oleh Tan Koon Swan. MCA perlu berkembang melalui imej dan karisme Tan Koon Swan.

Dalam kes Datuk Harun Idris, simpati kepadanya berterusan, walaupun dia kemudiannya didapati bersalah. Inilah kekuatan imej orang politik yang berkarisma. Datuk Harun Idris kemudiannya kehilangan sokongan kerana kesilapan langkah-langkahnya semasa dibebaskan. Beliau berhasrat melangsungkan cara lama, cara Tunku Abdul Rahman dalam menghadapi isi perlombagaan. Itulah kesilapan besarnya. Walaupun beliau berpotensi, tetapi potensi itu hanya sesuai untuk pertengahan tahun 70-an.

Dalam MCA, potensi Tan Koon Swan amat sesuai dengan suasana tahun 80-an. Potensi ini dijagai oleh ahli-ahli dan ketua-ketua MCA dari peringkat ke peringkat. Inilah yang sedang dilakukan oleh mereka.

Ketenangan Tan Koon Swan membayangkan kewibawaannya.

Penangkapan terhadapnya adalah ujian besar kepada MCA dan juga kepada Barisan Nasional. Walau bagaimanapun sejarah kejatuhan seseorang atau sesuatu golongan tidak ditentukan oleh peristiwa seperti itu. Jika pun benar Datuk Harun Idris jatuh pada masa tertentu, kejatuhananya bukan kerana beliau ditangkap dan dihukum penjara, tetapi kerana salah pembawaan selepas beliau dibebaskan. Setelah dibebaskan Datuk Harun perlu mempelajari cara baru, kerana kemunculan tokoh-tokoh baru dan pengambilalihan jawatan presiden oleh Dr. Mahathir Mohamad. Ketika Dr. Mahathir Mohamad dipecat dari UMNO awal 1970-an dulu Datuk Harun susah hati, dan beliau berusaha memujuk tokoh itu kembali ke UMNO. Barangkali, Datuk Harun Idris menyangka Dr. Mahathir Mohamad terikat kuat dengan usahanya itu, lalu beliau bertindak secara yang berbeza. Itulah kesilapan Datuk Harun Idris sebenarnya.

Tan Koon Swan ditangkap ketika beliau menjadi ketua MCA, bukan sekadar timbalan atau naib presiden. Ini menggembirakan DAP, dan kegembiraan ini terpancar melalui saranan pemimpin DAP agar Tan Koon Swan meletakkan jawatan. Akan tetapi kegembiraan DAP itu sia-sia sahaja. Ahli-ahli MCA ketika itu berpegangan: salah atau tidak, Tan Koon Swan tetap pemimpin! Tentunya DAP tidak boleh meneruskan kegembiraannya.

Walaupun Tan Koon Swan kemudiannya jatuh dan menyepi, peristiwa penangkapannya dan kesan penangkapan itu masih hidup dalam ingatan ahli-ahli MCA. Datuk Harun Idris pula tidak menyepi. Beliau bergiat terus, dan kemuncak kegiatannya setelah keluar dari penjara ialah bertanding di Ampang Jaya atas tiket Bebas.

# TANPA PERPECAHAN, TAK HIDUPLAH TOKOH POLITIK

**P**ERBINCANGAN tentang perpaduan orang Melayu telah mengambil masa yang panjang. Sese kali perbincangan itu kelihatan seperti akan membawa rumusan yang berguna, tetapi selalunya hanya berupa hujah-hujah teoritis, tidak praktis. Mengapakah hal ini sedemikian?

Masalah perpaduan adalah masalah politik. Ahli-ahli politik selalunya mempunyai impian yang besar, tidak seperti impian para penulis yang turut membincangkan masalah ini. Kita pernah mendengar usaha untuk mengadakan Kongres Perpaduan Melayu. Ahli-ahli politik disebut-sebut untuk turut berbicara aktif dalam kongres tersebut.

Kongres perpaduan adalah kongres untuk menyatupadukan bangsa Melayu. Adakah itu tujuan setiap orang yang berhasrat untuk berkongres? Sebenarnya tidak demikian. Bahkan, bagi ahli-ahli politik, perpaduan adalah alat, bukan matlamat.

Pemimpin atasan selalunya tidak menghendaki pengikut-pengikutnya bersatu padu untuk menolak kepimpinannya. Dengan itu jika perpaduan akan menyebabkan kejatuhan seseorang pemimpin, tentulah pemimpin itu tidak menggemarkinya. Baginya, lebih baik perpecahan, kerana perpecahan memberi peluang kepada mereka berkuasa lebih lama.

Hujah tersebut juga merupakan hujah teoritis. Akan tetapi, hujah begini tidak membawa maksud tertentu yang boleh menguntungkan atau merugikan mana-mana pihak. Hujah begini hanyalah untuk menggambarkan kenyataan yang ada di sekeliling kita.

Perpaduan dan perpecahan berpunca daripada sikap pemimpin. Oleh itu, kongres tidak begitu bererti jika sikap pemimpin tidak dapat dicorakkan oleh kongres itu. Dalam suatu keadaan pernah timbul anggapan bahawa perpaduan Melayu dalam UMNO akan dicapai jika Dr. Mahathir Mohamad, Encik Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam duduk mengelilingi meja dan berbincang dengan penuh keikhlasan. Secara rasmi perbincangan demikian tidak berlaku.

Jika perbincangan seperti itu berlaku, maka hampir keseluruhan masalah yang timbul dan berlangsung pada tahun 1988 hingga sekarang dapat diselesaikan. Akan tetapi pertemuan dan perundingan tersebut hanyalah

impian orang-orang politik bawahan, para penulis dan rakyat biasa. Tokoh-tokoh politik itu tidak berfikir secara yang kita fikirkan.

Perpecahan seperti yang sedang kita alami bukanlah keadaan baru dan bukanlah fenomena baru. Perpecahan orang Melayu telah berlaku sejak zaman dulu. Dalam zaman kesultanan Melayu, kita telah ménemui kisah perpecahan di kalangan orang Melayu. Akan tetapi, bukanlah hasrat kita hendak membicarakannya. Kita akan membicarakan masalah perpecahan dalam zaman moden sahaja.

Dalam UMNO, perpaduan terganggu oleh hasrat untuk memperlihatkan keupayaan memimpin. Sekurang-kurangnya ada dua alasan yang menyebabkan UMNO bergolak sedemikian hebat.

Pertama, UMNO adalah parti yang kuat dan dianggap kaya dan berwibawa. (Walaupun kita mendengar berita harta UMNO dilelong, kita belum boleh menganggap UMNO sudah jatuh miskin). Dalam keadaan UMNO kaya, banyak pihak ingin menjadi ketua. Siapakah ahli politik yang tidak mengingini jawatan itu? Untuk merebut jawatan penting itulah berlaku perpecahan.

Kedua, muncul beberapa orang tokoh yang dipercayai layak memerintah negara ini. Mereka terlalu sedar bahawa mereka layak. Oleh itu mereka berhasrat untuk membuktikan kelayakan mereka. Dengan demikian mereka mesti menjatuhkan Perdana Menteri untuk terus memerintah, jika tidak, mereka tidak berpeluang menunjukkan kelayakan mereka.

Huru-hara berlaku kerana dua alasan tersebut. Pihak yang dicabar bersungguh-sungguh menentang cabaran yang dihadapkan. Para pengikut bersungguh-sungguh pula menunjukkan kesetiaan kepada pemimpin yang disukai mereka. Kegilaan membuktikan kesetiaan ini menyebabkan mereka mengejek-ejek pihak lawan.

Untuk memaparkan kelebihan diri, mereka saling berusaha memperlihatkan kelemahan pihak lawan. Sebenarnya, sejauh yang diperhatikan secara objektif, masing-masing tidak memiliki kelemahan yang keterlaluan. Kelemahan-kelemahan yang ada pada seseorang diheboh-hebohkan dengan tujuan menimbulkan rasa benci terhadap musuh. Demikian jugalah dengan kelebihan-kelebihan. Mereka memuji-muji kelebihan tokoh yang disokong oleh mereka secara berlebih-lebihan juga.

Jika Dr. Mahathir Mohamad terlalu lemah, tentulah Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah tidak sanggup berada di dalam kabinetnya sejak awal. Yang berlaku, mereka berdua telah bekerjasama dengan Dr. Mahathir Mohamad kira-kira enam tahun. Ketika itu tiada rungutan tentang kelemahan Dr. Mahathir Mohamad.

Perletakan jawatan Datuk Musa Hitam pada tahun 1986 bukanlah

kerana kelemahan pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Datuk Musa Hitam tidak pernah menolak konsep 2M ketika itu, padahal 2M adalah Mahathir-Musa, yang bererti Datuk Musa Hitam adalah orang kuat dalam polisi pentadbiran pada masa itu. Dengan kata lain, semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berbangga dengan konsep 2M.

Keterbalikan daripada itu, jika Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah lemah, tentulah Dr. Mahathir Mohamad mengetepikan mereka sejak awal pemerintahannya. Yang berlaku, Dr. Mahathir Mohamad sangat-sangat menghendaki Datuk Musa Hitam menjadi timbalannya. Dr. Mahathir Mohamad juga amat mempercayai Tengku Razaleigh Hamzah untuk menjaga atau mengawal ekonomi negara pada masa itu, di samping memastikan UMNO terus berkuasa di Kelantan.

Tujuan menyatakan fakta-fakta tersebut ialah untuk membuktikan bahawa perpecahan bukanlah masalah yang melekat pada diri rakyat Melayu secara sejak asal (secara semulajadi) tetapi akibat daripada tindak tanduk para pemimpin.

Dalam hikayat-hikayat Melayu, kita menemui kisah peperangan kerana pinangan seseorang putera raja ditolak. Rakyat terpaksa menderita, luka dan mati hanya kerana masalah peribadi putera raja. Ini adalah bukti bahawa perpecahan dan permusuhan bangsa selalunya berpunca daripada hal-hal peribadi pemimpin.

Jika perkara-perkara ini difahami dengan baik, maka konflik dalam masyarakat kita akan berkurangan. Musuh kita yang sebenarnya adalah di luar bangsa kita, bukan di dalam. Akan tetapi, kita menjadikan bangsa kita sendiri sebagai musuh, iaitu saling musuh memusuhi, padahal kita seharusnya bersatu padu.

Impian untuk melihat tamatnya krisis PAS dan UMNO tidak terlaksana. Pada tahun 1987, muncul team A dan team B di dalam UMNO. Dengan itu, bukan sahaja Melayu dalam PAS berkrisis dengan Melayu dalam UMNO, malah Melayu dalam UMNO sendiri pun bercakaran. Ini merebak hingga memunculkan Semangat 46.

Dengan peristiwa-peristiwa ini, dapatlah dianggap bahawa perpaduan dan perpecahan adalah hakikat politik. Dengan itu, jalan yang terbaik ialah kita menerima saja hakikat itu. Yang berpecah dan bermusuhan akan berpadu juga jika muncul keadaan yang sesuai. Perpaduan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam adalah contohnya. Kini Tengku Razaleigh Hamzah merapati PAS, parti yang dianggap umum sebagai musuh tradisi beliau. Datuk Musa Hitam pula berusaha mempertajamkan senjata melalui kongres dan kemudian menyertai UMNO berlandaskan keputusan-keputusan

kongres.

Semoga Datuk Musa Hitam, Datuk Shahrir Samad, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Hajah Marina Yusof, Datuk Rais Yatim dan beberapa orang lagi akan menemui jalan masing-masing yang dapat membawa faedah kepada bangsa Melayu. Perkembangan mereka akan kita perhatikan dengan teliti dalam tahun ini dan pada dekad yang akan datang.

## DATUK MUSA HITAM AKHIR 1988 DAN AWAL 1989

KIRA-KIRA dua minggu sebelum pilihanraya kecil Johor Bahru, saya menulis dalam akhbar *Watan*. Antara lain saya menyatakan Datuk Musa Hitam tidak menyebelahi Datuk Shahrir Abdul Samad dalam pilihanraya tersebut. Saya menyatakan sedemikian kerana dua hal:-

1. Datuk Musa Hitam tidak muncul mengiringi Datuk Shahrir Samad pada hari penamaan calon.
2. Datuk Musa Hitam mempunyai prinsip tersendiri.

Pandangan saya ternyata silap. Datuk Musa Hitam muncul menyokong Datuk Shahrir Abdul Samad beberapa hari kemudiannya. Dengan itu anggapan saya bahawa Datuk Musa Hitam mempunyai prinsip tersendiri juga silap. Beliau menyebelahi suatu pihak dengan jelas, padahal beliau baru saja berjanji hendak berkecuali dalam krisis yang berkenaan.

Mengapakah Datuk Musa bertindak demikian? Hal ini telah diperbincangkan di sana sini. Antara lain, berikut adalah jawapannya.

Datuk Musa Hitam kecewa apabila mendapati dirinya tidak mempunyai pengikut lagi, padahal Tengku Razaleigh Hamzah tidak pernah berpatah balik sejak menentang Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1987. Datuk Musa Hitam telah berkali-kali memperlihatkan kecenderungan untuk berpatah balik.

Dr. Mahathir Mohamad sebagai tokoh ukuran (istilah Prof. Syed Hussein Al-Attas), tidak melayani karenah Datuk Musa Hitam. Pada mata umum, Dr. Mahathir Mohamad amat kasar dan tidak mahu bertolak ansur. Pada hakikatnya tidak demikian. Dr. Mahathir Mohamad tentu tidak dapat menerima Datuk Musa Hitam yang terlalu mudah 'melompat'. Ketika ditanya tentang sokongan Datuk Musa Hitam terhadap Datuk Shahrir pada 20hb. Ogos 1988, Dr. Mahathir hanya menyebut "lompat si katak lompat".

Ternyata, daripada segi prinsip, Dr. Mahathir Mohamad amat teguh dan berwibawa. Dr. Mahathir Mohamad tidak berasa kagum pada Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn yang pernah menjadi Perdana Menteri sebelumnya, apatah lagi terhadap Datuk Musa Hitam yang pernah dipilih dan didukungnya. Ketika Datuk Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad tentu telah melihat aneka

kelemahan.

Sebenarnya, Datuk Musa Hitam sebelum ini dianggap sebagai ahli politik yang mahir dalam hal strategi. Rata-rata orang meninjau strateginya ketika beliau meletakkan jawatan dan terbang ke London. Dia membuat umrah dalam perjalanan itu, tetapi agak segera berlepas ke London. London adalah kota untuknya bertenang dalam gelora.

Dahulu, beliau muncul bekerjasama dengan Tengku Razaleigh untuk menentang Dr. Mahathir Mohamad dan kalah dalam pemilihan. Beliau berusaha menyatupadukan ahli-ahli UMNO yang berpecah akibat daripada tindakannya itu. Sebenarnya, memanglah tanggungjawab beliau untuk menyatupadukan ahli UMNO, kerana perlantakan jawatannya merupakan punca perpecahan ini.

Nama Tengku Razaleigh Hamzah terus disebut-sebut orang sebagai penentang Dr. Mahathir Mohamad yang keras hati. Mungkin ketana beliau berketurunan istana maka beliau dapat berpegang kuat pada prinsip demikian. Nama Datuk Musa Hitam kian dilupakan. Ketika itu beliau turut serta dalam pertemuan-pertemuan UMNO Baru. Di pihak Tengku Razaleigh Hamzah pula, kedengaran kenyataan-kenyataan bahawa Datuk Musa Hitam tidak tahan lasak, oleh itu beliau tidak boleh diharap. Apabila Datuk Abdullah Badawi masuk kumpulan UMNO Baru, Tengku Razaleigh mengatakan bahawa dia tidak hairan, kerana Datuk Abdullah Ahmad Badawi adalah orang Datuk Musa Hitam. Kata-kata Tengku Razaleigh



*Begitu bersungguh-sungguh Tengku Razaleigh Hamzah berpidato. Perhatikan. Makin bersatulah kita atau makin berpecah?*

Hamzah itu penting kerana membawa makna orang Datuk Musa Hitam tidak boleh diambil kira. Ini berhubungan secara langsung dengan kewibawaan Datuk Musa Hitam yang dianggap merosot.

Datuk Musa Hitam adalah satu fenomena yang tidak dikehendaki. Beliau memang tersendiri, tetapi tidak boleh dianggap mempunyai prinsip tersendiri. Beliau tersendiri kerana kelucuan yang diperlihatkan kepada umum. Stailnya dan tawanya memang diingati ramai, tetapi stail dan tawa itu sudah tidak menarik lagi pada akhir tahun 1988. Tiga hari sebelum pilihanraya kecil 25 hb. Ogos 1988 yang agak gah itu, orang-orang yang pernah menjadi "orang Musa" tertanya-tanya tentang tindakan Datuk Musa menyokong Datuk Shahrir. Ini kerana Datuk Musa telah membuat pengumuman tidak akan menyebalih mana-mana pihak. Orang-orang Tengku Razaleigh Hamzah berasa gelisah melihat tingkah Datuk Musa Hitam. Dari air muka mereka, terbayang kegembiraan kerana Datuk Musa Hitam telah menjadi pengikut Tengku Razaleigh Hamzah.

Pada tahun 1982 dan 1984, Datuk Musa Hitam bermati-matian bertanding untuk mendapat tempat sebagai Timbalan Presiden UMNO.



*Perhatikan pula Datuk Musa tidak begitu bersungguh-sungguh berpidato. Jadi, tidak hairanlah jika beliau tidak kekal dalam Angkatan 46*

Beliau berjaya. Walau apa pun alasannya, Datuk Musa Hitam pada masa itu telah menjadi ketua nombor dua dan Tengku Razaleigh Hamzah hanyalah ketua bahagian.

Kini, keadaan terbalik, sungguhpun secara rasmi Tengku Razaleigh Hamzah tidak menjadi ketua parti, tetapi secara tidak rasmi beliau adalah ketua Semangat 46. Semangat 46 itu sebenarnya tidak wujud daripada segi undang-undang, tetapi terdapat sejumlah bekas ahli UMNO yang menganggap Semangat 46 itu wujud sebagai UMNO.

Datuk Musa Hitam tidak terpilih untuk duduk sebaris dengan pemimpin-pemimpin UMNO Baru, dan juga tidak diterima sebagai pemimpin Semangat 46 yang tidak rasmi itu. Ternyata Datuk Musa Hitam tersilap langkah. Beliau yang menjadi penyebab kepada kekecohan UMNO, kerana perletakan jawatannya dulu dan beliau juga yang menyebabkan dirinya sendiri terumbang-ambing.

Anggapan umum bahawa Datuk Musa Hitam adalah ahli strategi mulai pudar. Ahli strategi yang sebenar tidak lain daripada Dr. Mahathir Mohamad. Kita dapatkan penentang-penentang Dr. Mahathir Mohamad, iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan pengikut-pengikutnya, tidak dapat pergi terlalu jauh kerana kehebatan strategi Dr. Mahathir Mohamad. Oleh itu tampaknya segala rekod kejayaan Datuk Musa Hitam pada masa-masa yang lepas adalah palsu. Dr. Mahathir Mohamadlah yang mengukir sebahagian besar sejarah Datuk Musa Hitam pada awal dan pertengahan tahun 80-an. Oleh kerana Dr. Mahathir Mohamad berhenti mengukir sejarah Datuk Musa Hitam pada tahun 1988, maka kita dapatkan gambaran Datuk Musa Hitam tidak indah dan tidak segar lagi. Datuk Musa Hitam kelihatan sebagai suatu watak yang tidak tegas dan tidak tentu arah.

Pada 2 hb. September 1988, menjelang pilihanraya kecil Parit Raja, Datuk Musa Hitam mengumumkan bahawa dia keluar dari Barisan Nasional. Dia akan bersama-sama Tengku Razaleigh Hamzah untuk menghidupkan UMNO asal, katanya. Oleh kerana pengumuman ini lewat, maka beliau telah sah menjadi pengikut Tengku Razaleigh Hamzah. Adakah ini suatu strategi, atau beliau telah terpaksa mengikut rentak orang-orang Tengku Razaleigh Hamzah?

Atau dapat dikatakan Datuk Musa Hitam membuat pengumuman demikian mengikut rentak "lompat si katak lompat" yang telah disebutkan oleh Dr. Mahathir. Jadi beliau keluar dari Barisan Nasional bukannya kerana UMNO Baru tidak betul, tetapi hanya kerana beliau tidak sanggup terus berketauan Dr. Mahathir Mohamad.

Pada prinsipnya, alasan ini masih peribadi sifatnya. Datuk Abdullah Badawi menyertai UMNO Baru tidak kira berketuakan sesiapa. Dalam

pemilihan yang lalu, Datuk Abdullah di pihak Datuk Musa, tetapi apabila UMNO diharamkan dan muncul UMNO Baru, Datuk Abdullah Ahmad Badawi memilih UMNO Baru. Beliau memilih UMNO Baru tanpa mengambil kira siapakah pemimpinnya. Datuk Musa Hitam juga berada di pihak UMNO Baru pada peringkat awal penubuhannya, tetapi oleh kerana hubungan dengan Dr. Mahathir Mohamad tidak dapat dibaiki, maka beliau memilih arah lain. Arah yang dipilihnya amat menguntungkan Tengku Razaleigh Hamzah.

Kumpulan Datuk Musa Hitam terlalu kecil jumlahnya pada akhir tahun 1988. Yang lainnya lebih tertarik kepada Tengku Razaleigh Hamzah yang tidak pernah undur dan tidak menoleh ke kiri dan ke kanan dalam melaksanakan program menentang Dr. Mahathir Mohamad. Dalam keadaan tersebut, para pengikut Datuk Musa tidak dapat mempercayai cara berpolitik Datuk Musa Hitam. Atau, jumlah yang mempercayai caranya terlalu kecil.

Huraian tersebut hanyalah tentang Datuk Musa Hitam pada akhir tahun 1988. Pada awal tahun 1989, Datuk Musa Hitam tampaknya memilih langkah baru. Beliau akan menyambung lidah para peserta Kongres Melayu Johor. Enam ketetapan kongres itu telah diterima baik oleh Majlis Tertinggi UMNO. Pada hari penamaan calon pilihanraya kecil Ampang Jaya, Datuk Musa Hitam menyuarakan rasa senangnya kerana keenam-enam ketetapan itu diterima. Dengan kata lain, di dalam diri Datuk Musa Hitam pada awal tahun 1989, terdapat hasrat yang kuat untuk kembali ke pangkuhan UMNO.

Datuk Musa Hitam kembali ke UMNO apabila Tengku Razaleigh Hamzah mendekati PAS. Oleh kerana langkah-langkah politik itu munasabah belaka, maka kemungkinan Tengku Razaleigh Hamzah mengikut jejak Datuk Musa Hitam pun masih ada. Cuma Tengku Razaleigh Hamzah perlu memikirkan implikasi yang mungkin terlalu berat untuk ditanggungnya.

## **PILIHANRAYA PARIT RAJA: PERTENTANGAN NON-ANTAGONIS**

**K**EMENANGAN Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil di Parit Raja pada 20hb. Oktober 1988 mempunyai makna yang besar bagi pihak kerajaan. Pada peringkat awal, iaitu pada hari penamaan calon (6hb. Oktober 1988), pihak Bebas kelihatan amat kuat. Pihak Bebas khususnya yang menyokong Hamdan Yahya, dibantu oleh tokoh-tokoh anti UMNO Baru seperti Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Shahrir Samad dan Datuk Musa Hitam. Ketiga-tiga mereka ini tampaknya mempunyai tempat di hati sejumlah rakyat Johor.

Kemenangan Barisan Nasional itu dikatakan mempunyai makna yang besar kerana kemenangan itu pasti dapat menguatkan semangat ahli-ahli UMNO yang sudah besar jumlahnya. Dalam keadaan sekarang, kekuatan UMNO adalah kekuatan kerajaan.

Apakah alasan yang menyebabkan kemenangan Barisan Nasional ini? Berikut akan diturunkan beberapa faktor:

### **KESATUAN BEBAS TIDAK JELAS**

Walaupun pihak Bebas berusaha membuktikan bahawa mereka mempunyai Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Musa Hitam dan lain-lain, rakyat tidak percaya penuh bahawa mereka itu akan dapat berganding bahu terus menerus. Ada masalah di antara mereka. Mereka sentiasa teringat bahawa Tengku Razaleigh Hamzah pernah menentang Datuk Musa Hitam, oleh itu mereka selalu berfikir bahawa pertentangan itu tidak akan berhenti begitu saja. Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan rela duduk di bawah Datuk Musa Hitam kerana impiannya adalah di tempat pertama. Tengku Razaleigh Hamzah telah mencabar Dr. Mahathir Mohamad untuk mendapatkan jawatan presiden. Manakala Datuk Musa Hitam pula mempunyai alasan lain untuk di tempat tertinggi. Pertama, dia telah lama menjadi Timbalan Presiden. Alasan kedua, dia telah dua kali menang dalam pertandingan melawan Tengku Razaleigh Hamzah.

Oleh itu, jika Bebas menang atas nama UMNO 46, krisis kepimpinan untuk merebut kuasa akan berterusan, dan mungkin lebih berat lagi.


Keadaan ini hanya menyenangkan peminat-peminat krisis, tetapi dirasai sebagai masalah besar oleh orang-orang yang menyukai kedamaian.

### **PELAWAAN DR. MAHATHIR**

Beberapa hari sebelum pengundian, Dr. Mahathir Mohamad menjemput semua orang Melayu menyertai UMNO. Pelawaan itu menunjukkan tanda-tanda kecerahan masa depan UMNO. Sebelum ini, penyokong-penyokong Tengku Razaleigh Hamzah berasa kecewa kerana tokoh yang mereka minati tidak diterima masuk UMNO. Datuk Musa Hitam sendiri pernah menyuarakan keengganannya memasuki UMNO atas alasan sikap tidak terbuka pucuk pimpinan UMNO. Dengan pengumuman Dr. Mahathir Mohamad itu, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam tidak mempunyai alasan yang kuat untuk menolak UMNO. Alasan-alasan yang sedia ada sudah tidak kuat.

### **PERISTIWA DATUK SHAHRIR SAMAD DI PARLIMEN**

Datuk Shahrir Samad yang menang di Johor Bahru tidak mahu mengangkat sumpah di Parlimen. Ini menyebabkan pengundi-pengundi di Parit Raja



*Datuk Shahrir Samad: Menang dalam pilihanraya di Johor Bahru. Kemudian, berlakulah beberapa peristiwa tragedi yang mungkin terilhami di kedai dobi*

mulai berfikir bahawa calon Bebas terlalu gemar berlucu untuk menggemakan publisiti. Kemenangan Datuk Shahrir di Johor Bahru, daripada suatu sudut adalah suatu tragedi bagi orang Melayu. Perlakuan Datuk Shahrir di Parlimen adalah suatu komedi (kelucuan). Dengan itu, menurut istilah drama, keseluruhan peristiwa itu adalah tragekomi. Parlimen dan Dewan Undangan Negeri adalah tempat-tempat yang tidak wajar dicalarkan dengan tragekomi seperti itu. Pengundi-pengundi di Parit Raja menghendaki wakil rakyat yang dapat memberi sumbangan kepada mereka, bukan sekadar berkomedi.

### KETIADAAN SUARA DAP DI PARIT RAJA

Ini sebenarnya faktor yang agak kuat. DAP memang turut membantu calon Bebas di Parit Raja, tetapi kesannya tidak ketara. Walaupun DAP bukan parti yang berkuasa di Johor Bahru, namun suaranya ada. Di Parit Raja, suara DAP dirasakan aneh oleh sejumlah besar rakyat. Oleh itu sokongan DAP terhadap calon Bebas sia-sia saja.

Demikianlah di antara alasan-alasan kemenangan Barisan Nasional di Parit Raja. Pertentangan di situ bukanlah pertentangan antagonistik. Jika pertentangan itu bersifat antagonistik, maka sukarlah berlaku perubahan di hati pengundi.

Pertandingan itu terlalu non-antagonistik. Rakyat dapat melihat bahawa punca perbalahan di antara dua pihak hanyalah satu: iaitu perebutan kuasa di peringkat atas. Jika perebutan kuasa tidak terjadi pada 1987, maka keseluruhan pertentangan ini tidak berlaku.

Sama ada pihak Barisan Nasional, atau pihak Bebas menang di Parit Raja, pilihan mereka yang sebenar ialah UMNO. Keterbukaan pucuk pimpinan UMNO Baru. Jumlah yang menganggap perlunya menghidupkan semula UMNO 46 juga kian mengecil.

Saya pernah menyebutkan bahawa pertandingan di Parit Raja adalah manifestasi pertandingan yang lebih besar. Ini adalah benar jika kita meninjau perubahan sikap pemimpin UMNO hasil daripada pertandingan tersebut.

## PILIHANRAYA PARIT RAJA: MANIFESTASI PERTENTANGAN YANG LEBIH BESAR

**P**ADA 6hb. Oktober 1988, keseluruhan hadirin di pekarangan Dewan Tunku Mahkota di Batu Pahat terperanjat apabila diumumkan jumlah calon yang bertanding di Parit Raja. Mereka terperanjat kerana setahu mereka hanya dua orang yang akan bertanding, iaitu Mohd. Yassin Kamari (BN) dan Haji Hamdan Haji Yahya (Bebas). Orang-orang dari luar datang berkumpul di Batu Pahat (tempat penamaan calon) kerana mereka menganggap pilihanraya kecil itu manifestasi pertentangan yang lebih besar.

Memang dipercakapkan orang sebelum itu bahawa terdapat sesorang calon tajaan oleh pihak tertentu. Di sana sini orang berbisik-bisik adakah akan muncul calon tajaan itu. Tetapi pada pukul 12.45 tengah hari, soalan itu terjawab: "bukan seorang calon tajaan, tetapi lima".

Walaupun pihak tertentu menolak anggapan wujudnya calon-calon tajaan, semua orang yang berfikir berasa aneh dan lucu mendengar berita tujuh orang calon bertanding. Kawasan Parit Raja amat kecil untuk disaingi demikian. Tidak mungkin orang-orang yang tidak dikenali umum seperti Mohd. Kelana Ahmad, Mohd. Yusof Anjau, Aman Abdillah, Mohd. Amin Mohd. Noor dan Haron Abdul Samad, akan ter dorong untuk bertanding. Di sini orang ramai menyetujui anggapan yang mengatakan mereka ini calon-calon tajaan.

Tujuan memunculkan calon-calon itu secara kasar ialah untuk memecahkan undi. Apabila direnungi, kita akan mendapati bahawa tujuan itu tidak demikian. Apabila calon Bebas berjumlah 6 orang, maka tergambarlah di fikiran umum bahawa terlalu besar jumlah orang yang gelojoh hendak menjadi wakil rakyat di Parit Raja.

Gambaran itu tidak munasabah. Orang-orang yang tidak popular dan tidak dibentuk oleh tokoh-tokoh nasional tidak mungkin menang dan sukar juga memecahkan undi. Dalam pilihanraya kecil itu, hanya Mohd. Yassin Kamari dan Haji Hamdan Haji Yahya yang mendapat sokongan tokoh-tokoh nasional. Mohd. Yassin adalah calon Barisan Nasional yang dibantu oleh Tuan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin dan Haji Mustafa Mohammad, manakala Haji Hamdan Haji Yahya disokong oleh Tengku

Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Di manakah tempat calon-calon Bebas yang lain itu?

Menurut Haji Mustaffa Mohammad, Haji Hamdan Haji Yahya sendiri adalah calon tajaan Datuk Musa Hitam (lihat *Watan* 8 hb. Oktober 1988). Haji Mustaffa berpendapat, Tengku Razaleigh Hamzah tidak menyetujui pemilihan calon itu, lalu menaja calon lain. Dia tidak menyebut nama calon tajaan Tengku Razaleigh Hamzah.

Di Dewan Besar Parit Raja, Datuk Musa Hitam menyebutkan bahawa lima orang calon Bebas ditaja oleh pihak Barisan Nasional. Tanpa menyebutkan nama-nama calon, Datuk Musa Hitam mengatakan dua orang daripada mereka ditaja oleh seorang tokoh dan tiga orang lain oleh tokoh yang lain. Tampaknya soal calon tajaan pun akan diperbincangkan oleh para pengundi sebelum mengundi. Siapakah yang muncul menjelaskan persoalan ini dengan jujur dan tanpa kepentingan?

Jika kita bertolak dari majlis kempen pertama di Dewan Besar Parit Raja, kita dapatkan Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah sama-sama menerima Haji Hamdan. Dengan itu anggapan Haji Mustaffa dapat ditolak. Kalau Tengku Razaleigh Hamzah menaja calon, tentulah dia tidak dapat menyokong Haji Hamdan secara terbuka. Atau, dapatkah dikatakan bahawa Tengku Razaleigh Hamzah telah memilih jalan kompromi kerana Datuk Musa Hitam telah sanggup mengikut jejaknya?

Lambang kunci tiga serangkai menjadi rebutan calon-calon Bebas. Akhirnya lambang itu tertinggal, tidak terpilih. Sebelumnya, lambang itu berada di dada penyokong-penyokong Haji Hamdan. Lambang itu adalah lambang yang digunakan oleh Datuk Shahrir Abdul Samad di Johor Bahru.

Haji Hamdan Haji Yahya sendiri terkejut apabila ditanya siapakah yang akan memilih kunci. Dia terkejut kerana sebelum itu dia menganggap kunci adalah miliknya. Memanglah penyokong-penyokongnya menganggap demikian. Sebelum perarakan lagi mereka telah mengedarkan lencana lambang kunci.

Lambang yang jatuh ke tangan Haji Hamdan ialah ikan emas. Di dalam majlis ucapan di Dewan Besar Parit Raja (selepas penamaan calon), Haji Hamdan mengatakan ikan emas memang sesuai dilepaskan di Parit Raja. Dengan itu, pihaknya dapat juga berbangga dengan lambang tersebut.

Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Shahrir Samad, adalah tokoh-tokoh penting yang turut berucap dalam kempen pertama ini. Nama Mohd. Yassin Kamari sebagai calon Barisan Nasional Parit Raja tidak disebut oleh mana-mana tokoh yang berucap. Nama yang dipersoalkan tidak lain dan tidak bukan: Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Melihat pada sambutan hadirin, kita merasakan bahawa yang wujud bukanlah

pertandingan di antara calon-calon yang disenaraikan itu, tetapi pertandingan besar di antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Tengku Razaleigh Hamzah dibantu oleh Datuk Musa Hitam. Atau dapat juga dikatakan bahawa ini adalah pertandingan di antara Datuk Musa Hitam dengan Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah adalah pembantu Datuk Musa Hitam. Anggapan ini tidak sekuat anggapan pertama. Sudut pandangan yang berbeza ini tidak diperbincangkan buat masa ini, kerana masing-masing cenderung menjadikannya dua pihak saja, iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam di satu pihak, serta Dr. Mahathir Mohamad dan UMNO seluruhnya satu pihak lagi.

Secara objektif seperti yang telah disebutkan dapat dikatakan bahawa pertandingan ini adalah manifestasi yang besar. Kehadiran Datuk Musa Hitam di samping Tengku Razaleigh Hamzah adalah pengulangan kesatuan Team B dalam pemilihan 1987. Pengurus Majlis di Dewan Besar itu mengatakan bahawa Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah tidak pernah berpecah sejak pemilihan itu, cuma Datuk Musa Hitam meminta Tengku Razaleigh berjalan dulu dan dia mengikutinya. Datuk Musa Hitam pula mengakui bahawa dia berusaha memujuk Dr. Mahathir Mohamad supaya menerima Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan lain-lain, tetapi Dr. Mahathir bersikap "keras", tidak mahu menerima malah tidak mahu mendengar nama-nama itu. Menurut Datuk Musa Hitam, dia tidak mempunyai jalan lain, melainkan menyertai Semangat 46.

Seperti yang dinyatakan oleh A.F.Yassin, ada kemungkinan Datuk Musa Hitam telah menjalankan ikhtiar demikian semasa dia meninggalkan Tengku Razaleigh Hamzah buat sementara waktu. Ada kemungkinan usaha-usaha itu dijalankannya tetapi betulkah Dr. Mahathir Mohamad bersikap "keras" sehingga tidak mahu mendengar nama-nama itu? Walau bagaimanapun, sebagai bahan kempen, berita ini menyebabkan sejumlah penyokong Bebas mulai menerima Datuk Musa Hitam kembali. Mereka sangat berharap Datuk Musa Hitam akan terus schati sejiwa dengan Tengku Razaleigh Hamzah dalam "perjuangan" menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad. Mereka melupakan buat sementara waktu bahawa Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah akan bersaing pada masa hadapan, seperti mana yang telah berlaku pada masa lepas.



"Perang Melayu " di Parit Raja

## PINTU UMNO TERBUKA, SATU SANDIWARA?

**P**ADA 15hb. Oktober 1988, muncul lagi satu berita yang mengejutkan. Berita ini bertentangan dengan berita-berita lain sebelumnya. Jika berbulan-bulan sebelum tarikh ini, orang Melayu gelisah kerana wujudnya dua UMNO, sekarang Dr. Mahathir Mohamad pula membuka pintu pada sesiapa sahaja orang Melayu yang ingin memasuki UMNO. Jika ini disambut oleh semua orang Melayu yang menyukai UMNO, maka tidaklah ada lagi masalah dua UMNO.

Pengumuman ini tiba kepengetahuan rakyat lima hari sebelum pengundian di Parit Raja, Johor. Datuk Musa Hitam mengesyaki bahawa ini adalah sandiwara untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional di Parit Raja. Rasa syak ini adalah wajar kerana seperti yang pernah saya sebutkan dalam beberapa artikel pertandingan di Parit Raja adalah manifestasi pertentangan yang lebih besar.

Dengan itu, ada kemungkinan Majlis Tertinggi UMNO menganggap pertentangan tersebut bukannya pertentangan yang bersifat lokal, tetapi bersifat nasional. Pucuk pimpinan berfikir bahawa pengumuman penerimaan kesemua orang Melayu memasuki UMNO hendaklah disampaikan secara besar-besaran dan menyeluruh.

Perkembangan ini baik dan berfaedah bagi orang-orang Melayu, dan bekas-bekas ahli UMNO khususnya. Bekas-bekas ahli majlis tertinggi yang dipilih pada tahun 1987 diterima masuk ke Majlis Tertinggi UMNO. Mereka ialah A.Rahim Bakar, Datuk Kadir Sheikh Fadzil dan Datuk Ajib Ahmad. Jika Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa orang bekas ahli Majlis Tertinggi yang lain memasuki UMNO besar kemungkinan mereka juga akan ditempatkan dalam Majlis Tertinggi. (Pada masa lain, Datuk Radzi juga dijemput, tetapi menolaknya).

Soalnya, adakah Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa orang tokoh lain itu akan memasuki UMNO, setelah mengambil masa yang agak panjang memerah fikiran mengkritik Dr. Mahathir Mohamad? Datuk Radzi dikenali sebagai seorang pengkritik Dr. Mahathir Mohamad yang hampir sama lantang dengan Datuk Rais Yatim dan Tengku Razaleigh



*Duhai angin lalu  
katakan padaku  
dari manakah datangnya  
asap itu?  
Ah, rupa-rupanya  
masih berkepul  
asap jambatanku* (dipetik  
daripada sajak Jambatan  
Terbakar" karya R. S)

Hamzah. Dengan itu, apabila Tengku Razaleigh Hamzah mengatakan, "Mati hidup balik pun saya tidak akan memasuki UMNO", adakah Datuk Radzi dan tokoh-tokoh yang lain tersaran?

Soal keengganan Tengku Razaleigh Hamzah memasuki UMNO adalah hak mutlaknya. Ada juga kemungkinan beliau akan berubah, kerana pada tahun 1981 beliau mengatakan bahawa beliau akan meletakkan jawatan tetapi beliau tidak melakukannya sehingga tahun 1987. Maksud di sini, kata-kata yang diucapkan di dalam situasi tertentu tidak semestinya ditunaikan apabila situasi berubah. Datuk Musa Hitam sebelum pilihanraya kecil Johor Bahru menegaskan beliau "tidak akan menyebelahi mana-mana pihak", tetapi berubah menjelang pilihanraya kecil itu.

Pada tahun 1988, kita tidak mendengar berita perubahan sikap Datuk Rais Yatim mengisyiharkan pembakaran jambatannya pada tahun 1987. Sekarang jambatan baru telah dibina, tetapi setakat tahun 1988 beliau masih tidak sanggup lalu di atas jambatan itu. Jika beliau menerima UMNO-pasti dia akan diterima baik oleh teman-temannya yang telah sedia berada di dalam Majlis Tertinggi, walaupun dia mungkin tidak akan diterima ke barisan majlis tersebut.

Scerurusnya, jika bekas-bekas ahli UMNO berduyun-duyun memasuki UMNO maka keengganannya Tengku Razaleigh Hamzah sendiri akan menepati kehendak Dr. Mahathir Mohamad. Bagi Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah tidak diperlukan, bahkan tidak dikehendaki.

Dengan kata lain, terbukanya pintu UMNO untuk Tengku Razaleigh Hamzah tidak boleh dianggap sebagai jemputan khas untuk dia memasuki UMNO. Dia dan Datuk Musa Hitam hanya dijemput membincangkan masalah orang Melayu dan UMNO. Pintu UMNO dikatakan terbuka untuk orang Melayu secara umum. Tidak timbul masalah kemasukan Tengku Razaleigh Hamzah. Dalam keadaan biasa (tanpa dipengaruhi perasaan), Tengku Razaleigh Hamzah tidak perlu menyatakan pendiriannya secara sinis bahawa "mati hidup kembali pun saya tidak akan masuk UMNO itu".

Adakah perjuangan menghidupkan UMNO 46 akan diteruskan hingga berjaya? Rasa-rasanya ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO dapat meyakinkan bekas-bekas ahli UMNO bahawa perjuangan itu tidak perlu diteruskan. Ruhanie Ahmad, bekas setiausaha politik Datuk Musa Hitam, dan penulis buku *Tenang Dalam Gelora*, tentu mempunyai modal yang banyak untuk meyakinkan bekas-bekas ahli UMNO Johor bahawa UMNO yang wujud akan melanjutkan perjuangan UMNO yang diharamkan itu.

Perkembangan seterusnya akan diperhatikan oleh pembicara-pembicara politik, ahli-ahli politik dan rakyat umumnya. Walau bagaimanapun, kita telah melihat suatu perkembangan yang dapat dikatakan positif. Memang timbul anggapan bahawa Dr. Mahathir Mohamad telah menerima pandangan-pandangan daripada pihak yang mengkritiknya, tetapi itu tidak penting. Yang penting ialah perubahan itu sendiri.

Perkembangan yang terbaru ini akan menyebabkan timbulnya keadaan seperti yang saya sebutkan di atas. Tengku Razaleigh Hamzah tidak mempunyai alasan yang kuat untuk menghidupkan UMNO jika Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO merupakan orang yang sama dengan ahli-ahli yang terpilih dalam persidangan agung 1987. Seperti yang telah disebutkan, soal perlombaan boleh dibincangkan dan boleh diubah.

Jika Tengku Razaleigh Hamzah tidak menyertai UMNO, sejumlah pengikutnya juga tidak akan menyertai UMNO. Soalnya, berapakah jumlah pengikutnya itu? Jumlah pengikut sebenarnya tidak kekal. Buat sementara waktu Ibrahim Ali besar kemungkinan akan setia dengan Tengku Razaleigh Hamzah. Besarkah jumlah pengikut yang setia seperti itu? Itu pun sementara sahaja, kerana Ibrahim Ali juga seorang yang *mobile*. Dia telah mengubah haluan dari Berjasa ke UMNO. Perhatikan pula perubahan Annuar Musa.

Datuk Musa Hitam akan terus dengan perkiraannya yang tersendiri. Dia mengukur dan melihat kejujuran Dr. Mahathir ketika mengumumkan penerimaan kesemua orang Melayu menyertai UMNO. Dia telah mengatakan bahawa dia pernah berusaha memujuk Dr. Mahathir menerima kesemua bekas ahli UMNO. Kini apabila Dr. Mahathir telah mengumumkan penerimaan, apakah alasan Datuk Musa Hitam hendak memusuhi Dr. Mahathir Mohamad?

Masalah Datuk Musa Hitam pada akhir tahun 1988 ialah timbulnya kecaman-kecaman kerana beliau berucap di Hong Kong memburuk-burukkan politik di Malaysia. Beliau dikatakan telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Sebagai seorang bekas Timbalan Perdana Menteri, adalah dikesalkan apabila beliau sanggup berbuat demikian. Akan tetapi, penilaian seperti ini hanya akan adil, jika motif ucapannya itu difahami dan seterusnya motif pihak yang mengecamnya juga ditinjau.

## PEMIKIRAN DARI PERSIDANGAN AGUNG UMNO 1988

**P**ERSIDANGAN agung UMNO 1988 bermula ketika sejumlah kecil bekas UMNO lama tidak begitu tertarik kepada UMNO. Bekas-bekas ahli UMNO lama itu berada di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah secara tidak rasmi. Sebahagiannya di bawah pimpinan Datuk Musa Hitam.

Datuk Shahrir Abdul Samad hampir-hampir menjadi juara protes setelah dia menang dalam pilihanraya kecil di Johor Bahru. Sayangnya dia terlanjur di Parlimen. Dia tidak mahu mengangkat sumpah beberapa hari atas alasan prinsip. Beberapa hari kemudian, dia sanggup pula mengangkat sumpah. Peristiwa begini sebenarnya menunjukkan ketiadaan prinsip. Menurut Datuk Yusof Abdul Rahman, wakil Kedah dalam persidangan agung UMNO, prinsip begini dinamakan prinsip "tahi minyak".

Tengku Razaleigh Hamzah telah mengatakan bahawa "mati hidup balik pun saya tidak akan menyertai UMNO". Kata-kata itu kelihatan meninggi. Annuar Musa yang dahulunya orang Tengku Razaleigh Hamzah, kini terang-terang mengatakan bahawa dia lebih menyayangi UMNO daripada Tengku Razaleigh Hamzah. Dia sanggup menderhaka, katanya. Yang lainnya kelihatan menerima penamaan atau gelaran golongan "serpihan UMNO" untuk ditujukan kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan orang-orangnya.

Segala keadaan yang muncul ketika persidangan agung 1988 ini sebenarnya menguntungkan Dr. Mahathir Mohamad. Beliau beruntung kerana tiada lagi penentang-penentang dalam UMNO yang sanggup berusaha bermati-matian untuk menjatuhkannya.

Jika Tengku Razaleigh Hamzah mati dan hidup semula, Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan memasuki UMNO pimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Oleh itu, dalam UMNO, Dr. Mahathir Mohamad tidak lagi berhadapan dengan penentang Tengku Razaleigh Hamzah, sama ada "sebelum mati" maupun " selepas mati".

Selain Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Rais Yatim juga dikenali umum sebagai penentang Dr. Mahathir Mohamad. Dia juga tidak berhasrat



*Dr. Mahathir Mohamad kecewa kerana beberapa orang menteri pilihannya tiba-tiba beralih haluan dan menentangnya*

menyertai UMNO. Dia masih sayu melihat kepulan asap dari jambatan yang dibakarnya. Dia tidak sudi berjalan di atas jambatan yang dibina oleh Dr. Mahathir Mohamad.

Khabarnya Datuk Radzi Sheikh Ahmad juga tidak berminat menyertai UMNO. Ini tidaklah memberi makna yang besar kepada Dr. Mahathir Mohamad. Ketiadaan Datuk Radzi Sheikh Ahmad dalam UMNO menguntungkan Shaari Jusoh yang pernah kalah di tangan Datuk Radzi Sheikh Ahmad di Kangar.

Banyak lagi nama yang boleh dicatatkan berserta dengan gelagat dan permasalahannya. Tidak perlu disebutkan kesemuanya. Memadailah kita katakan bahawa ketika Persidangan Agung 1988 diadakan ahli-ahli politik yang menentang Dr. Mahathir Mohamad sedang berada di dalam keadaan yang menguntungkan Dr. Mahathir Mohamad. Keadaan-keadaan ini, ditambah dengan faktor kemenangan pilihanraya kecil Parit Raja, menyebabkan Dr. Mahathir Mohamad berada di dalam keadaan penuh yakin untuk menerajui UMNO selanjutnya.

Dapat dijangka bahawa kumpulan serpihan akan terus menjalankan usaha untuk menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad dengan idea-idea baru mereka. Akan tetapi beberapa persediaan telah dikemukakan dalam persidangan agung yang bersejarah ini. Di antara persediaan-persediaan itu, yang paling menarik dan berkesan ialah usul menyambut ulang tahun UMNO asal. Tarikh 11hb. Mei akan disambut untuk mengingati penubuhan UMNO pada 11hb. Mei 1946. Dengan itu, angka keramat 1946 tidak akan dianggap melekat pada tubuh kumpulan serpihan UMNO. Jika kumpulan serpihan itu terus mengemukakan tahun keramat itu dalam kempen-kempen mereka, maka ketajaman tahun itu mungkin tidak lagi dirasai.

Seterusnya, dalam majlis makan ahli-ahli UMNO Johor, Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan maksud "Semangat 46". Semangat itu adalah semangat bersatu, semangat perpaduan, bukannya semangat untuk menuju perpecahan. Kemudian, untuk membuktikan kuatnya Semangat 46 dalam diri Dr. Mahathir Mohamad, beliau menjemput Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam menyertai kabinet.

Dr. Mahathir Mohamad juga menarik perhatian hadirin apabila beliau menjawab pandangan-pandangan dan permintaan-permintaan Annuar Musa dan Datuk Rashid Ngah. Mereka berdua mengatakan bahawa orang Melayu tidak akan dapat mencapai kemajuan yang cepat. Annuar Musa mengutarakan pandangan Zaaba yang mengatakan orang Melayu akan hanya menyemaikan golongan lain kira-kira 200 tahun akan datang. Datuk Rashid pula menganggap pemikiran Dr. Mahathir Mohamad terlalu ke hadapan dan tidak dapat dikehjau oleh pengikut-pengikutnya.

Dr. Mahathir Mohamad menjawab dengan kata-kata tegas, iaitu kita mesti maju dengan cepat. Apa yang orang lain boleh buat, kita juga mesti boleh buat. Kita jangan mudah mengalah.

Kata-kata "Kita jangan mudah mengalah" membayangkan sikap dan semangat yang ada pada peribadi Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Kita segera membandingkan beliau dengan Tun Hussein Onn yang meletakkan jawatan dalam suatu suasana yang mengancam kedudukannya ketika Datuk Harun Idris muncul kembali. Dr. Mahathir Mohamad tidak meletakkan jawatannya walaupun gangguan dan kekacauan direncanakan oleh berbagai-bagi pihak untuk menjatuhkannya. Ternyata Dr. Mahathir Mohamad memegang falsafah: Kita jangan mudah mengalah!

Dengan itu, tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa peribadi Dr. Mahathir Mohamad adalah peribadi yang harus dicontohi. Ketidaksetujuan seseorang terhadap cara atau kaedah pentadbirannya adalah suatu hal, akan tetapi kekuatan peribadinya adalah hal istimewa. Kebijaksanaannya dalam perancangan juga amat luar biasa.

Telah disebutkan bahawa persidangan UMNO diadakan ketika sejumlah besar bekas ahli UMNO tidak tertarik kepada UMNO. Perlu juga disebutkan bahawa ada kecenderungan untuk mengadakan kongres bangsa Melayu bagi menyatupadukan orang-orang Melayu. Pihak yang merencanakan kongres itu mempunyai pandangan bahawa orang Melayu betul-betul berpecah. Sesiapa yang sensitif pada keadaan keliling, iaitu yang meninjau perkembangan beberapa pihak yang bertentangan, pasti akan mendapati bahawa perpecahan bukannya masalah asas. Masalah asas yang timbul ialah keinginan untuk mengiktirafkan kelebihan seorang pemimpin. Maksud di sini, pihak yang menyokong Tengku Razaleigh Hamzah menganggap Tengku Razaleigh Hamzah bermutu daripada Dr. Mahathir Mohamad jika Tengku Razaleigh Hamzah berpeluang memerintah negara ini. Manakala pihak yang menyokong Dr. Mahathir Mohamad ingin melihat pemerintahan Malaysia terus diterajui oleh Dr. Mahathir Mohamad kerana Dr. Mahathir Mohamad telah memperlihatkan kemajuan yang membanggakan. Itu sahaja masalah yang timbul.

Jika tanpa kecenderungan memperbesarkan ketua, masalah perpecahan tidak timbul. Itulah sebabnya saya menganggap pertentangan ini adalah pertentangan non-antagonis. Oleh sebab itu sahaja masalahnya, maka kongres bangsa Melayu tidak akan memberi faedah yang cukup besar. Kita dapat persidangan UMNO kali ini merupakan "kongres" Melayu juga, iaitu suatu kongres yang amat demokratik dalam usaha menerajui pemerintahan negara. Jika Tengku Razaleigh Hamzah memilih untuk memelihara keadaan ini, iaitu menerima jemputan Perdana Menteri

memasuki kabinet, maka masalah besar ini akan padam dengan sendirinya. Datuk Musa Hitam pun demikian. Dr. Mahathir Mohamad masih mengingati Datuk Musa Hitam, walaupun Datuk Musa Hitam sebenarnya tidak akan menjadi masalah lagi, kerana ucapannya di Hong Kong pun sudah cukup untuk meletakkannya di tempat tertentu dalam hati orang Melayu.

Cadangan pertemuan lapan mata pun tampaknya tidak penting lagi selepas ini. Sering disebutkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, syarat pertemuan itu janganlah berat sebelah. Apakah ertinya berat sebelah itu? Pertemuan, perbincangan dan perundingan tidak ada kaitan dengan soal berat sebelah. Soal berat sebelah hanya timbul dalam pertandingan. Apabila soal berat sebelah masih ditimbulkan dalam konteks perundingan, maka dapatlah kita gambarkan bahawa Tengku Razaleigh Hamzah masih melihat perundingan ini sebagai suatu titik dalam deretan pertandingan.

Oleh kerana perpaduan Melayu dalam UMNO sudah pun jelas dalam persidangan agung Oktober 1988, maka kongres Melayu yang akan diadakan janganlah sampai merosakkan perpaduan UMNO itu.

Maksud saya, kongres tersebut janganlah sampai menimbulkan suatu cara atau gaya baru mencaci kepimpinan Melayu. Kita percaya, orang Melayu secara umumnya sedang memikirkan soal perpaduan. Jemputan yang dibuat oleh Dr. Mahathir Mohamad kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam sudah pun besar ertinya. Oleh itu, jika kongres diadakan, maka fikiran yang jernih hendaklah digunakan untuk meneruskan usaha penyatuan begini. Penolakan terhadap jemputan menjadi menteri masih boleh dilihat daripada sudut positif.

Sekali lagi disebutkan, persidangan UMNO tahun 1988 bermula ketika sejumlah bekas ahli UMNO tidak tertarik kepada UMNO. Akan tetapi, persidangan tersebut berakhir dengan suatu daya tarikan yang kuat. Orang-orang Melayu pasti memilih untuk bersatu-padu di bawah kepimpinan yang bijaksana dan berpandangan jauh.

## CANTUMAN SEMANGAT 46 DAN PAS: HALANGAN SEJARAH DAN PERWATAKAN

**T**AHUN 1988 ditutup dengan peristiwa rancangan percantuman Semangat 46 dengan PAS. Rancangan ini diterajui oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Walau bagaimanapun, sebagai suatu rancangan, kejayaannya belum dapat ditentukan. Kita sering mendengar slogan umum: Tuhan sahaja yang akan menentukan, manusia hanya berupaya merancang!!

Soalnya, adakah rancangan Tengku Razaleigh Hamzah ini merupakan rancangan yang telah difikirkan dengan rapi, atau sekadar untuk mengisi suatu kekosongan yang sementara sahaja? Kita mesti ingat bahawa Dr. Mahathir Mohamad juga pernah menggunakan *platform* PAS ketika beliau disingkirkan dari UMNO oleh Tunku Abdul Rahman, hampir dua puluh tahun yang lalu.

PAS tentu terfikir juga bahawa Tengku Razaleigh Hamzah akan menggunakan parti itu untuk tujuan-tujuan peribadi dan Semangat 46. Kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah sering memaparkan hasrat mereka yang satu, iaitu untuk memulihkan UMNO asal. Yang dimaksudkan dengan UMNO asal ialah UMNO yang dimusuhi oleh PAS sekian lama.

Dengan merapati PAS, Tengku Razaleigh Hamzah sebenarnya melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kemungkinan-kemungkinan yang difikirkan oleh sejumlah penyokong dan juga orang-orang kuatnya. Apa-apa yang bercanggah dengan pandangan dan agakan umum sebenarnya tidak mustahil di dalam politik. Tengku Razaleigh Hamzah dapat dikatakan menurut jejak Datuk Musa Hitam, iaitu berbuat sesuatu yang difikirkan bercanggah dengan pandangan umum.

Merapati PAS bererti merapati pihak yang pernah ditentangnya habis-habisan. Tengku Razaleigh Hamzah pernah dianggap handal kerana berjaya menjatuhkan kerajaan PAS di Kelantan. UMNO amat berbangga dengan kejayaan itu dan PAS amat memarahinya.

Ini tidaklah bererti bahawa orang lain tidak berfungsi dalam usaha menjatuhkan PAS, tetapi sekurang-kurangnya telah diterima umum bahawa Tengku Razaleigh Hamzah adalah tokoh utama yang menyebabkan Barisan Nasional menang dengan cemerlang di Kelantan.

Dr. Mahathir Mohamad mengetahui keupayaan Tengku Razaleigh Hamzah. Itulah sebabnya beliau tidak mengetepikan tokoh tersebut walaupun dipinta oleh Datuk Musa Hitam. Kini, apabila Tengku Razaleigh Hamzah menghulurkan tangan persahabatan, adakah PAS dapat menerimanya dengan rasa penuh muhibah? Apabila Tengku Razaleigh Hamzah mengajak orang-orang PAS belayar bersama-sama di atas sebuah kapal yang besar, adakah orang-orang PAS tidak curiga kalau-kalau orang-orang Semangat 46 akan buat kacau di atas kapal itu? Jika berlaku kekacauan di atas kapal itu, mungkin Semangat 46 dan PAS karam bersama-sama dan UMNO terus senyum.

Secara langsung (*direct*) memanglah kebanyakan kita tidak dapat melihat bahawa Tengku Razaleigh Hamzah telah mengikut jejak Datuk Musa Hitam. Hal ini perlu diterangkan dengan suatu soalan retorik (*rhetorical question*): Bukankah Datuk Musa Hitam merapati musuh politiknya untuk bersatu menentang Dr. Mahathir Mohamad? Dengan memikirkan jawapan untuk soalan ini, dapatlah kita merenungi keseluruhan perkembangan ini dengan kritis dan analitis.

Sayangnya, perhubungan Tengku Razaleigh Hamzah dengan PAS menyebabkan perhubungan beliau dengan Datuk Musa Hitam renggang semula. Kalaupun PAS dapat menerima Tengku Razaleigh Hamzah untuk jangkamasa tertentu, PAS tidak dapat menerima Datuk Musa Hitam. Menurut tanggapan PAS Allah menghendaki Datuk Musa Hitam hilang jawatan kerana peristiwa Memali. Dalam memorandum PAS kepada Dr. Mahathir Mohamad, antara lain PAS meminta agar Datuk Musa Hitam meletakkan jawatannya kerana peristiwa berdarah tersebut.

Buat masa ini terlalu mustahil Datuk Musa Hitam dapat diterima oleh PAS sama seperti Tengku Razaleigh Hamzah. Dengan kata lain, dalam hal hubungan dengan PAS, Tengku Razaleigh Hamzah tidak dapat berganding bahu dengan Datuk Musa Hitam.

Pemuda UMNO telah mengemukakan pandangan mereka tentang hal ini. Rancangan kerjasama di antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan PAS membayangkan langkah penentangan yang berterusan di antara Semangat 46 dengan UMNO. Dan, perlu disebutkan Semangat 46 yang merapati PAS itu bukanlah keseluruhan serpihan UMNO, tetapi serpihan daripada serpihan.

Serpihan yang satu lagi, iaitu yang kebanyakannya berada di Johor, mengalami percakaran lagi. Serpihan di Johor itu menghasilkan dua serpihan, iaitu yang diketuai oleh Datuk Musa Hitam dan yang diketuai oleh Othman Saat.

Sebenarnya kerjasama PAS dengan Semangat 46 tidak diterima secara

menyeluruh oleh pihak PAS. Haji Yusof Rawa sendiri menganggap hasrat Tengku Razaleigh Hamzah itu sebagai hasrat individu. Tampaknya Halim Arshat menerima baik rancangan demikian. Dan kita tahu kebanyakan pengikut PAS menanti-nanti huraian Ustaz Abdul Hadi Awang.

Penerimaan oleh sebahagian tokoh PAS sebenarnya bersandarkan satu alasan sahaja, iaitu percantuman itu akan menyebabkan tenaga mereka bertambah. Tenaga yang bertambah itu dianggap berguna untuk menentang Barisan Nasional.

Pihak yang menolak percantuman ini mempunyai beberapa alasan. Jika ditinjau secara menyeluruh, alasan-alasan itu dapat dijadikan dua bahagian sahaja, iaitu alasan sejarah dan alasan perwatakan.

Alasan sejarah ialah alasan yang berkaitan dengan perkembangan pemikiran dan tindakan yang berlaku bertahun-tahun lamanya. Tengku Razaleigh Hamzah dapat dianggap tokoh yang membentuk sejarah tertentu yang menyebabkan PAS mengalami zaman meleset. Walaupun kepahitan yang dihasilkan oleh tindakan Tengku Razaleigh Hamzah tidak dapat namun dianggap sama dengan kepahitan yang dihasilkan oleh Datuk Musa Hitam, jika ditinjau daripada sudut hubungan kerajaan dengan pembangkang, maka Tengku Razaleigh Hamzah adalah bekas musuh ketat PAS juga.

Alasan perwatakan ialah alasan yang berkaitan dengan ciri-ciri yang diharapkan oleh PAS untuk seseorang itu menjadi pemimpin. Ustaz Abdul Hadi Awang pernah menghuraikan ciri-ciri pemimpin dalam masyarakat Islam dengan jelas dan panjang lebar. Untuk memenuhi sifat pemimpin Islam seperti mana yang dikemukakan oleh Ustaz Abdul Hadi Awang, seseorang tokoh UMNO itu memerlukan kesungguhan mempelajari hal-hal politik Islam serta hukum hakam Islam yang berkaitan dengan undang-undang dan pemerintahan. Ini tentu mengambil masa yang panjang. Tengku Razaleigh Hamzah tentu tidak dapat meluangkan banyak masa untuk tujuan tersebut.

Sebagai contoh pinggiran, tokoh-tokoh PAS memaparkan perwatakan yang bercorak ulama, baik daripada segi pakaian mahupun gaya percakapan (yang diiringi petikan dan terjemahan Al-Quran dan Hadis). Mereka telah menguasai cara dan gaya ini, terutama dalam era Ustaz Abdul Hadi Awang. Cara dan gaya ini tidak pernah dipaparkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, Hajah Marina Yusof, Datuk Rais Yatim dan tokoh-tokoh di dalam kumpulan Semangat 46. Bahkan, daripada sudut pandangan Islam, wanita dikehendaki menutup rambutnya.

Ini berlawanan dengan kebiasaan Hajah Marina Yusof sejauh ini. Walaupun Benazir Bhutto telah menjadi Perdana Menteri Pakistan pada akhir tahun 1988, PAS belum memaparkan rasa senangnya terhadap

kelantangan wanita dalam barisan kepimpinan.

Akhir sekali, kita menyoal adakah Tengku Razaleigh Hamzah telah memutuskan untuk menjadi pembangkang dalam etikata yang sebenar-benarnya? Jika beliau berhasrat demikian, maka beliau perlu menjelaskan ideologi yang kukuh agar mudah difahami oleh pengikut-pengikutnya. Hal ini tentu berbeza daripada kedudukannya sebagai pembangkang di dalam UMNO. Di dalam UMNO seseorang tokoh tidak begitu memerlukan ideologi yang jelas, memadai dengan kebolehan melanjutkan kepimpinan yang ada.



*Kartun karya Kartekana yang dapat dianggap salah sebuah karya kartun terbaik dalam tahun ini. Kartun ini bertemakan usaha penyesuaian perwatakan di antara Semangat 46 dengan PAS (Watan, 10/1/1989)*

## DATUK HARUN IDRIS DI AMPANG JAYA

**K**AWASAN parlimen Ampang Jaya adalah kawasan majoriti Melayu. Walaupun begitu, atas alasan tolak ansur dan persefahaman, kawasan tersebut (daripada sudut pandangan Barisan Nasional) adalah kawasan MCA. Jadi, pada 28hb. Januari 1989 calon MCA mewakili Barisan Nasional menentang calon Bebas yang amat popular, iaitu Datuk Harun Idris.

Calon-calon Bebas yang lain dalam pilihanraya kecil itu ialah Loh Ah Haa, Syed Idrus Syed Ahmad, Adam Daim, Bakar Said dan Wang Ah Hong. Seperti yang berlaku di Parit Raja, calon-calon ini muncul secara tiba-tiba. Mereka tidak pernah dikenali umum. Adalah dijangka pernyataan mereka tidak memberi apa-apa kesan yang penting. Pertandingan yang dirasai oleh penduduk-penduduk Ampang Jaya ialah di antara Datuk Harun Idris dengan Ong Tee Kiat, calon Barisan Nasional.

Jika Datuk Harun Idris menang dalam pertandingan itu, kumpulan Semangat 46 yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah pastilah berasa gembira, kerana ini adalah kali kedua mereka menang, selepas pilihanraya kecil Johor Bahru. Walau bagaimanapun, ciri pertandingan ini berbeza daripada yang lalu. Perbezaan yang penting adalah perbezaan parti yang mewakili Barisan Nasional itu sendiri. Rakyat secara umumnya akan meninjau aspek polarisasi kaum dan aspek calon yang mewakili Barisan Nasional.

Pada tahun 1986, Dr. Lim Ann Koon menang dengan majoriti undi 30,721. Lawannya pada masa itu ialah R.S.Menon dari SDP. Secara kasar dan sepiantas lalu, kita beranggapan para pengundi Melayu yang berjumlah lebih 40,000 orang pada masa itu telah memilih parti dan di atas dasar itu Dr. Lim Ann Koon menang.

Pada kali ini Ong Tee Kiat yang berusia 32 tahun terpaksa bertanding dengan Datuk Harun Idris yang berusia 64 tahun. Adakah rakyat di kawasan itu masih kekal setia kepada parti, atau sejumlah besar mereka memihak kepada Datuk Harun Idris kerana populariti, jasa-jasa lama dan usia yang dua kali ganda daripada usia calon dari MCA itu? Pengundian

pada 28 hb. Januari 1989 telah menjawab soalan ini.

Ciri lain yang membezakan pilihanraya tersebut daripada pilihanraya di Johor Bahru ialah suasana dalam UMNO sendiri. Beberapa perkara telah berubah. Dr. Mahathir memperlihatkan sikap bertolak ansur dengan pihak Semangat 46 sejak akhir tahun 1988, iaitu dengan menawarkan jawatan menteri untuk Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam, dan seterusnya mempelawa kesemua orang Melayu menyertai UMNO. Pada minggu keduatahun 1989, Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa Majlis Tertinggi UMNO menerima keenam-enam ketetapan Perhimpunan Melayu Negeri Johor yang diputuskan pada 18 hb. Disember 1988. Ketetapan di Johor Bahru itu dibuat dengan kehadiran Datuk Musa Hitam dan Tun Hussein Onn. Datuk Musa Hitam memikirkan soal kompromi dengan menyatakan bahawa kedua-dua pihak hendaklah berusaha mengatasi konflik yang wujud. Tun Hussein Onn pula berusaha sebagai orang tengah menemui Tengku Razaleigh Hamzah.

Tengku Razaleigh Hamzah pula mengambil tindakan lain, iaitu menyatakan hasratnya untuk bekerjasama dengan PAS. Kesediaan itu menarik minat sebahagian orang Melayu. Walau bagaimanapun, Datuk Musa Hitam tidak memperlihatkan reaksi menyokong langkah demikian. Dengan itu, dapat dikatakan, kedua-dua tokoh tersebut menemui jalan tersendiri untuk mengekalkan imej mereka di kalangan orang Melayu.

Pilihanraya Ampang Jaya tidak dapat melukiskan gambaran yang sepenuhnya hasil tindakan tokoh-tokoh itu. Takdirnya Datuk Harun menang pada hari itu, sungguhpun Semangat 46 boleh berasa gembira, kemenangan itu tidak akan menonjolkan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai pemimpin, tetapi merupakan kemenangan peribadi Datuk Harun Idris selaku bekas veteran dalam UMNO dan kerajaan Selangor. Datuk Harun Idris sering disebut sebagai tokoh Melayu dekad 70-an.

Datuk Harun kalah. Dapatlah kita anggap bahawa orang Melayu Ampang Jaya mempercayai parti. Kita katakan demikian kerana jumlah pengundi Melayu di kawasan itu ialah 46,065 orang. Jumlah ini benar-benar jumlah penentu. Pengundi Cina hanya berjumlah 18,538 orang. Jika kesemuanya mengundi dan pengundi Cina memilih Ong Tee Kiat, jumlah undi itu hanyalah 26 peratus daripada kesemua undi. Dengan kata yang lebih langsung (direct), Ong Tee Kiat tidak akan menang tanpa sokongan besar pengundi Melayu. Dakwaan Datuk Harun bahawa dia mendapat 55 peratus undi Melayu tidak masuk akal.

Dalam keadaan demikian, Datuk Musa Hitam tidak berasa kalah setelah Datuk Harun Idris kalah. Beliau sebelum pilihanraya itu telah melahirkan rasa gembira kerana Majlis Tertinggi UMNO menerima

ketetapan kongres yang dihadirinya. Bahkan dengan suara yang merendah, Datuk Musa Hitam mengatakan beliau mempunyai masa untuk memikirkan sama ada akan menyertai UMNO ataupun tidak. Beliau tidak berpatah arang dengan UMNO seperti yang dijangkakan oleh sejumlah pemerhati politik pada tahun 1988. Beliau bukanlah penyokong Datuk Harun Idris dalam pertandingan tersebut. Beliau telah menyatakan bahawa kehadirannya ke tempat penamaan calon hanyalah kerana beliau berjanji untuk hadir. *Mingguan Malaysia*, 15 hb. Januari 1989 melaporkan bahawa Datuk Musa Hitam mengakui kedatangannya bukan untuk menyokong mana-mana pihak.

Isu menghidupkan UMNO asal tidak dapat digunakan dengan baik untuk memancing undi di Ampang Jaya. Dikatakan demikian kerana perjuangan Tengku Razaleigh Hamzah dengan cara mendekati PAS tidak sejajar dengan cita-cita menghidupkan UMNO yang asal. PAS adalah musuh politik UMNO asal dan juga musuh politik UMNO yang ada kini. Dengan itu, pihak Datuk Harun Idris telah menekankan soal kebaikan untuk orang Melayu secara umum, kerana mereka sedar soal UMNO tidak akan menjadi isu yang betul-betul memikat hati pengundi ketika itu.

Keadaan yang sebaliknya juga dirasai oleh pihak UMNO yang sedia ada. Yang disokong oleh UMNO dalam pilihanraya ini ialah teman seberisan, bukan teman seperti. Oleh itu, isu memantapkan UMNO yang ada kini tidak akan mendapat penekanan. Yang ditekankan mereka ialah isu pembangunan melalui Barisan Nasional. Mereka menyebutkan bahawa Ong Tee Kiat hanyalah salah seorang wakil di parliment (jika dia menang). Yang penting ialah Barisan Nasional, bukannya Ong Tee Kiat.

Pilihanraya Ampang Jaya tidak kaya dengan isu. Ini dirasakan sejak awal-awal lagi. Dr. Lim Ann Koon telah meletakkan jawatan kerana jemu dan letih menjadi wakil rakyat di situ. Alasan itu tidak munasabah, tetapi jika benar maka bermakna alangkah tidak bermaknanya menjadi wakil rakyat Ampang Jaya. Di tempat-tempat lain orang berebut-rebut hendak menjadi wakil rakyat, tetapi di Ampang Jaya wakil rakyat meletakkan jawatan kerana jemu dan letih. Ada anggapan bahawa perletakan jawatan Dr. Lim adalah hasil pujukan Semangat 46. Sejauh ini anggapan demikian tidak disahkan oleh apa-apa bukti yang jelas. Dr. Lim adalah wakil rakyat dari kalangan terpelajar, jadi bagaimana beliau boleh terpengaruh dengan pujukan pihak lain dengan sedemikian mudah?

Perlu ditegaskan bahawa di sana sini orang meramalkan bahawa Datuk Harun Idris akan memenangi pilihanraya itu. Walaupun beliau mudah digerhanakan dengan mengungkit sejarahnya dalam tahun 70-an, iaitu kisah beliau dipenjarakan kerana rasuah, sejarah telah merakamkan bahawa

popularitinya tidak berakhir ketika beliau di dalam penjara. Beliau masih berjaya mendapatkan kedudukan dalam parti ketika itu. Tambahan pula, seperti yang disebutkan oleh A.Ghani Ismail, MCA hanya bersenjatakan peluru kapur dengan mengemukakan calon muda yang bernama Ong Tee Kiat. Jika MCA betul-betul berminat bertanding dalam pilihanraya ini, tokoh yang sepatutnya dikemukakan untuk menentang Datuk Harun Idris ialah Michael Chen. Keterbalikan daripada itu juga harus difikirkan. Jika dengan peluru kapur Datuk Harun Idris dapat ditewaskan, maka amatlah berat bahu memikul. Akhirnya memang itulah yang terjadi. Peluru kapur dari MCA telah dibantu dengan bambu runcing dari UMNO. Datuk Harun Idris kalah!!



*A.Ghani Ismail mempunyai gaya yang menarik dalam ulasan politik. Dalam hal pilihanraya Ampang Jaya, dia mengatakan MCA menggunakan "peluru kapur" menentang Datuk Harun Idris. Rupa-rupanya "peluru kepur" dapat menewaskan Datuk Harun*

## **KEKALAHAN DATUK HARUN IDRIS DI AMPANG JAYA: ALASAN DAN IMPLIKASI**

**S**EBELUM pilihanraya 28 hb. Januari 1989, iaitu dalam masa kempen, ada beberapa hujah untuk memenangkan Datuk Harun Idris. Pertama, beliau dikatakan tokoh Melayu dari kumpulan serpihan. Kedua, beliau disokong oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Ketiga, majoriti pengundi di Ampang Jaya ialah orang Melayu. Keempat, beliau disokong oleh PAS dan DAP. Kelima, seperti yang sering disebut-sebut oleh Datuk Harun Idris sendiri dan disokong kuat oleh Datuk Shahrir Abdul Samad, kumpulan mereka (iaitu Semangat 46) akan membawa perubahan. Dan yang keenam beberapa orang penceramah, termasuk Tengku Razaleigh Hamzah, menyatakan bahawa Datuk Harun amat berjasa di Selangor.

Hujah-hujah tersebut dibalas oleh Datuk Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Besar Selangor. Menurutnya, Barisan Nasional akan menang kerana penyokong-penyokong kumpulan serpihan sudah mulai menyertai UMNO. Kedua, kerjasama kumpulan serpihan dengan DAP menyebabkan mereka terkeluar dari landasan asal. Ketiga, para pengundi mulai sedar tentang politik kepentingan diri kumpulan serpihan. Keempat, para pengundi menghendaki perpaduan dan kesejahteraan. Kelima, taktik kotor kumpulan serpihan menimbulkan rasa simpati pengundi terhadap Barisan Nasional. Keenam, undi Barisan Nasional tidak akan beralih kepada calon-calon bebas yang mencuba nasib (maksudnya ialah calon-calon bernama Loh Ah Hua, Adam Daim, Bakar Said, Wong Ah Hong dan Syed Idrus Syed Ahmad). Dan, ketujuh adalah biasa dan umum: Calon Barisan Nasional mampu berkhidmat kepada rakyat.

Dalam kempen yang berlangsung selama dua minggu itu, Tunku Abdul Rahman ada menyatakan bahawa zaman pemerintahan Jepun lebih baik daripada zaman Dr. Mahathir Mohamad. Kata-kata ini menyebabkan sejumlah pengundi tersinggung. Mereka berfikir bahawa Tunku Abdul Rahman menggemari pemerintahan Jepun yang penuh penderitaan itu. Ada yang berfikir bahawa sebagai putera raja Tunku mendendami Dr. Mahathir Mohamad tidak habis-habis. Ini tentunya tidak baik dalam pembinaan sikap politik yang maju dan seimbang.

Selain itu, muncul juga corak kempen yang menyatakan adalah haram orang Islam mengundi calon bukan Islam. Tokoh PAS iaitu ketua ulamanya (Ustaz Nik Aziz Nik Mat) menyetujui hujah ini (*Harakah*, 27.1.89), walaupun PAS pernah berusaha untuk bekerjasama dengan orang bukan Islam. Hujah ini tidak masuk ke dalam fikiran majoriti orang Melayu tahun 1989. Pada hari pengundian, bertempat tidak berapa jauh dari pintu pagar Dewan Serbaguna Sri Keramat, ada pertengkaran tentang hal ini. Seorang lelaki yang memakai lencana Semangat 46 bertempik: Haram orang Islam menyokong orang bukan Islam. Seorang perempuan dari UMNO menjawab: Sebutkan bukti dari Hadis!! Lelaki itu kelihatan tersengih-sengih.

Pertengkaran menjadi-jadi apabila lelaki itu berpatah balik dan berkata: Nampak muka cantik, tapi menyokong kafir. Si perempuan pula bagaikan hendak menyerang: Ingat, siapa yang mula dulu! Sampai ke peringkat ini beberapa orang yang berlencana Barisan Nasional meminta perempuan itu bersabar. Tidak dapat dipastikan adakah Datuk Shahrir Samad yang bersandar di kereta *Proton Saga* tidak jauh dari tempat pertengkaran itu dapat mendengar pertengkaran dan bunga-bunga pergaduhan itu. Seorang pegawai polis yang lalu di situ kelihatan berwaspada, barangkali akan bertindak jika keadaan kian menyulitkan.

Inilah antara lain yang dimaksudkan taktik kotor kumpulan serpihan. Taktik ini tidak tersusun dengan baik. Mereka memunculkan hujah bahawa orang Islam tidak boleh menyokong orang bukan Islam, pada masa yang sama mereka merapati DAP. Datuk Rais Yatim berjanji akan membawa rakyat hidup secara Islam tulen, tetapi beliau menyertai forum DAP untuk mengecam kerajaan. Walaupun beliau berhujah bahawa kehadirannya ke majlis DAP hanya menghormati jemputan DAP, namun daripada sudut strategi tindakan itu menyebabkan kumpulan serpihan kian serpih. Kesan ini samalah dengan kesan kelakuan Datuk Shahrir Samad yang enggan mengangkat sumpah di parlimen pada akhir tahun 1988.

Kekalahan Datuk Harun Idris adalah pukulan yang paling kuat terhadap Semangat 46. Ternyata para pengundi telah memilih parti. Ong Tee Kiat yang mewakili Barisan Nasional bukanlah tokoh MCA. Menurut pandangan A.Ghani Ismail, MCA mengemukakan peluru kapur untuk menentang Datuk Harun Idris, seorang tokoh yang amat perasa dalam tahun 1970-an. A. Ghani Ismail tidak kescorongan berpendapat demikian. Zakry Abadi kehilangan lima ratus ringgit.

Dr. Mahathir Mohamad sedang sakit ketika kempen pilihanraya berlangsung. Datuk Shahrir Samad menyatakan bahawa pembangunan yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir Mohamad adalah pembangunan cara



**Datuk Harun Idris di Ampang Jaya menggunakan slogan "Gua caya lu, lu caya gua". Hasilnya pihak lu tak caya pada pihak gua**

lama, cara tahun 30-an dan sudah ketinggalan zaman. Kata-kata Datuk Shahrir Samad itu menyebabkan orang bersimpati kepada Dr. Mahathir Mohamad, tokoh pembangunan dekad 80-an. Kata-kata itu tidak wajar diucapkan ketika Dr. Mahathir sedang sakit. Orang Melayu tidak suka memperkecilkan orang sakit. Lagipun tiada scorang pun akan memikirkan bahawa Datuk Shahrir dapat melaksanakan pembangunan yang lebih bermakna jika beliau atau kumpulannya memerintah negara.

Kesimpulan akhir keputusan pilihanraya Ampang Jaya 28 hb. Januari 1989 ialah bahawa kemenangan Barisan Nasional memaparkan sokongan rakyat terhadap kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad di peringkat nasional dan Datuk Muhammad bin Muhammad Taib di peringkat negeri. Untuk tujuan itu, ahli-ahli UMNO memberi sokongan kepada MCA dan pihak MCA pula perlulah memperlihatkan kerjasama untuk mengimbangi sokongan sedemikian. Pihak Semangat 46 pula perlulah mengambil waktu untuk bertengang memikirkan jalan damai tanpa memikirkan kuasa melalui pertentangan yang berlebih-lebihan.